

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KEDUA PENGGAL KELIMA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN YANG KE-13 PADA 7 OGOS 2017

HADIR:

BIL.	NAMA	ADUN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: Y.B. Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Kota
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.	Rantau
3.	Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, D.P.N.S., D.M.S.M., P.P.T., J.P., A.N.S., A.M.N., P.M.C., P.J.K.	Labu
4.	Y.B. Dato' Manickam a/l Letchuman, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Jeram Padang
5.	Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Senaling
6.	Y.B. Dato' Haji Shamshulkahar bin Haji Mohd. Deli, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Serting
7.	Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris, D.P.N.S., D.N.S., P.J.K.	Chembong
8.	Y.B. Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias, D.P.N.S., P.G.D.K., D.N.S., J.P.	Pertang
9.	Y.B. Dato' Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, D.P.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Bagan Pinang
10.	Y.B. Dato' Abd. Razak bin Ab. Said, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Gemas
11.	Y.B. Dato' Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, D.P.N.S., J.P.	Ampangan
12.	Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, D.S.N.S.	Palong
13.	Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, D.S.N.S.	Juasseh
14.	Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, D.P.N.S., D.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Seri Menanti
15.	Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, D.S.N.S., D.M.S.M., K.M.N., J.P., P.J.K.	Klawang
16.	(Kosong)	Lenggeng
17.	Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, D.N.S., P.M.C.	Sungai Lui
18.	Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Johol

BIL.	NAMA	ADUN
19.	Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Paroi
20.	Y.B. Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd. Redza, D.P.N.S.	Linggi
21.	Y.B. Dato' Mohd. Isam bin Haji Mohd. Isa, D.P.N.S., D.N.S., A.N.S., P.J.K.	Gemencheh
22.	Y.B. Tuan Loke Siew Fook	Chennah
23.	Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
24.	Y.B. Tuan Cha Kee Chin	Bukit Kepayang
25.	Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Senawang
26.	Y.B. Tuan Chai Tong Chai	Chuah
27.	Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin	Lukut
28.	Y.B. Tuan Yap Yew Weng	Mambau
29.	Y.B. Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
30.	Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy	Port Dickson
31.	Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
32.	Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
33.	Y.B. Tuan Chew Seh Yong	Bahau
34.	Y.B. Tuan Siow Kim Leong	Lobak
35.	Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai

TIDAK HADIR DENGAN IZIN:

BIL.	NAMA	ADUN
1.	Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, D.S.N.S., P.M.C., P.J.K.	Pilah

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Seri Haji Mat Ali bin Hassan, S.S.N.S., D.P.N.S., D.P.T.J., J.M.N., A.M.T., P.A.T.)
2. Y.B. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Iskandar Ali bin Dewa, D.P.N.S., A.M.P.)
3. Y.B. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Johani bin Hassan, D.B.N.S., D.N.S., K.M.N., A.N.S.)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Encik Mohd. Amin bin Ludin, A.N.S.)
2. PENOLONG SETIAUSAHA
(Puan Nurul Izzati binti Abd. Aziz)

Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan Y.B. Yang Dipertua Dewan.

[Persidangan dimulakan pada jam 10.00 pagi]

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Persidangan Kedua Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13. Susunan Mesyuarat. Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Klawang.

[Y.B. ADUN Klawang telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG BERHORMAT YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan; Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Yang Berhormat ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat datang ke Persidangan Kedua Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang akan berlangsung pada hari ini, 7 Ogos 2017.

Keduanya, saya memaklumkan bahawa, saya telah memberi keizinan kepada Yang Berhormat ADUN Pilah, mengikut Fasal 54, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan 1959, yang tidak dapat hadir di persidangan Dewan kali ini kerana menunaikan fardu haji. Dan untuk makluman juga, seorang lagi ahli Dewan iaitu Yang Berhormat ADUN Chembong juga akan berangkat menunaikan fardu haji pada hari ini juga, pada malam ini.

Ketiga, sepertimana yang kita semua maklum, bahawa Dewan ini telah kehilangan seorang ahlinya dengan kembalinya Allahyarham Dato' Haji Ishak bin Ismail, ADUN Lenggeng ke rahmahtullah pada 18 Julai 2017

yang lalu. Innallah, innalillahi wainnailaihi rojiun, dari Allah kita datang dan kepada Allah kita akan kembali. Dewan ini merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham. Marilah kita hadiahkan surah Al-Fatihah kepada Allahyarham, dan sama-sama kita mendoakan mudah-mudahan rohnya sentiasa dicucuri rahmat Allah s.w.t. Al-Fatihah. [Dewan berhenti sebentar untuk bacaan surah Al-Fatihah]. Amin. Dewan ini juga merakamkan ucapan penghargaan di atas penglibatan serta jasa bakti yang telah dicurahkan oleh Allahyarham sepanjang tempoh beliau menjadi ahli Dewan.

Seperti biasa, saya mengingatkan ahli-ahli Yang Berhormat supaya sentiasa mematuhi Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan sepanjang persidangan ini. Saya berharap di persidangan kali ini, tiada lagi penggunaan kata-kata yang tidak sesuai yang tidak sepatutnya disebut di Dewan yang mulia ini. Untuk pengetahuan ahli Yang Berhormat, ada di antara perkataan itu apabila diulang, dicetak dan dibaca melalui *hansard* kadang-kadang agak memalukan kita sebagai ahli Dewan dan tidak tergamak kita untuk mengulangi kata-kata itu di luar waktu perbahasan kita. Menjadi kewajipan kita sebagai ahli Dewan untuk menjaga etika dan nama baik ahli Dewan dan juga Dewan yang mulia ini. Sekian, wabillahirahmat walhidayah, wassalamualaikum w.b.t. Selamat bersidang.

3. PERINGATAN MESYUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara ketiga, Peringatan Mesyuarat. Mengesahkan Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 yang telah diadakan pada 10 dan 11 April 2017.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Peringatan Mesyuarat Kali Pertama (Perasmian) Penggal Kelima, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 telah diadakan pada 10 dan 11 April 2017 telah pun diedarkan salinannya.

Ada sedikit pindaan Penyata Rasmi iaitu tajuk di Perkara 7, muka surat 167 iaitu menggantikan ayat sedia ada dengan "PEMILIHAN AHLI DEWAN NEGARA MELALUI DEWAN UNDANGAN NEGERI". Oleh itu ada apa-apa teguran? Sekiranya tiada, harap seorang ahli mencadangkan dan seorang ahli menyokong supaya disahkan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin untuk mencadangkan supaya Peringatan Mesyuarat tersebut disahkan, terima kasih.

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang ber, ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Peringatan Mesyuarat ini disahkan, sila angkat tangan [semua 33 orang ahli Dewan yang hadir bersetuju]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Sebulat suara bersetuju. Peringatan Mesyuarat ini disahkan.

[Seterusnya Y.B. Yang Dipertua Dewan menandatangani Peringatan Mesyuarat tersebut].

4. MEMBENTANGKAN KERTAS DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Membentangkan Kertas Dewan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya mohon izin membentangkan Kertas Dewan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian iaitu Kertas Dewan Bilangan 2/2017 "Cadangan Mengadakan Peruntukan Bagi Mencegah Penggunaan Tidak Wajar Lambang, Anugerah Dan Gelaran Yang Dikurniakan Oleh Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Dan Perkara-Perkara Yang Berkaitan Dengannya Melalui Rang Undang-Undang Enakmen Lambang, Anugerah Dan Gelaran (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Negeri Sembilan 2017."

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kertas Dewan Bilangan 2/2017 adalah dibentangkan.

5. **MEMBENTANGKAN LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN**

Setiausaha Dewan: Perkara kelima, Membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun membentangkan Laporan dan Penyata Kewangan yang ada di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat iaitu, yang nombor 1 – Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan Negeri Sembilan Bagi Tahun 2017. Kedua, Laporan Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan, Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan 2017 dan ketiga, Penyata Kewangan dan Sijil Ketua Audit Negara; Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Sembilan bagi tahun berakhir 31 Disember 2016. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, Laporan dan Penyata Kewangan adalah dibentangkan.

6. **PERTANYAAN-PERTANYAAN**

6.1 **Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan**

Setiausaha Dewan: Perkara keenam, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan lisan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan ADUN Juasseh.

Y.B. ADUN Juasseh: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan pertama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, Dasar Perumahan Kerajaan Negeri Sembilan telah pun kita lancarkan pada tahun 2015 iaitu pada persidangan kita pada Jun 2015. Dasar Perumahan Kerajaan Negeri Sembilan ini dibuat adalah semata-mata untuk kita, Kerajaan Negeri Sembilan mewujudkan satu sistem intervensi yang mana sistem yang ada kawalan harga tentang industri perumahan ini Dato' Yang Dipertua. Kerana selama ini Dasar Perumahan Negara yang kita guna pakai yang telah pun berpuluh tahun, pada ketika dilancarkan Dasar

Perumahan Negara ini, dia memang baik. Negara kita pada ketika itu baru merdeka dan baru sahaja lepas daripada, kita menukar daripada ekonomi pertanian kepada ekonomi perindustrian. Banyak penghijrahan daripada luar bandar ke bandar dan pertumbuhan bandar dan pekan begitu pesat sekali. Maka ramailah orang yang datang ke bandar dan terdapat masalah yang amat besar pada ketika itu untuk orang mendapat tempat kediaman di kawasan bandar kerana mereka ini dulu bekerja di sektor pertanian, tapi sekarang bekerja di sektor perindustrian terutama pada awal tahun 70an.

Maka Dasar digubal untuk memastikan supaya masalah yang dihadapi untuk menempatkan orang yang datang berhijrah ke bandar ini ditangani segera. Maka dibuatlah suatu dasar iaitu Dasar Perumahan Negara yang mana dasar perumahan ini mewajibkan semua pemaju-pemaju mesti mengadakan ataupun mesti membina sekurang-kurangnya 30% rumah harga murah, ataupun *low cost*, rumah yang berharga murah, Dato' Dipertua. Yang lain-lain tu, lagi 70% itu terpulanglah kepada kebijaksanaan pemaju-pemaju ataupun pemain industri tersebut untuk menjual mengikut kehendak pasaran pada ketikanya.

Maka dasar ini baik Dato' Dipertua, tetapi dah tak boleh lagi digunapakai ataupun tidak lagi mencerminkan keadaan semasa. Dan permintaan rumah ni Dato' Dipertua, memang selalunya meningkat, sentiasa sahaja meningkat kerana pertambahan penduduk daripada cuma 15 juta, sekarang dah hampir 30 lebih juta. Maka, sudah semestinya rumah menjadi sebagai industri tumpuan. Dan rumah diperlukan untuk menempatkan ramai orang. Maka, selama ini, dasar yang digunapakai diguna, dan baik, tetapi sudah sampai masanya Kerajaan Negeri melihat dasar ini dan dikaji semula supaya kita dapat mencerminkan keadaan semasa dan mewujudkan satu sistem mekanisme, mekanisme untuk mengawal harga. Kerana apa yang berlaku sekarang ini, bukan rumah tak ada Dato' Dipertua, tetapi rumah dah di luar kemampuan orang untuk membeli. Ini diperhatikan dan ini kita kaji. Dan masalah ini telah pun melibatkan dan jugak me, mencemarkan nama baik kerajaan kerana orang ramai menuding jari, masyarakat dan rakyat menuding jari kepada kerajaan bahawa rumah dah terlampau mahal, dan mereka dah tak mampu lagi membeli. Dan tidak ada pulak kerjasama yang dibuat oleh pihak pemaju untuk memastikan bahawa golongan berpendapatan rendah dan sederhana ini diberikan sesuatu kuota ataupun sesuatu jumlah yang khusus untuk, khas untuk mereka. Kerana keadaan industri perumahan cuma mengikut keadaan permintaan, *demand and supply*.

Jadi Dato' Yang Dipertua, terdapatnya banyak unsur spekulasi, unsur-unsur pengambil keuntungan yang berlebihan. Dan ini melibatkan nama baik kerajaan yang mana kerajaan tak ada apa-apa pun. Tidak ada apa-apa peranan dalam industri perumahan ini. Cuma kita membenarkan dari segi Kebenaran Merancang dan lain-lain. Kerajaan terpaksa pulak akhirnya terbeban untuk membina rumah-rumah mampu milik kepada masyarakat untuk kita membekalkan rumah-rumah yang perlu kepada golongan berpendapatan rendah dan berpendapatan sederhana ini.

Jadi, terpaksa diwujudkan berbagai-bagai agensi dengan kos begitu tinggi. Wujudlah SPNB, wujudlah, dan jugak macam-macam lagi, PR1MA-nya, dan agensi yang memerlukan perbelanjaan yang datangnya daripada kerajaan, Dato' Yang Dipertua. Itu tidak termasuk perbelanjaan yang digunakan oleh Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan yang sentiasa sahaja berfungsi untuk membina rumah-rumah yang mampu dimiliki oleh masyarakat.

Maka di Negeri Sembilan kita tidak terkecuali dengan masalah yang dihadapi oleh masyarakat. Harga rumah di Negeri Sembilan ini Dato' Yang Dipertua, memang telah pun meningkat. Kalau dibandingkan dengan 10 tahun dulu, 2007, 2004, Dato' Dipertua, rumah di Negeri Sembilan ini memang susah nak dijual. Nak sewa pun susah. Rumah, kadang-kadang rumah banglo, rumah *detached house* Dato' Yang Dipertua, cuma boleh paling banyak pun disewa 500.00 ringgit. Rumah-rumah yang dibina di Nilai seperti ru, pekan yang tidak berpenghuni, pada ketika itu, Dato' Dipertua, banyak rumah dibina, kedai dibina, tapi merupakan tempat yang dibina tetapi tidak ada orang yang tinggal. Banyak orang yang membeli, mereka rugi dan mereka tak boleh buat apa-apa. Jadi, Dato' Yang Dipertua, inilah masalah yang dihadapi oleh masyarakat ketika itu.

Tetapi selepas pembangunan yang rancak, ekonomi yang baik Negeri Sembilan, maka industri perumahan pun sama-sama merasai pembangunan ini, dan permohonan, permintaan perumahan amat tinggi di Negeri Sembilan sekarang. Ini disebabkan bukan sahaja oleh faktor dalaman Negeri Sembilan tetapi faktor yang datang daripada Lembah Kelang iaitu daripada Kuala Lumpur yang bersempadanan dengan kita. Orang di Lembah Kelang ataupun di Kuala Lumpur dah tak mampu lagi membeli rumah di sana, mereka datang dengan ramai untuk membeli rumah di sini. Dan kita tidak pulak boleh menegah ataupun kerajaan tidak boleh pulak mengadakan satu sistem tidak membenarkan orang daripada luar Negeri Sembilan untuk membeli rumah di Negeri Sembilan. Maka wujud permintaan yang tinggi, dan harga rumah di Negeri Sembilan pun terus melambung tinggi.

Melihat keadaan ini Dato' Yang Dipertua dan jugak dengan desakan, rungutan dan masalah yang dihadapi oleh orang ramai, maka Kerajaan Negeri Sembilan telah pun mengadakan satu sistem intervensi yang mana kita panggil Dasar Perumahan Kerajaan Negeri Sembilan yang mana kita telah pun mewajibkan, dalam Dasar Perumahan Kerajaan Negeri Sembilan ini, 2015, semua pemaju-pemaju perumahan diwajibkan untuk membina 50% daripada jumlah unit yang nak dibina dalam bentuk rumah mampu milik. Dan rumah mampu milik ini pulak kita telah pun bahagikan kepada tiga kategori iaitu Kategori A iaitu rumah yang berharga 80,000.00 ke bawah, dan mesti tidak kurang dia punya luas binaan dia 850 kaki persegi, tiga bilik sekurang-kurangnya dan dua bilik air. Ini 15% Dato' Dipertua, mesti tidak melebihi daripada harga 80,000.00. Lagi satu Kategori B iaitu tidak melebihi 250 ribu dan Kategori C-nya ialah tidak melebihi 400 ribu.

Jadi pada satu-satu ketika, daripada 2015 sehinggalah sampai ke masa depan, sehinggalah dasar ini dikaji semula dan diubah, kalau tak ubah, akan sentiasa ada rumah yang perlu dibina oleh pemaju untuk memastikan supaya golongan pendapatan rendah, golongan berpendapatan sederhana mampu untuk memiliki rumah di Negeri Sembilan kerana harga ini, kita perhatikan memang mampu dimiliki oleh rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Walaupun begitu, dalam masa yang sama, kementerian-kementerian, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan yang lain, masih lagi berperanan untuk membina rumah-rumah untuk kita membina rumah-rumah yang boleh dimiliki dan disewa oleh mereka-mereka yang masih lagi tidak mampu untuk membeli rumah-rumah yang dikategorikan sebagai rumah mampu milik ini, Dato' Dipertua. Seperti kita membina rumah bersama-sama dengan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, rumah-rumah yang dibina oleh agensi-agensi seperti PR1MA, Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia, RISDA, oleh FELCRA dan in shaa Allah akan di, di, di-revise semula, akan di, dihidupkan semula rumah generasi kedua FELDA dan lain-lain Dato' Dipertua.

Jadi, maka lengkap Dato' Dipertua, setiap segmen masyarakat di Negeri Sembilan ini akan ada kategori-kategorinya yang memungkinkan mereka memiliki rumah, Dato' Dipertua. Tetapi adalah syarat-syarat yang kita kenakan kepada yang membeli ini terutamanya rumah yang berharga 80,000.00 ke bawah ini, iaitu mereka yang nak membeli rumah ini mesti berdaftar dengan kita punya Unit Perumahan Kerajaan Tempatan di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan. Kita akan memberikan kepada mereka keutamaan yang belum ada rumah Dato' Dipertua, mereka yang telah pun berumah tangga dan sudah semestinya mereka-mereka ini yang ber, mempunyai Mykad yang ber-

“05” Dato’ Dipertua, didahulukan ya. Ini kita berikan keutamaan kerana kita tidak mahu adanya unsur spekulasi wujud kerana rumah 80,000.00 ni Dato’ Dipertua, sebenarnya harganya jika di dalam pasaran terbuka dia dah melebihi 100 ribu Dato’ Dipertua, kerana ini merupakan suatu sistem yang kita buat, untuk kita pastikan pemaju-pemaju bersama-sama dengan kerajaan untuk kita menjayakan hasrat melihat supaya semua golongan masyarakat mampu memiliki rumah.

Jadi, tidak timbul soal, soalan macam mana sambutan, dan jugak macam mana *respond* daripada pemaju perumahan, ini adalah syarat-syarat wajib. Semua yang nak memajukan rumah, yang tanahnya 10 ekar ke atas, lima ekar ke atas, ada dia punya kategori-kategori Dato’ Dipertua. Dan Dasar Perumahan Kerajaan Negeri Sembilan ini Dato’ Yang Dipertua, jugak telah pun menyey, mensisipkan satu lagi asas untuk kita melihat supaya kita punya pola masyarakat kita Dato’ Dipertua, dapat menggambarkan masyarakat, masyarakat Malaysia yang majmuk ini iaitu kita menaikkan kuota bumiputera daripada 30% kepada 50% dengan yang 20% kuota bumiputera ini, lebih ini, kita buat kuota anjakan Dato’ Dipertua ya. Tetapi yang 30% ini kuota tetap. Maka ini akan dapat kita lihat nanti supaya pen, cerminan masyarakat yang majmuk di Malaysia ini dapat ada di setiap taman-taman perumahan. Kita tak mahu melihat satu kawasan perumahan itu penuh dengan satu kaum, etnik, Dato’ Yang Dipertua, yang lain tempat lain, lain pulak. Ini tidak mencerminkan dan menggambarkan masyarakat majmuk di Malaysia.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Sembilan dari masa ke semasa mengkaji, dan kita mempertimbangkan dari kes, satu kes ke satu kes supaya kita tidak *rigid* sangat dan ia memungkinkan mendatangkan masalah kepada pemaju-pemaju, Dato’ Dipertua. Jadi, inshaa Allah, alhamdulillah, walaupun banyak pada mulanya mengatakan nak menjual 30% ni pun susah, Dato’ Dipertua, apakah lagi kita naikkan 50% kuota bumiputera.

Tetapi kita dah buat satu *acid test*, satu kawasan perumahan di kawasan berhampiran di Port Dickson, Dato’ Yang Dipertua, dekat simpang empat Sunggala tersebut, Dato’ Yang Dipertua, peratusan pembelian bumiputera di situ Dato’ Yang Dipertua, memang memeranjatkan kita. Kerana kita katakan cuba jual dulu untuk pembeli-pembeli bumiputera, maka bila ditutup pada 31 Disember 2016 baru-baru ini, peratusan rumah di kawasan tersebut dijual kepada bumiputera sebanyak 92%, Dato’ Dipertua. Ini jelas menunjukkan dengan harga yang mampu dimiliki oleh masyarakat, masyarakat boleh membeli rumah. Tapi kadang-kadang harga yang

melambung-lambung ini memang kadang-kadang tidak mampu dibeli oleh golongan masyarakat yang berpendapatan rendah dan sederhana. Jadi Dato' Yang Dipertua, memang jelas sekali bahawa dasar perumahan yang kita bentuk, yang telah pun kita kuatkuasakan, mewajibkan semua pemaju membina 50% rumah dalam kategori rumah mampu milik, dan 50% kuota bumiputera ini, jelas sekali berjaya dan tidak timbul soal tindak balas, tidak timbul soal sambutan daripada pemaju ataupun tidak. Ini adalah merupakan syarat wajib untuk mereka mendapatkan Kebenaran Merancang untuk membina industri perumahan di kawasan masing-masing ataupun di tanah masing-masing.

Alhamdulillah, sejak kita telah luluskan ini, kita punya jumlah rumah yang telah pun diluluskan, Dato' Yang Dipertua, dalam Kategori A sahaja dah melebihi 2,000 biji hampir 2,500. Begitu jugak Kategori B dan Kategori C, Dato' Yang Dipertua. Dan sedang dalam kelulusan kebenaran perancangan ini, beribu-ribu lagi Dato' Dipertua. Baru-baru ini kita baru luluskan satu lagi projek di kawasan berhampiran Seremban 2, sempadan dengan Bandar Baru Sendayan, Dato' Dipertua, 850 biji, sekurang-kurangnya Dato' Yang Dipertua, rumah mampu milik Kategori A, Dato' Yang Dipertua. Kita telah pun mintak pemaju, mula-mula telah diluluskan untuk bina dalam bentuk rumah pangsa, Kategori A ini, tetapi kita telah pun menukar syarat tersebut kepada rumah mampu milik yang dalam bentuk rumah teres. Dan pemaju tersebut, satu pemaju yang mempunyai reputasi yang baik, telah pun bersetuju dengan hasrat Kerajaan Negeri Sembilan, menukar semula Kebenaran Merancang tersebut dan akan membina. Dan sedang dalam proses membina, Dato' Yang Dipertua, tak lama lagi akan dilancarkan, iaitu semua rumah mampu milik Kategori A ini akan dibina dalam bentuk rumah teres satu tingkat, dan jugak dengan keluasan dan jumlah bilik yang telah pun ditetapkan, dan harga yang telah pun diwajibkan ke atas mereka.

Jadi Dato' Dipertua, tak susah kita di Negeri Sembilan ini. Pada satu-satu ketika, rakyat tidak perlu lagi bimbang bahawa akan ada jumlah rumah mampu milik yang akan terus dibina. Tidak timbul soal mereka mesti beratur sampai pukul 4:00 pagi ke, pukul 2:00 pagi dah beratur kerana nak berebut-rebut nak beli rumah, rumah mampu milik, kerana dah menjadi syarat wajib kepada semua pemaju mesti membina rumah mampu milik dengan kategori-kategori masing-masing di Negeri Sembilan. In shaa Allah, Dato' Dipertua. Ini merupakan satu jaminan, jaminan untuk semua rakyat yang, bahawa Kerajaan Barisan Nasional di Negeri Sembilan, Dato' Dipertua, akan terus memastikan bahawa industri perumahan di Negeri Sembilan ini mengambil kira dan jugak akan memastikan bahawa golongan yang berpendapatan rendah dan

sederhana akan mampu memiliki rumah di masa-masa di depan, in shaa Allah. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Kita mempunyai berbagai dasar-dasar yang kita buat sebelum ini selain daripada Dasar Perumahan Negeri Sembilan. Bagaimanakah dasar ini boleh dikaitkan dengan dasar "bekerja di Kuala Lumpur, tinggal di Seremban", *The Greater Klang Valley*, dan jugak Dasar Negeri Sembilan Moden 30 tahun iaitu 2015 sehingga 2045, dengan MVV dan pembangunan luar bandar?

Y.A.B. ADUN Rantau: Terima kasih Yang Berhormat Juasseh kerana tanyakan soalan tambahan yang mempunyai skop yang amat luas. Banyak dasar-dasar kita buat dulu Dato' Dipertua. Dasar yang kita buat pada ketika itu untuk memasarkan Negeri Sembilan. Itu merupakan dasar pemasaran Negeri Sembilan, Dato' Dipertua, yang telah pun kita lancarkan yang saya lihat pada ketika itu, Negeri Sembilan ini kekurangan penduduk, Negeri Sembilan ini perlu dibuatkan suatu apa yang dipanggil *jump start* untuk kita memperkasakan ekonomi kita. Tetapi tanpa dasar, da, daya kuasa beli Dato' Dipertua, tanpa penduduk, maka seperti yang saya sebutkan awal tadi, wujudlah nanti bandar-bandar baru seperti di Nilai pada ketika itu, menjadi 'bandar hantu' orang kata, bandar *haunted place* dengan izin Dato' Dipertua, banyak dibina rumah, banyak dibina rumah kedai, tetapi terus tinggal dan bangunan hampir hancur, Dato' Yang Dipertua. Jadi kita tak mahu ini berlaku.

Kita nak bangunkan Negeri Sembilan. Apa kombinasi-kombinasi yang perlu ada untuk kita memasarkan produk kita. Apa kombinasi yang perlu ada untuk kita menggamit orang untuk datang ke negeri kita. Makanya kita buat beberapa dasar, Dato' Dipertua, untuk kita pastikan Negeri Sembilan ini dari segi kedudukannya tidak jauh daripada Kuala Lumpur. Jadi mengapa kita tidak memasarkan kekuatan Kuala Lumpur itu sebagai kekuatan kita jugak, sebagai suatu usaha untuk kita membangunkan Negeri Sembilan. Pada ketika itu, tak banyak pekerjaan di Negeri Sembilan. Orang banyak berulang. Kita perhatikan banyak orang yang berulang-alik daripada Kuala Lumpur – Seremban. Maka kita mesti jadikan Negeri Sembilan ini sebagai *suburb of Kuala Lumpur*, dengan izin Dato' Yang Dipertua.

Kerana kalau kita lihat di bandar-bandar besar di dalam luar, di luar negara, Dato' Dipertua, orangnya tidak tinggal di bandar raya. Orangnya tidak tinggal ataupun duduk di bandar raya, mereka duduk di

luar-luar, jauh. Kadang-kadang naik kereta api sampai satu jam 45 minit, Dato' Yang Dipertua. Orang bekerja di London, mereka duduk di Bradford, mereka duduk di Brighton, mereka duduk di luar-luar kawasan, bukannya duduk di Kensington, mereka tak duduk di Regent's Park ataupun duduk di Holland Park, Dato' Yang Dipertua, itu semua *expatriate* yang duduk. *Local* akan duduk di luar. Kerana mereka, nombor satu, mereka tak mampu untuk memiliki hartanah dalam bandar raya. Nombor dua, kos sara hidup yang amat tinggi. Dan nombor tiga, cara kehidupan lebih nyaman, lebih baik kalau tinggal di luar bandar raya kerana ada kehijauan dan yang lain-lain.

Jadi kita mengambil perkara-perkara seperti ini untuk kita pasarkan Negeri Sembilan. Untuk kita, kita memasarkan kedudukan Negeri Sembilan yang baik untuk kita gamit orang datang ke Negeri Sembilan. Walaupun mereka ini bekerja di Kuala Lumpur, tetapi mereka boleh tinggal di Negeri Sembilan. Cuma 45 minit sahaja jauhnya berkereta ataupun kenderaan antara Seremban dengan Kuala Lumpur. Maka mengapa tidak kita gamit mereka ini tinggal di Negeri Sembilan. Maka akan wujud suatu lagi apa orang kata golongan yang akan memerlukan penempatan, memerlukan rumah ya. Jadi, ini akan me, meng, melonjakkan prestasi industri perumahan. Maka ini amat berjaya Dato' Dipertua. Kita buat dasar bekerja di Kuala Lumpur, tinggal di Seremban, Dato' Dipertua, dan kita buat. Akhirnya apa yang kita lihat hari ini, memang ramai orang yang datang, yang bekerja di Kuala Lumpur, bekerja di sekitar bandar raya, di Lembah Kelang, mereka semuanya tinggal di Nilai, mereka tinggal di Seremban, dan macam-macam lagi.

Dan ada jugak anak-anak Negeri Sembilan yang sendiri, bukan orang luar yang bekerja di Kuala Lumpur, dulunya mereka tinggal di Kuala Lumpur, dengan menyewa dengan kadar yang tinggi, 1,000.00 - 1,500.00 sebulan, dengan wujudnya sistem kenderaan pengangkutan awam, Dato' Yang Dipertua, yang baik, jalan raya yang baik, Dato' Dipertua, maka kita telah dapati mereka ini telah pulang semula ke Negeri Sembilan, tinggal di Seremban, tinggal di kawasan persekitaran Seremban ataupun di kampung halaman masing-masing. Dan mereka be, berulang-alik hari-hari dari per, tempat tinggal ke kawasan kerja mereka di Kuala Lumpur. Sistem kenderaan pengangkutan awam yang baik, yang mengangkut mereka daripada kawasan tempat mengambil mereka sehinggalah ke tempat kerja, dengan adanya komuter sampai ke Seremban, Dato' Dipertua, macam-macam. Penuh Dato' Yang Dipertua, penuh. Jadi ini yang dibuat dan akhirnya kita berjaya menggamit orang.

Sekarang ini pulak kita dah masuki fasa yang seterusnya iaitu kita tak mahu lagi kata “bekerja di Kuala Lumpur, tinggal di Seremban”. Kita nak buat fasa “dah tinggal di Seremban, nak bekerja di Negeri Sembilan”, Dato’ Dipertua, ya. Itu sebabnya kita buat, lancarkan satu dasar yang, yang, yang, yang, besar Dato’ Dipertua ya, Dasar Pemodenan 30 Tahun Negeri Sembilan 2015 – 2045. Kita nak bangunkan Kuala Lumpur, bangunkan Negeri Sembilan. Berusaha untuk pastikan supaya Negeri Sembilan dimajukan. Maka, pemuafakatan, kesepakatan Kerajaan Negeri dan jugak Kerajaan Persekutuan dicapai untuk kita menggamit supaya kawasan Kuala Lumpur ini dibesarkan, Lembah Kelang ini *The Greater Klang Valley* itu dibesarkan. Dan kawasan *conovation* Kuala Lumpur dipanjangkan sehingga sampai ke Seremban. Mula-mula dibuat bahawa Kuala Lumpur *conovation area* ini sampai ke Seremban. Sekarang ini kita besarkan pulak lagi, wilayah *Klang Valley* yang besar sampai ke Port Dickson, Dato’ Yang Dipertua, dalam kita panggil *Malaysia Vision Valley*. Maka ianya merupakan satu dasar yang mana melihat usaha kerajaan untuk kita pastikan Negeri Sembilan ini dibangunkan dengan, dengan mampannya, sebaik mungkin, dengan asas-asas mengambil kira asas kesejahteraan masyarakat, kesejahteraan penduduk, dan jugak mengambil kira supaya tidak ada pencemaran yang berlaku dan macam-macam Dato’ Dipertua.

Dan yang paling pentingnya sekali ialah elemen dalam *Malaysia Vision Valley* ini nanti, elemen pengangkutan awamnya supaya orang duduk di sini, maka pengangkutan awam jugak mesti dibuat dengan terbaik yang mungkin. Dalam pembangunan kawasan *Malaysia Vision Valley* ini Dato’ Dipertua, kita mengambil kira berbagai-bagai kemungkinan yang diperlukan pada masa depan. Termasuklah kemungkinan keperluan untuk mengadakan perkhidmatan *tram*. Maka kita telah pun buat *provision* untuk *rail tram*. Kemungkinan untuk ada wujudnya untuk MRT, kita wujudkan jugak kawasan laluan MRT, supaya bila ada keperluannya nanti, Dato’ Yang Dipertua, misalnya 20 tahun, 25 tahun daripada sekarang, mengambil kira pada tahun 2045 kawasan itu, *Malaysia Vision Valley* dan Seremban ini Dato’ Dipertua, akan mempunyai penduduk tidak kurang daripada 2.5 juta.

Jadi ini perlu, kerana jika kita tidak rancang mulai pada sekarang, maka kita akan menghadapi masalah besar, samalah seperti apa yang dihadapi oleh bandar raya – bandar raya yang lain, tidak adanya sistem pengangkutan awam yang bersepadu, masalah infrastruktur yang canggih, dan keadaan yang kelam kabut. Tidak ada tempat di mana kita ada kluster tempat bekerja, *industrial park*, kluster untuk kediaman dan macam-macam lagi. Maka banyak *criss-cross*, Dato’ Dipertua, orang bekerja di hujung sana, tinggal di sini, orang tinggal di sana bekerja di

sini, macam-macam. Jadi kita mengambil kira semua ini supaya bandar yang nak kita wujudkan ini *base on green field*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, dapat kita reka bentuk berasaskan kepada pemikiran dan keperluan pada 30 tahun yang akan datang. Bukan kita memikirkan apa keperluan sekarang, tetapi mengambil kira keperluan pada 30 tahun yang akan datang, 2045. Seperti yang saya sebutkan tadi, bahawa akan adanya pera, penduduk yang ramai, lebih kurang 2.5 juta, dan apakah keperluan pengangkutan awam pada ketika itu. *What type of public transport system that required*, dengan izin Dato' Dipertua, apakah infrastruktur yang diperlukan, macam mana, keadaan alam sekitar dia macam mana dan lain-lain.

Jadi, kalau kita dapat jayakan ini dengan baik, Dato' Dipertua, inshaa Allah, Negeri Sembilan akan menjadi sebuah negeri yang akan maju dan baik. Haa, nanti orang tanya pulak, apa pasal di kawasan Seremban, Port Dickson saja? Itu sebabnya, boleh jadi, awal tahun depan, in shaa Allah, Dato' Dipertua ya, kita akan lancarkan pulak seperti yang selalu saya sebut, Dasar Pembangunan Luar Bandar. Dasar Pembangunan Luar Bandar yang mana akan menjadikan kawasan luar bandar ini sebagai kawasan yang dulunya kalau saya kata, kita kata "kerja Kuala Lumpur, duduk di Negeri Sembilan ataupun Seremban", besok kita buat pulak "kerja di *Malaysia Vision Valley*, duduk di Kuala Pilah, duduk di Tampin".

Jadi, apa maknanya Dato' Dipertua, kita akan memperkasakan sistem pengangkutan awam, kemudahan-kemudahan awam, keperluan-keperluan awam yang jugak ada di kawasan bandar, mesti ada jugak di kawasan luar bandar. Supaya tidak nampak sangat beza dan jurang antara bandar luar bandar pada ketika itu. Maka penduduk lebih suka duduk di luar bandar, maka luar bandar akan terus ceria dan kampung-kampung tidak terus tertinggal. Maka kita akan dapat mengimbangkan pembangunan di Negeri Sembilan, supaya ia tidak senget, Dato' Dipertua ya, terlampau lajunya nanti kawasan bandar, maka kampung, kawasan pedalaman dan kawasan-kawasan pinggir tidak mendapat faedah. Bukan.

Apa yang kita rancang ialah, hasil pendapatan, *revenue* Dato' Dipertua, daripada pembangunan di *Malaysia Vision Valley* ini nanti akan kita curahkan, *we will subscribe*, dengan izin Dato' Dipertua, kepada *development expenditure account* kita, Dato' Dipertua, iaitu untuk kita menggunakan pendapatan daripada pembangunan yang hasil pembangunan kita dapat nanti, untuk kita bangunkan pulak kawasan luar bandar.

Jadi, jangan pulak risau, jangan pulak ada pertanyaan, selalu tanya, apa pasal di kawasan Seremban dan Port Dickson sahaja yang ditumpukan, apa, apa halnya dengan kami, di Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Jempol dan Jelebu? Tetapi Dato' Yang Dipertua, seperti yang selalu, saya nak ulang sekali lagi, bahawa hasrat Kerajaan Negeri ialah untuk mengekalkan identiti luar bandar tetapi tanpa kita mengurangkan, *without we have to shortchange*, dengan izin Dato' Dipertua, orang yang tinggal di luar bandar. Iaitu kita akan melengkapkan dan akan cuba *on best effort basis*, Dato' Dipertua, untuk mengadakan apa sahaja kemudahan yang diperlukan, kampung-kampung tradisi dan jugak kampung-kampung ini supaya tidak timbul soal mereka ini dianaktirikan ataupun mereka tidak mendapat apa pembangunan yang ada di Negeri Sembilan. Itu sahaja, Dato' Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Juasseh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya ucap tahniah kepada kepimpinan Negeri Sembilan kerana pelbagai dasar yang telah dibuat untuk mensejahterakan rakyat Negeri Sembilan dengan tidak perlu lagi berhijrah keluar daripada Negeri Sembilan. Saya bangun Dato' Yang Dipertua, untuk soalan kedua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, salah satu daripada dasar ataupun bukan salah satu, dasar yang paling pertama sekali dibuat apabila saya diberikan tugas untuk mentadbir Kerajaan Negeri Sembilan ialah Dasar Jaringan Keselamatan Sosial. Dasar yang amat dekat di hati saya iaitu untuk melihat supaya kita tak mahu lagi melihat ada golongan-golongan masyarakat, kempolok, kelompok masyarakat ataupun keluarga ataupun individu dalam masyarakat kita yang terus terlantar, yang terus daif hidupnya tidak mendapat apa-apa bantuan ataupun pertolongan daripada kerajaan.

Makanya kita telah buat satu dasar iaitu Dasar Jaringan Keselamatan Sosial. *The Social Safety Net*, Dato' Yang Dipertua iaitu kita meletakkan semua rakyat di Negeri Sembilan ini dalam satu jaring yang besar. Dan daripada dalam jaring ini, bila kita dah jaring, Dato' Dipertua, kita akan melihat satu persatu, supaya mereka ini tidak terlepas pandang, mereka yang patut dan perlu mendapat bantuan tidak terlepas pandang. Mereka yang daif hidupnya akan diberikan bantuan. Kita akan membantu, Dato' Yang Dipertua. Dan sekurang-kurangnya dapat merengankan, meringankan bebanan hidup mereka.

Macam-macam kita buat Dato' Dipertua, dan akhirnya alhamduillah, banyak orang kata, haa bertambahnya orang miskin di Negeri Sembilan. Bukan. Bukannya bertambahnya orang miskin, Dato'

Dipertua, daripada cuma lebih 5,000 orang, Jabatan Kebajikan Masyarakat membantu pada ketika itu, sekarang ni dah sampai 34,000 Dato' Yang Dipertua, orang yang menerima bantuan seluruh Negeri Sembilan. 34,000. Kita telah pun dapat menjaring, dan ramai yang kita bantu secara bulanan. Itu tak kira lagi bantuan secara *one off* yang dibuat oleh agensi-agensi kerajaan, tapi bantuan tetap bulanan saja Dato' Dipertua, diberi oleh JKM, diberi oleh Baitulmal Dato' Dipertua, 34,000.

Bukannya bertambah orang miskin lagi, tetapi kerana dahulunya, pada ketika itu, mereka ini tidak dijaring. Mereka ini terlepas pandang Dato' Dipertua, dan mereka ini tidak siapa yang peduli. Dan pada ketika itu jugak, Dato' Dipertua, ialah kita punya dasar kita ialah mereka cuma yang berpendapatan 300.00 lebih sahaja, Dato' Dipertua, yang boleh masuk dalam kategori yang diboleh, dipertimbangkan diberi bantuan. Tetapi sekarang Dato' Dipertua, atas asas keprihatinan kerajaan, mereka yang berpendapatan 900.00 ke bawah Dato' Yang Dipertua, telah pun kita letakkan sebagai boleh dipertimbangkan untuk diberikan bantuan.

Jadi Dato' Dipertua, inilah usaha kerajaan untuk kita memberikan satu jaminan lagi. *This is another bill of guarantee* yang kita bagi, dengan izin Dato' Dipertua, kepada masyarakat Negeri Sembilan bahawa adanya satu dasar yang akan terus menjaring dan akan terus memantau masyarakat di Negeri Sembilan ini, Dato' Yang Dipertua, jika apa-apa berlaku kepada mereka. Ada satu sistem ataupun dasar yang akan terus dapat mereka bergantung, Dato' Dipertua, untuk kita beri bantuan. Tapi cuma bantuanlah Dato' Dipertua, kita bukan nak menyara hidup. Jangan silap faham. Kita ni bukan menyara hidup mereka, tapi kita membantu sara hidup mereka. Mereka mesti terus berusaha, Dato' Dipertua. Kita tak nak pulak nanti masyarakat kita di Negeri Sembilan ini khususnya, maka mereka kata, ada satu dasar, mereka tak nak kerja, maka mereka akan berharap pada bantuan saja. Itu bukan hasrat kita.

Hasrat kita nak membantu untuk mereka menampung, kan, tambahan kepada saraan hidup mereka. Mereka perlu berusaha. Itu sebabnya macam-macam dibuat oleh agensi, macam-macam bantuan, kemahiran, bantuan peralatan untuk mengeluarkan mereka daripada sistem ataupun kategori mereka ini, Dato' Dipertua. Orang miskin tegar, orang miskin, Dato' Dipertua, telah pun kita sentiasa. Miskin tegar sentiasa saja menjadi sebagai pokok perbincangan dalam mesyuarat-mesyuarat kita. Setiap bulan kita bermesyuarat, Mesyuarat Tindakan Negeri akan ada angka yang dibagi oleh jawatankuasa peringkat daerah untuk menunjukkan setiap daerah, berapa orang lagi ada miskin tegar, dan

kadar miskin di kawasan mereka. Dan kita sentiasa berusaha untuk mensifarkan mereka.

Tapi jangan pulak kata, apasal ada je orang miskin tegar ini, ya. Kita tak akan dapat menkosongkan orang miskin tegar ini Dato' Dipertua. Tak mungkin kita boleh kata, Negeri Sembilan dah bebas daripada miskin tegar kerana hari ini dia tak miskin, besok pagi dia jadi miskin., Dato' Dipertua. Hari ini, petang, tengah hari ini mereka tak miskin, tapi disebabkan oleh berlakunya sesuatu kepada orang satu-satunya dalam keluarga mereka yang mendapat pendapatan, berlaku kepada mereka, maka keluarga tersebut besok pagi akan menjadi, jatuh dalam kategori miskin tegar kerana tidak ada lagi orang yang boleh mendapat pendapatan untuk keluarga mereka. Ini sentiasa berlaku. Jangan pulak nanti kat, eh ada lagi maka dasar ini tak berjaya. Tak betul.

Dasar ini berjaya, amat berjaya, Dato' Dipertua, kita dah dapat kurangkan, dan kita telah dapat keluarkan ramai, ramai orang yang telah keluar daripada kategori miskin tegar, dan mereka telah boleh berdikari, Dato' Dipertua, dengan usaha yang dilakukan oleh agensi dan jabatan untuk kita membantu mereka dari segi kemahiran hidup, dari segi membantu mereka dan memberikan modal untuk berniaga kecil dan jugak membukak gerai, dan macam-macam Dato' Yang Dipertua. Haa itu sebabnya salah satu daripada dasar kita jugak, Dato' Yang Dipertua, iaitu melonggarkan sedikit, Dato' Dipertua, mereka yang mempunyai kemampuan, mereka yang ada sedikit kemahiran untuk buat kuih, buat nasi lemak, untuk mereka berniaga, Dato' Dipertua.

Dan terima kasih kepada semua agensi terutamanya PBT-PBT, yang telah pun bersama-sama menjayakan untuk kita mengadakan tempat untuk berniaga, gerai-gerai, Dato' Dipertua. Jabatan lain pulak bersungguh-sungguh untuk membantu dan jugak untuk kita pastikan supaya usaha ini berjaya. Haa jabatan yang menjadi tulang belakang kepada Dasar Jaringan Keselamatan Sosial ini, Dato' Dipertua, iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai jabatan tulang belakangnya. Tahniah kita ucapkan kepada seluruh warga Jabatan Kebajikan Masyarakat, jabatan-jabatan yang lain, dan jugak agensi seperti Baitulmal, dan agensi-agensi yang bersama-sama, Dato' Dipertua.

Jadi, alhamdulillah, Dasar Jaringan Keselamatan Sosial ini terus menjadi dasar asas kita, sekarang Dato' Yang Dipertua, kita dah ada, lengkap Dato' Dipertua, kita dah ada kita punya platform, dasar asas kita ialah Dasar Jaringan Keselamatan Sosial. Ini platform kita, Dato' Dipertua, bahawa di Negeri Sembilan, masyarakat, rakyat Negeri Sembilan bahawa, tahu bahawa ada asas yang kukuh bagi Kerajaan Negeri Sembilan iaitu Dasar Jaringan Keselamatan Sosial. Sekarang kita nak

buat tiang seri dia. Tiang seri kita sekarang ialah Dasar Pemodenan Dan Pembangunan 30 Tahun Negeri Sembilan. Tiang dia, Dato' Dipertua, 30 tahun. Tiang ini, Dato' Yang Dipertua, 30 tahun dia tinggi. Jadi kita sisipkan, kita pasak supaya ia jadi kukuh, Dato' Dipertua, dengan kita memasak Dasar Jaringan keselamat, dengan Dasar Perumahan Kerajaan Negeri Sembilan. Tak lama lagi nanti kita pasak dengan Dasar Pembangunan Luar Bandar, dan jugak kita dah ada Dasar Pelajaran kita, dan macam-macam untuk kita pastikan di atas platform ini, macam rumah di kampung Dato' Dipertua, ada dia punya batu tu, untuk kita dirikan tiang. Batu ini adalah Dasar Jaringan Keselamatan Sosial. Dan tiang dia adalah Dasar Pembangunan Negeri Sembilan, dan kita pasak dengan kita punya sisipan-sisipan, dasar-dasar untuk mengukuhkan dasar ini supaya kita boleh berjaya dan dalam masa kita nak membangunkan negeri, kita tak terlepas pandang, masyarakat, kita tak terlepas pandang masalah masyarakat, masalah alam sekitar, orang luar bandar, orang duduk dalam bandar, dan macam-macam. Dato' Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Juasseh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Tahniah sekali lagi saya ucapkan kepada kepimpinan negeri melalui Dasar Jaringan Keselamatan Sosial yang telah banyak mensejahterakan rakyat. Dan saya difahamkan selain daripada JKM membantu, orang-orang miskin ini jugak mendapat bantuan sepenuhnya kepada mereka-mereka yang sakit oleh pihak-pihak baitul, oleh pihak seperti Baitulmal. Saya bangun Dato' Yang Dipertua, untuk soalan yang ketiga.

Y.B. ADUN Bagan Pinang: Dato' yang per, Yang Dipertua, cukai pelancongan merupakan satu pelaksanaan baru yang digubal di peringkat Kerajaan Persekutuan. Pelaksanaan cukai pelancongan adalah melalui penggubalan Rang Undang-Undang Cukai Pelancongan 2017. Dikenakan kepada pelancong asing yang menginap di premis penginapan di seluruh Malaysia. Kutipan akan diselaraskan oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia sebagai agensi yang bertanggungjawab mengutip cukai pelancongan ini.

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri pada dasarnya bersetuju supaya pelaksanaan cukai ini memberi man, manfaat bersama kepada Kerajaan Persekutuan dan negeri. Walau bagaimanapun, perbincangan lanjut sedang dibuat supaya sejum, sejumlah kutipan ini dikembalikan kepada Kerajaan Negeri pada kadar yang, jumlahnya bersesuaian. Terima kasih.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Chennah: Soalan tambahan Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Juasseh: Soalan saya, Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Chennah: Boleh ya, soalan kedua nanti?

Y.B. ADUN Juasseh: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, soalan saya, soalan tambahan saya, apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam pelaksanaan cukai pelancongan ini?

Y.B. ADUN Bagan Pinang: Dato' Yang Dipertua, pelaksanaan ini akan memberi faedah kepada sektor pelancongan di mana pulangnya akan digunakan semula untuk menaik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur serta perkhidmatan pelancongan. Walau bagaimanapun, keadaan, Kerajaan Negeri berpandangan adalah wajar bagi Kerajaan Persekutuan mempertimbangkan cadangan agihan dengan mengambil pendekatan menang-menang. Ini kerana hasil pengenaan cukai ini pada kadar yang bersesuaian adalah sebahagian langkah bagi menyediakan kemudahan industri pelancongan yang lebih komprehensif. Terima kasih.

Y.B. ADUN Chennah: Soalan tambahan. Terima kasih Dato' Dipertua. Untuk makluman Yang Berhormat Bagan Pinang, soalan ini ataupun rang undang-undang ini saya juga ada membawa dalam sidang Parlimen. Dua minggu lepas, di Parlimen, Menteri Pelancongan telah menjawab bahawa kadar yang akan diberikan kepada Kerajaan Negeri ialah 10%. Setiap 10.00 ringgit yang dikutip daripada penginap-penginap hotel iaitu warganegara asing, warganegara Malaysia dikecualikan, setiap 10.00 ringgit yang dikutip daripada warganegara asing, 10% ataupun 1.00 ringgit dikembalikan kepada pihak Kerajaan Negeri. Itu makluman terbaru. Jadi saya harap pihak Exco Pelancongan, mendapat maklumat terbaru daripada pihak Kementerian Pelancongan.

Cuma saya nak tanya ialah berapakah perangkaan hasil yang boleh dipungut oleh Kerajaan Negeri dalam Negeri Sembilan kerana perangkaan ini sudah tentunya ada di pihak Kementerian kerana,

kerana mereka telah merangka berapa bilik yang boleh dikutip cukai ini, dan di Negeri Sembilan kita ada berapa bilik yang boleh dikutip. Dan setiap tahun ada berapa cukai yang boleh dikutip di Negeri Sembilan. Dan daripada itu, 10% dikembalikan kepada pihak Kerajaan Negeri. Jadi perangkaan itu saya perlu diperolehi oleh pihak Kerajaan Negeri supaya kita dapat merangka hasil Kerajaan Negeri untuk tahun-tahun yang akan datang. Terima kasih.

Y.B. ADUN Bagan Pinang: Dato' Yang Dipertua, seperti yang disebutkan tadilah ya, kita dalam, dalam apa ni, apa ni, perbincangan dan kadar ni akan kita bincang untuk mendapatkan jumlah yang manfaat kepada Kerajaan Negeri Sembilan. So, itu saja, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Saya persilakan ADUN Mambau.

Y.B. ADUN Mambau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya ingin kemukakan soalan pertama.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya, berkenaan dengan *Malaysia Vision Valley* ini Dato' Yang Dipertua, saya dah sentuh serba sikit tadi ya. Berkenaan dengan dasar Kerajaan Negeri Sembilan, dasar 30 tahun pembangunan dan pemodenan Negeri Sembilan, 2015 – 2045, Dato' Dipertua. Jadi, dalam dasar ini Dato' Dipertua, yang menjadi teras utama kepada pemodenan dan pembangunan Negeri Sembilan ini adalah berasaskan kepada pembangunan satu kawasan pembangunan wilayah Dato' Dipertua, yang mana Kerajaan Negeri Sembilan telah pun menawarkan kepada Kerajaan Persekutuan, mengapa tidak Kerajaan Persekutuan bersama-sama untuk membesarkan kawasan Lembah Kelang, kawasan Kuala Lumpur yang mana terlalu sempit dah. Kuala Lumpur dah terlampau sesak, Dato' Dipertua. Dan semuanya mahal. Satu kaki tanah, satu kaki persegi tanah, Dato' Dipertua, dah sampai 4,000.00 ringgit dah, ya. Jadi, mengapa perlu kita terus menumpukan di satu kawasan yang dah sempit, dah sesak ya, kita di Negeri Sembilan, 45 minit daripada Kuala Lumpur, ada satu kawasan masih lagi lapang, yang boleh dibangunkan.

Maka cadangan tersebut disambut baik oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Maka hiduplah apa yang dipanggil sebagai konsep *Malaysia Vision Valley*. Konsep *Malaysia Vision Valley* ni dah lama, Dato' Dipertua, sejak daripada tahun 2007 dulu, saya telah kemukakan

kepada, ataupun Kerajaan Negeri kemukakan kepada Kerajaan Persekutuan. Kalau semua ahli Dewan semua ingat, ada cadangan nak buat *KLIA2@Labu*. Ingat lagi tak nak buat *airport* KLIA di Labu dulu? Itu adalah merupakan rancangan saya untuk membesarkan kawasan, membangunkan kawasan Negeri Sembilan supaya adanya satu projek *heartbeat*, ya Dato' Dipertua ya, dengan izin, projek *heartbeat* untuk kita menjadi sebagai tarikan kepada pembangunan, kita mesti ada satu *anchor* pembangunan Dato' Dipertua, ya. Jadi, pada ketika itu, dibahaskan di Parlimen, ada yang menuduh kata kita, saya ada kroni, macam-macam. Kalau Sime Darby kroni saya, baguslah Dato' Dipertua ya. Ini tanah ini tanah Sime Darby.

Masa tu, Dato' Dipertua, nak bina *airport* atas kertas cadangan kita Dato' Dipertua, dibuat semasa saya bercuti di London dengan Tony Fernandes dan jugak dengan Sime Darby, saya menyatakan *why don't you build*, dngan izin Dato' Dipertua satu *airport* kerana keadaan *airport* *KLIA2* masa tika itu, masa tu di de, dekat yang lama, terlampau amat memalukan. Macam pergi pasar borong Selayang, Dato' Dipertua, ya. Macam pergi pasar borong Selayang. Itu tidak menggambarkan sesuatu yang baik kerana ini merupakan pintu negara kita. Pelancong akan datang terus dan nampak *airport* kita, Dato' Dipertua ya. Jadi, tidak baik.

Kita tawarkan, dan bersetuju, dan ianya akan dibina oleh pihak Sime Darby pada ketika itu dan disewa oleh, dan dibayar dan disewa oleh pihak Malaysia, pihak, pihak AirAsia. Iaitu sepertimana kita menggunakan cara pembayaran kepada ataupun menyelesaikan masalah tanah di Sendayan, dengan kita buat 50% dalam bentuk tunai, dan 50% dalam bentuk *inkind*, dalam bentuk rumah dan jugak tanah dipulangkan semula. Maka kita nak buat *airport* pun begitu jugak dulu. Membayar dalam bentuk *bond* 10 tahun, 15 tahun oleh, di-issue ataupun dibuat oleh AirAsia dan lagi 50% dalam bentuk sewa selama 35 tahun. Makanya Sime Darby akan mendapat pulangan *average yield bond* dia adalah merupakan dalam 7.5%. Jadi ini merupakan satu yang baik kepada Sime Darby bahawa dia akan dapat memberikan pulangan yang lebih baik dari jika mereka meletakkan wang mereka dalam simpanan tetap. Tetapi tak, gagal, Dato' Dipertua, kerana tak dipersetujui. Pada ketika itu kalau buat *airport* tu, Dato' Dipertua, kerajaan tak keluar duit satu sen pun. Tapi sekarang kena keluar duit sampai dekat 5 bilion, ya. Itu, itu dah cerita, dah lama, Dato'.

Sekarang *Malaysia Vision Valley*, Dato' Dipertua ialah, apa yang kita buat ialah kita telah pun dapat mewujudkan suatu suasana kerjasama, Dato' Yang Dipertua, antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri, dan dipersetujui oleh tuan punya tanah, Dato' Dipertua. Haa, *Malaysia*

Vision Valley, Dato' Yang Dipertua, ialah dia adalah merupakan projek yang diuruskan oleh tuan punya tanah, *this is*, ini adalah *PPP project*, *private partnership project*, Dato' Dipertua. Dia bukan projek kerajaan. MVV ni projek *partnership*. Tuan punya tanah dia, Sime Darby, dia akan mengurus dan membangunkan tanah mereka, daripada Nilai sampailah ke kawasan estet mereka di Port Dickson, Dato' Dipertua, ya. Yang mana ada kawasan yang terlibat seluas 124,000 hektar, *double the size of Singapore island*, dengan izin, ataupun dua kali ganda besarnya, lebih besar daripada pulau Singapura, Dato' Dipertua ya. Jadi, itu sebabnya kita membahagikan pembangunan ini kepada 30 tahun, Dato' Dipertua. Dan terdapatnya lima kluster utama. Kluster perindustrian, kluster *central business district*-nya, kluster *integrated terminal*, *transport terminal*-nya, Dato' Dipertua, kluster sukan dan pelajaran dan kluster pelancongan, dan macam-macam, Dato' Dipertua.

Jadi, status *Malaysia Vision Valley*, Dato' Dipertua, telah pun ada dia punya *holding company*, *holding company* yang mana Sime Darby merupakan pemegang saham utama. Lepas tu Kumpulan Wang Amanah Pencen sebagai kedua terbesar. Lepas tu adalah *private equity* yang akan masuk sebagai pemaju bersama-sama membangunkan kawasan tersebut dengan *full subscription basis* dan *full valuation basis*, Dato' Dipertua ya. Tidak ada sesiapa pun yang akan dapat *fresh shares*, *free shares* ya. *Full subscription basis*. *Private equity* tu pun terpaksa mem, me, mengambil *share*-nya dengan *full subscription basis and full valuation basis*. Tanah tersebut akan di-*value* dengan *full valuation basis*. Maka itulah nilai tanah dan itulah nilai *shares*, *per shares value* yang perlu dibayar oleh syarikat yang mengambil ekuiti tersebut.

Kerajaan Negeri Sembilan tidak ada apa-apa ekuiti, Dato' Dipertua ya. Kerana kita sebagai kerajaan, kita cuma akan menjadi sebagai fasilitator untuk kita lihat pembangunan ini dibuat dengan terbaik yang mungkin. Apa yang kita dapat nanti, Dato' Dipertua, ialah lebih baik daripada ekuiti kita iaitu kita akan dapat *revenue* ataupun pendapatan hasil dari dia, daripada pembangunan yang akan dibuat di atas tanah seluas tersebut.

Dato' Yang Dipertua, setakat sekarang ini, Dato' Dipertua, perjanjian untuk menubuhkan *holding company* dah sudah, dah, dah selesai, ya. Sekarang ini, sedang dibuat apa yang dipanggil sebagai dia punya *comprehensive development plan*, Dato' Dipertua, ataupun pelan pembangunan komprehensif yang mengambil kira sektor ataupun soal *spatial*, soal ekonomi dan sosial dia, Dato' Dipertua. Kita melihat, itu sebabnya saya katakan tadi, kita mahu lihat supaya pembangunan yang dibuat ini, Dato' Dipertua, ialah mesti pembangunan yang betul-betul komprehensif. Pembangunan yang mengambil kira 30 tahun akan

datang, bukan, kita berfikir di 30 tahun yang akan datang. Kita berfikir pada masa 2045 bukan 2017 sekarang. Apakah bentuk kemahuan penduduk, apakah cara untuk kita menyelesaikan masalah mereka pada ketika itu. Maka kita akan letakkan sekarang supaya kita tidak nanti terpaksa membuatnya selepas kita membina bandar raya ataupun pembangunan ini.

Jadi, dia punya *comprehensive development plan* telah pun, sedang dalam peringkat akhir, telah pun dibentangkan kepada Kerajaan Negeri dalam mesyuarat pembangunan perancangan negeri, dan jugak tindakan negeri. Kita telah pun memberikan beberapa pandangan-pandangan kepada pihak konsultan, mengambil kira pandangan daripada kita, Dato' Dipertua, supaya kita tak terlepas pandang. Macam-macam perkara yang perlu dibuat dan jugak yang perlu kita pastikan mesti diwujudkan pada ketika itu.

Dan kita jugak sedang buat *master plan*, Dato' Dipertua, dengan mengambil kira *heartbeat project* dia, dan sektor-sektor yang mana yang perlu kita dahulukan. Dan boleh jadi, *Malaysia Vision Valley* ini akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Dipertua, pada penghujung tahun untuk kita buat apa yang dipanggil sebagai *global launch* iaitu kita akan menarik banyak pelabur daripada luar negara yang sekarang ini pun telah pun menunjukkan minatnya untuk mereka melabur dan jugak mengadakan pejabat dan jugak operasi mereka di kawasan *Malaysia Vision Valley* ini.

Banyak jugak industri daripada Lembah Kelang yang nak berhijrah ke sini, untuk mereka membesarkan lagi operasi mereka. Tapi kita memandangkan *Malaysia Vision Valley* ini, Negeri Sembilan, Dato' Dipertua, dengan mengambil kira kita tidak akan menerima sebarang industri untuk datang, walaupun modal yang nak akan ditanam, ataupun modal yang dibawak itu besar. Baru-baru ini kita telah menolak satu permohonan untuk mereka mengadakan industri mereka di sini, Dato' Dipertua, iaitu yang berasaskan kepada *chemical base company*, nak bawak ke sini. Walaupun pelaburan yang dicadangkan melebihi satu bilion, tetapi kita rasakan dia akan mendatangkan banyak masalah pada masa datang, maka kita tidak bersetuju dan pelaburan tersebut kita tidak alu-alukan datang ke Negeri Sembilan.

Soalan berkenaan dengan lintasan keretapi, jalan keretapi Dato' Dipertua, yang sedia ada di Mambau, Dato' Dipertua, memang dalam *Malaysia Valley* tetapi, *Malaysia Vision Valley*, ada, kita nak hidupkan semula, Dato' Dipertua, jalan tersebut ya. Nanti jangan pulak ADUN Mambau kata ini idea dia. Ini bukan idea dia Dato' Dipertua, ini memang kita punya idea ya. Kang, banyak orang sekarang ni dia, dia

me, cuba nak ambil nama, Dato' Dipertua. Kita nak buat projek, dia duduk hari-hari kat situ, dia ambil gambar. Lepas tu masuk surat khabar, haa ini dia yang buat, kata. Tak ada, ya. Memang kita dah buat. Tapi dalam keretapi, Perbadanan Aset Keretapi, Dato' Dipertua, tidak ada, kerana ini adalah terletak dalam kawasan pembangunan *Malaysia Vision Valley*, Dato' Dipertua. Dan salah satu daripada asas kita, Dato' Yang Dipertua, untuk *Malaysia Vision Valley* ini berjaya, dan mempermudah dan mempertingkatkan pengangkutan awam yang saya sebutkan tadi ialah dengan kita menghidupkan semula perkhidmatan kereta api Seremban ke Port Dickson. Kalau dulu tidak ada penumpang, cuma perkhidmatan barangan saja, tetapi kita nak hidupkan berasaskan kepada siling bajet yang dibuat dalam *Malaysia Vision Valley*, Dato' Dipertua, berasaskan kepada PPP lagi bukannya kerajaan, untuk menghidupkan dan kita membuat jugak sistem komuter Seremban ke Port Dickson. Ini akan menghidupkan Port Dickson kerana dapat menghubungkan orang yang naik kereta api daripada Kuala Lumpur, naik komuter ataupun naik ETS, mereka boleh pergi ke Port Dickson dengan menaiki kereta api, Dato' Dipertua.

Jadi, jangan nanti pulak bila kita buat nanti, ada pulak orang yang duduk *relax* kata, haa ini dia yang cadangkan. Macam kita buat kita punya apa orang kata, dekat Ulu Temiang, Dato' Dipertua. Dekat Ulu Temiang, Dato' Dipertua, kita yang rancang, kerajaan yang rancang, kerajaan pun telah pun kita buat dia punya projek mulanya dulu, sebelum pilihan raya ke-13, Dato' Dipertua. Saya pergi ke Temiang. Tapi jangan pulak kita mengaku pulak kita punya projek, kerana dialah mengatakan bahawa kerajaan terpaksa buat. *Podah*, tak adalah Dato' Dipertua, ya. Dato' Dipertua, sekian, terima kasih.

Y.B. ADUN Mambau: Tuan Dipertua, soalan tambahan saya. Dato' Yang Dipertua, sebagai ni Ahli Dewan Undang, Undangan Negeri, kami yang berhak atau bertanggungjawab untuk memberi pandangan kepada pihak Kerajaan Negeri. Tak, tak kira siapalah kita sama-sama membangunkan Negeri Sembilan. Jangan tuduhkan siapa yang buat ini, siapa yang buat itu.

Dato' *Speaker*, soalan, soalan tambahan saya ialah berkenaan dengan lintasan kereta api dari Seremban ke Port Dickson ni, adakah stesen baru akan diletakkan di hadapan Kampung Baru Mambau? Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, jawab dia punya, nombor satu tadi, saya bukan kata, memang betul sama-sama. Tapi jangan kata

kerana dia kita buat projek tu. Tak betul. Nanti, nanti, dia cakap nanti tu. Waah, kerana sayalah bawa dalam Dewan, cakap pasal kereta api, kerajaan buat kereta api. Nanti langsung tak jadi nanti. Kalau saya dengar Dato' Dipertua, ADUN Mambau kata kerana dialah yang menghidupkan jalan kereta api ini, saya akan batalkan, ya. Apa kata? Boleh janji?

Dato' Dipertua, memang tugas kitalah ya, memang kita sama-sama. Sama-sama kita buat. Sama ada berhenti tidak kepada Mambau, terpulanglah pilihan raya akan datang. Kalau masih bawah dia, saya akan lalu saja di Mambau, Dato' Dipertua. Okay, terima kasih.

Y.B. ADUN Mambau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Soalan kedua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, berkenaan kawalan perbelanjaan ni Dato' Yang Dipertua, saya amat gembiralah untuk melaporkan di Dewan yang mulia ini, bahawa laporan Ketua Audit Negara di Parlimen, dan jugak diberikan kepada kita, Kerajaan Negeri Sembilan merupakan negeri yang paling baik Dato' Dipertua, dari kawalan perbelanjaan kita. Kitalah yang paling rendah sekali dalam Malaysia. Kita punya perbelanjaan operasi kita paling rendah dalam, seluruh negara, dalam negeri-negeri seluruh negara. Sebab kita kawallah tu. Kita punya *cross audit*, kita ada audit, audit silang kita, kita buat. Macam-macam. Seheinggakan kita sentiasa menjadi sebagai apa yang dipanggil oleh Ketua Audit Negara, mengapa tak contohi Kerajaan Negeri Sembilan. Dan perbelanjaan kita memang kita berbelanja seminimal yang mungkin. Dan kita kawal dengan baik Dato' Dipertua, kerana kita ada sistem-sistem audit silang, sistem-sistem yang mana sentiasa saja kita buat untuk kita pastikan kawalan kewangan ini dibuat dengan terbaik yang mungkin.

Dalam laporan Ketua Audit Negara yang baru-baru ini, alhamdulillah Dato' Dipertua, satu yang menggembirakan jugak lagi dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya, bahawa *comment-comment* Ketua Audit, Ketua Audit Negara, tahun 2015, 2016, semua telah kita ambil tindakan. Semua dah kosong. Satu-satunya negeri jugak lagi yang telah pun kita ambil tindakan serius pandangan dan jugak laporan yang dibuat, teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara.

Berkenaan dengan perbelanjaan, kita memang minima. Saya tak pernah bawa rombongan dagang ke luar negara, ya. Saya tak nak bawa, sebab kalau saya buat nanti, perbelanjaan dia besar. Dia punya, dia punya hasil belum tentu apa-apa. Bawa 30 - 40 orang pergi

Shanghai, pergi New York, pergi Paris, buat apa kan. Lebih baik kita buat kerja di sini. Kalau kita nak berhubung dengan mereka, kita menghubungi kedutaan-kedutaan mereka. Dan apa yang perlu ialah kita membuat suatu dasar komprehensif yang boleh dilihat dari jauh oleh mereka kerana sekarang ni dunia berada di hujung jari Dato' Dipertua. Kita tak perlu lagi pergi ke tempat mereka. Mereka boleh melihat kita daripada jauh. Dan akhirnya nanti mereka akan datang. Dan jika mereka datang ke Malaysia, tempat utama mereka tuju ialah kedutaan mereka sendiri. Dan kedutaan merekalah yang akan merupakan tempat *reference* mereka untuk melabur di kawasan mana.

Jadi, sekarang Dato' Dipertua, dunia yang serba canggih Dato' Dipertua, orang di New York boleh melihat Negeri Sembilan. Mereka nak melabur di mana, dunia mana, di negara mana, Malaysia dia katakan negara yang baik, negara yang aman damai, negara yang *friendly to business*. Di Malaysia pulak di mana. Haa dia tengoklah mana kawasan mana. Kita ada apa, macam-macam. Laporan yang dibuat oleh Pesuruhjaya Tinggi Dagang mereka akan membuat laporan, mereka lihat.

Jadi, inilah salah satu faktor, salah satu daripada sebab mengapa kita punya perbelanjaan operasi kita amat kurang Dato' Dipertua, di samping cara kita mengawal perbelanjaan kerana di Negeri Sembilan ini, Dato' Dipertua, kita telah pun mintak supaya dulu dalam kerajaan, kita punya sistem *cash accounting*, dengan izin Dato' Dipertua, iaitu akaun tunai kan, pendapatan dan perbelanjaan. Tapi kita dah tukar perkataan "perbelanjaan" ini Dato' Dipertua kepada "pelaburan". Kita dapat pendapatan dan pelaburan. Jadi, usaha untuk kita supaya kita mendapatkan impak yang baik kepada setiap 1.00 ringgit yang kita labur Dato' Dipertua. Kita mesti melabur dengan cermat. Kita mesti menggunakan duit pendapatan ini, pendapatan ini adalah hasil daripada duit yang dikeluarkan oleh rakyat seperti dalam bentuk cukai dan lain-lain.

Makanya sudah seharusnya bahawa setiap ringgit yang kita dapat itu, mesti kita labur semula dengan cermat dan mendapat impak yang besar kepada masyarakat. Jika ini dapat kita teruskan, dapat kita lakukan dengan baik, Dato' Dipertua, inshaa Allah, saya yakin, perbelanjaan Kerajaan Negeri Sembilan akan dapat kita, dapat kita urus dengan baik dan akan mendatangkan faedah yang banyak kepada rakyat. Di samping kita mengawal dari segi kawalan-kawalan supaya tidak adanya ketirisan dan yang lain-lain, Dato' Dipertua, terima kasih.

Y.B. ADUN Mambau: Dato', Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Untuk memperketatkan kawalan perbelanjaan Kerajaan Negeri, apakah garis panduan atau cuba, cuba bagi, untuk mengkaji penjawat awam, penjawat awam di Negeri Sembilan? Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dia tak ada ketat, tak ada longgar Dato' Dipertua ya. Kita buat ikut Arahan Perbendaharaan dan jugak Arahan Kewangan, Kementerian Kewangan. Dan jugak arahan-arahan pekeliling-pekeliling dari semasa ke semasa yang telah pun dikeluarkan. Dan setiap individu, setiap unit, setiap bahagian, mereka mempunyai keyakinan Dato' Yang Dipertua, bahawa mereka mesti mengurus pelaburan yang saya sebutkan tadi, dengan terbaik yang mungkin. Itu sebabnya di per, ada sa, kadang-kadang projek-projek yang kadang-kadang tidak perlu, kita tak, kita tak lakukan Dato' Dipertua. Saya harap supaya janganlah kita berbelanja kerana kita dah ada siling, Dato' Dipertua. Kita berbelanja kerana kita nak pastikan supaya setiap yang kita belanja itu sebagai pelaburan, dia ada dividen Dato' Dipertua, ya. Dividennya ialah kepada rakyat. Dividennya ialah kita, pelaburan kita buat, perbelanjaan kita buat Dato' Dipertua, mesti mendatangkan hasil yang baik kepada orang yang dulu dia membayar cukai, sekarang mereka mendapat hasil daripada bayaran cukai yang mereka keluarkan Dato' Dipertua. Itu harus dan mesti kita lakukan.

Inilah yang perlu kita tanam. Kalau kita nak buat pun kawalan-kawalan ketat, tapi kalau tidak ada kewibawaan, Dato' Dipertua, integriti tidak ada, kita jugak tidak boleh dapat menjayakan usaha untuk kita pastikan usaha untuk kita mendatangkan kebaikan setiap pelaburan yang kita lakukan itu dapat kita jayakan. Jadi, alhamdulillah, di Negeri Sembilan, saya yakin dan saya percaya, dan kita telah lihat bahawa jabatan-jabatan yang diketuai oleh ketua-ketua jabatan, ketua-ketua agensi, dapat menterjemahkan hasrat Kerajaan Negeri, Dato' Dipertua. Nombor satu, kita punya pendapatan tidak besar dan setiap ringgit yang kita dapat tersebut, mesti kita laburkan dengan terbaik yang mungkin. Dan kawalan kepada pelaburan kita itu mesti kita lakukan mengikut *circular-circular* ataupun pekeliling-pekeliling yang di, dari masa ke semasa dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Arahan Perbendaharaan, dan jugak pekeliling-pekeliling yang lain yang dikeluarkan sama ada dari dalam ataupun daripada pihak Pusat, Dato' Dipertua.

Tetapi yang paling sekali ialah keyakinan diri, integriti diri kita mesti kuat untuk kita pastikan kita mengurus dengan baik. Dan apa yang kita urus ini akhirnya akan mendatangkan faedah kepada masyarakat yang

telah pun mengeluarkan cukai, membayar cukai dalam bentuk-bentuk yang lain-lain, Dato' Dipertua, inshaa Allah.

Y.B. ADUN Mambau: Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan ketiga.

Y.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, pembangunan negeri ni soalan yang amat umum. Kita bangunkan negeri ya. So kita akan bangunkan negeri dengan terbaik yang mungkin. Seperti yang saya sebutkan tadi, pembangunan antara bandar luar bandar. Pembangunan insan dia, kita buat dasar pelajaran di Negeri Sembilan kita dah berjaya, dasar, dasar keselamatan sosial dia kita dah ada. Dasar perumahan, ini semua pembangunanlah. *When we talk about development, Dato' Dipertua, it's a very very wide subject.* Kita, saya tak dapat nak kata mana satu, tapi secara umumnya Dato' Yang Dipertua, kita memandang pembangunan ini satu kemestian. Satu yang perlu kita buat kerana tanpa pembangunan, kita tidak akan dapat maju. Kita tidak akan dapat jalan ke depan. Dan jugak tanpa pembangunan, kita tidak akan dapat hasil kerana hasil itu perlu untuk kita laburkan semula untuk kita jadikan sebagai projek-projek yang mendatangkan manfaat kepada rakyat.

Jadi, pembangunan ini perlu. Jangan pulak ada nanti katakan, oh kita tak perlukan pembangunanlah, kerana pembangunan merosakkan masyarakatlah, pembangunan mendatangkan banyak masalah kepada, itu, itu salah. Pemikiran itu salah. Pembangunan perlu Dato' Dipertua, tapi perlu diurus. Pembangunan mesti kita lakukan sebaik mungkin, dengan secermat yang mungkin. Tanpa pulak nanti pembangunan yang kita lakukan ini, mendatangkan kemudaratan yang lebih banyak kepada masyarakat, itu tak boleh. Tetapi pembangunan mesti kita urus.

Tu sebabnya kita kata dalam *Malaysia Vision Valley*, pembangunan Negeri Sembilan ini, kita mengambil kira semua. Kita memandang daripada, daripada, daripada tahun 2045. Apakah masalah yang bakal kita hadapi, mengambil kira rakyat pada ketika itu, di kawasan ini, 2.5 juta. Apakah bentuk pengangkutan awam yang diperlukan? Apakah bentuk tanah lapang, berapa besar yang perlukan? Itu kita buat seribu ekar Dato' Dipertua, tanah lapang. Apakah infrastruktur yang perlu ada? Itu sebabnya kita buat *highway*. Tak lama lagi, boleh jadi bulan depan, kita mulakan *highway* baru iaitu *express way* baru iaitu daripada Taman Semarak, Nilai sampai ke Enstek, Dato' Dipertua, sampai dekat dengan Kellogg's, Kilang Kellogg's, fasa pertama. Fasa kedua nanti,

daripada sana akan pergi ke KLIA. Tak lama lagi akan kita mulakan projek pembinaan jalan daripada KLIA ke Seremban, terus sambung dengan LEKAS. Dan telah pun diluluskan di bawah *private PPP*, daripada KLIA ke Port Dickson. Jadi, sebut jugak tadi, bahawa dalam *Malaysia Vision Valley* ada jugak provisi, *provision* Dato' Dipertua, iaitu menghidupkan semula perkhidmatan kereta api daripada Seremban ke Port Dickson. Macam-macam Dato' Dipertua, kita buat.

Jadi ini keperluan kerana pembangunan kalau kita buat tanpa dirancang dengan baik, Dato' Dipertua, untuk kita, *for us to put it back*, dengan izin Dato' Dipertua, *its going to be very very costly later on*. Akan me, menelan belanja yang amat mahal, Dato' Dipertua. Tetapi kalau kita dah ada *provision* MRT, *provision* untuk *tram* dan lain-lain Dato' Dipertua, saya rasa tak, tak mahal, tak mahal. Untuk belanja pembinaan saja.

Dan saya sebut jugak tadi, *Malaysia Vision Valley*, jangan ada orang sebut, ah mengapa di Seremban dan Port Dickson saja, apa kena, apahalnya dengan Rembau, Tampin, Jelevu, Johol, Jempol, apa, Jempol, Jelevu, Dato' Dipertua. Tetapi kita mengatakan bahawa hasil daripada yang kita dapat daripada *Malaysia Vision Valley* ini Dato' Dipertua, banyak hasilnya nanti kerana, memang akan banyak hasil. Premium yang akan kita, akan kita *collect* saja beratus-ratus juta Dato' Dipertua. *And*, untuk Negeri Sembilan yang kecil ini Dato' Dipertua, dengan kos operasi yang kita kawal dengan baik, dengan, urus dengan baik, saya rasa Dato' Dipertua, sebab kita pun dah buat keputusan kita tidak perlu lagi rizab yang banyak. Kita perlu cuma setengah bilion saja Dato' Dipertua, selain daripada itu nanti, kita akan *subscribe* kepada Akaun Pembangunan. Bayangkan Dato' Dipertua kan, kita akan mempunyai punya banyak. Dan kita akan bangun infrastruktur di luar bandar, kita akan buat pengangkutan awam, sekarang ni pun dah peringkat akhir. Dato' Setiausaha Kerajaan pun peringkat akhir, saya dah lihat, tapi saya, saya tengok supaya ada lagi penambahbaikan. Kita akan buat jugak, kita dah bentangkan jugak dalam Mesyuarat Tindakan Negeri, pengangkutan awam di, di luar bandar Dato' Dipertua, dan jugak kita punya Pelan Pembangunan Luar Bandar, pada awal tahun depan, in shaa Allah. Jadi ini kita nak buat.

Jadi pembangunan perlu. Jangan ada orang kata nanti, oh pembangunan nanti mendatangkan masalah kepada kita, lebih baik kita begini, itu, itu tak boleh. Itu berfikiran seperti "katak bawah tempurung". Kita mesti bangun negeri, tetapi pembangunan yang mengambil kira soal *spatial*, soal ekonomi, soal sosial, soal-soal yang perlu mengambil kira supaya pembangunan yang kita nak buat ini nanti Dato' Dipertua, mendatangkan kebaikan lebih banyak daripada

keburukan. Masalah akan tetap ada. Jangan pulak nanti menuding jari, haa itu sebab itulah ada masalah. Tapi cuba kena tengok, kita kena buat *cost benefit analysis* dia, banyak baik pada buruk, kita pergi. Tapi kalau banyak buruk pada baik, jangan *proceed*. Itu yang perlu kita buat.

Jadi, soal pembangunan di Negeri Sembilan ini perlu. Kita mesti bangunkan Negeri Sembilan ya. Kita dah kata dah dalam sidang Dewan yang lalu, kita ni terlampau bergantung banyak kepada sektor pembuatan. Ekonomi kita terlampau bergantung kepada sektor pembuatan. Jika berlaku apa-apa dalam sektor eko, ekonomi dunia, macam 2007/2008, kita punya eksport LME kita turun 50%. Negara kita turun lebih pada 50% dia punya belian ataupun eksport barangan pembuatan kita. Kita akan jatuh terduduk. Makanya perlu dirangka suatu kaedah supaya kita tidak terlalu bergantung kepada satu sektor ekonomi untuk ekonomi kita. Perlu kita tambah. Itu sebabnya saya katakan kita perlu perkasakan kita punya sektor *agriculture* ataupun sektor perindustrian, sektor pelancongan kita supaya dua sektor ini boleh *dicombine*, di, di, digabungkan, boleh menyumbang 30% misalnya, ya, sektor pertanian kita, sektor pelancongan kita. Jadi kita punya sektor perkhidmatan dan jugak pembuatan itu, *the remaining 70%*.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, kita tak terlampau bergantung kepada satu sektor, apa jua berlaku kita ada sektor lain. Macam sekaranglah Dato' Dipertua, jika tak ada GST, bayangkan 40 bilion *just wipe out like that*, daripada 110 dolar satu tong minyak mentah kepada 50 dolar. Biasa kita dapat 40 – 65 bilion dalam bentuk cukai, dalam bentuk dividen, dalam bentuk royalti. Tapi hilang. Kalau tidak kita dah jadi *insolvent* Dato' Dipertua. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Mambau: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan saya. Dalam sektor pembangunan negeri, saya ingin nak tanya, apakah status terkini bahawa rancangan perpindahan bangunan Majlis Perbandaran Seremban ke AEON BiG, Jalan Tampin Lama, jalan, Jalan Lama Tampin? Apakah status terkini? Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ini bukan pembangunan negeri Dato' Dipertua. Apa kena mengena MPS dengan pembangunan negeri, haa? Tanya sajalah, tanya apakah status, janganlah tanya pembangunan negeri ya. Saya dah jawab dalam tempoh, dalam Dewan tempoh hari, bahawa MPS, MPN telah pun, akan digabungkan ya. Entiti bandar raya dah lama diluluskan, tapi Kerajaan Negeri tak mahu tergesa-gesa untuk kita mengisytiharkan bandar raya Dato' Dipertua, ya, kerana kita nak

supaya diperbetulkan. Banyak lagi aspek-aspek yang perlu kita perkasakan, yang perlu kita perbaiki sebelum kita megah, sebelum kita hooray hooray, tembak bunga api, bandar raya. Tapi longkang tersumbat. Apa guna kan, buat apa. *Who are we kidding*, dengan izin Dato' Dipertua ya. Jadi, kita tak mahu itu. Kita perlu perkasakan sistem pengangkutan awamnya baru-baru ni kita dah *reschedule* balik, sekarang ni ada bas dah, kita pendekkan, walaupun kita pendekkan perjalanan tapi kita tingkatkan frekuensi. Kita pergi kepada, sampai ke HTJ, dulu HTJ tak ada bas, sekarang kita masukkan bas. Macam-macam, kita kaji satu masa satu masa.

Jadi, tentang perpindahan ini, bangunan itu, dah beli pun. Dah beli. Nak mintak pejabat situ? Yang risau sangat apahal? MPS yang nak pindah, YB pening kepala apahal?

Y.B. ADUN Mambau: Ni kerana penduduk berhak bertahu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Oh penduduk nak tahu.

Y.B. ADUN Mambau: Ini.

Y.A.B. ADUN Rantau: YB nak tahu ke, penduduk nak tahu? Tutup YB, *switch off*. Dah beli, dah bayar pun, 10% ya. Untuk kita nak buat *transfer*. Di situ nanti penduduk akan dapat suatu keadaan di mana tak susah macam sekarang ya. Dia ada 850 *parking lot*. Untuk YB nanti ada satu nanti, kita khaskan YB Mambau.

Y.B. ADUN Mambau: Terima kasih, terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: 850 lot, *parking lot* Dato' Dipertua, ada. Dan lapang. Sekarang ni MPS punya kakitangan separuh dekat Yayasan Negeri Sembilan, separuh dengan *grand*, apa tu, *park*, Parkson Grand, separuh dekat situ, separuh dekat sana. Susah Dato' Dipertua. Jadi kita letakkan satu bumbung yang mana keluasan yang amat besar dan maka di situ nanti kita akan menggabungkan MPS dan MPN. Dah hampir selesai.

Cuma ada satu saja masalahnya ialah tentang sistem percukaian yang berbeza. Sebab MPS, cukai pintu dia lebih rendah pada MPN, ya. Jadi,

kita nak tengok apa yang perlu kita buat. Apakah kita boleh terus dalam satu entiti, Dato' Yang Dipertua, *we can have or is allowed or not to have two taxes system*, itu kita tengah kaji, dengan izin ya. Jadi, kita buat.

Yang lain-lain *settle* dah okay dah. Sistem *integration not an issue*, staf tak ada isu, apa semua tak ada isu. Tapi cuma sistem cukai saja. Sistem cukai pintu, MPS-MPN tu dia berbeza. MPN lebih tinggi. Jadi kita tak mahu ada nanti, ada *anomalies*, ataupun ada percanggahan apa semua kan. Mengapa dalam satu entiti, haa itu nanti, kalau kita buat nanti, YB-YB di sana bersoraklah akan menanya saya. Jadi saya tak mahu dia ada soalan nak tanya saya. Saya akan pastikan supaya tak ada soalan. Kita akan buat nanti dengan cara terbaik yang mungkin.

Tapi jika terpaksa untuk sementara waktu, ada sistem dua cukai dalam satu entiti ini, kita akan buat. Kerana kita tak boleh lagi menangguh-nangguh kerana kita perlu buat supaya kita perlukan. Kerana di Malaysia ini satu-satunya negeri yang tak ada bandar raya ialah Negeri Sembilan, Dato' Dipertua. Tapi ini bukan untuk kita bermegah mengatakan kita pun ada. Ini kena kita perlu ada, ya. Jika kita perlu, maka perlulah. Bukan kerana kita juga mahu ada ya. Jadi, itu yang kita buat, tetapi sebelum kita buat, kita nak pastikan supaya urusan masyarakat, urusan perkhidmatan, urusan semua-semuanya dibuat dulu dengan terbaik yang mungkin.

Masalah memang akan tetap ada kan. Masalah seperti banjir kilat ke apa, ada, ya kita tak dapat nak, kita tak boleh nak bagi jaminan bahawa tidak akan ada lagi banjir kilat selepas bandar raya ditubuhkan. Kita dapat nak jamin bahawa sampah akan ada, tak ada lagi. Ini, ini, ini, isu dia ada dua. Satu isu, isu *principal* dia, bandar raya. Isu operasi dia, lain. Operasi akan sentiasa ada isu ya. Jadi, itu saja, ya. Dah beli dah, dah bayar pun dia punya duit 2%, nak buat, saya tak tahu, dah ada *sale and purchase agreement* ke belum, kalau *sale and purchase agreement* ada, bayar 8%. *This is a straight forward sale and purchase agreement* dengan pihak Jepun ya. Syarikat yang, tuan punya tanah itu ialah syarikat Jepun. Kita beli.

Dan banyak jauh jimatnya daripada MPS membina dia punya menara, seperti yang nak dicadangkan dulu. Nak bina menara dekat dewan yang sedia ada. Nombor satu, dewan itu mengapa perlu kita runtuhkan. Nombor dua, Seremban ni dah lah sesak, nak taghuk pulak satu menara lagi. Nak *parking* dia di mana? Jadi, bukan isunya kita tak mahu buat menara, tapi seperti yang sebutkan tadi, kita kaji sebab satu ringgit yang kita buat itu adalah duit pembayar cukai, kita kaji apa nanti. Dia akan terus jugak membebani rakyat, membebani masyarakat jugak. Terpaksa cari *parking*, *parking* tak ada, kelam kabut. Kalau ada

pun nanti *parking*, dengan bayaran yang tinggi. Tetapi di tempat yang ada ni Dato' Dipertua, secara automatik dah ada 850. Kalau 500 untuk kakitangan, dah ada 350 untuk orang yang datang, ya. Tak ada isu. Dan kita akan buat sistem bas yang akan lalu di sana nanti. Jadi senang ya. Daripada Mambau nak datang, daripada mana-mana nak datang, datang ke situ. Dan, kita telah cadangkan jugak, saya telah cadangkan kepada Yang Dipertua, adakan *regional office*, ya. Supaya nanti tidak semuanya bertumpu di Seremban. Kita adakan dia *regional office* di Nilai, *regional office* di Mantin, *regional office* di kawasan, kawasan Senawang. Akan ada untuk, nombor satu akan ditempatkan unit-unit gerak segera, ya. Kalau ada masalah mereka akan bergerak daripada situ. Dan tempat pembayaran cukai akan masih lagi wujud di seluruh tempat, sama ada secara *mobile* ataupun secara tetap Dato' Dipertua, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Ada sikit masa lagi, saya persilakan Seri Menanti.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Dato' Yang Dipertua, soalan pertama.

Y.B. ADUN Labu: Dato' Yang Dipertua, menyebut tentang bidang pertanian di Negeri Sembilan, suka saya nyatakan bahawa pemajuan dan pengembangan sektor pertanian di Negeri Sembilan ini turut mengambil kira dan juga keterlibatan masyarakat di luar bandar dalam perancangan pembangunan luar bandar khususnya dari sudut-sudut yang saya nyatakan ini.

Pertama, penambahan nilai produk dan hasil pertanian dengan merakyatkan keusahawanan di kalangan masyarakat luar bandar melalui penerapan inovasi dan teknologi industri pertanian semasa. Itu yang pertama. Yang kedua, menggiatkan penglibatan masyarakat luar bandar dalam bidang penyelidikan bagi melahirkan pakar dan dalam mengkomersialkan produk agribioteknologi, itu yang kedua.

Dan yang ketiganya, penggunaan tanah secara optimum dengan transformasi bidang usahawan dan pembangunan produk menerusi kaedah berteknologi tinggi bagi meningkatkan pengeluaran hasil yang berkualiti dan selamat dimakan juga digunakan. Kita tidak mahu peningkatan pengeluaran bertambah tetapi kualiti tak ada dan juga merbahaya untuk kita gunakan dan jugak kita makan.

Dan jugak dalam masa yang sama, yang keempatnya, mewujudkan rangkaian antara bandar dengan luar bandar bagi memperkukuhkan pengurusan rangkaian bekalan bagi sektor pertanian dari peringkat hulu kepada produk hiliran. Dan antaranya, kita mewujudkan hab pengeluaran tanaman makanan bagi keperluan sara diri masyarakat di Negeri Sembilan dan selebihnya boleh kita pasarkan ke Lembah Kelang serta ke peringkat antarabangsa.

Dato' Yang Dipertua, inilah antara fokus dan langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk menentukan industri pertanian di negeri ini mampu disertai oleh masyarakat luar bandar dan dengan sokongan penyelidikan dan perkembangan produk dan juga pengalaman yang mencukupi. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Dato' Yang Dipertua, soalan tambahan. Tadi disebut tentang melahirkan pakar dalam masyarakat petani. Jadi, apakah kaedah yang digunakan untuk melahirkan pakar tadi dan seterusnya berapa ramaiakah pakar tersebut telah diwujudkan di kalangan petani dalam Negeri Sembilan ini? Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Labu: Terima kasih kepada ADUN Seri Menanti. Untuk melahirkan pakar-pakar di dalam pertanian ini, ini sebenarnya kita banyak perancangan ya. Pertama sekali apabila kita dapati mereka ini sangat berminat untuk menceburkan diri dalam pertanian. Kita akan mengambil mereka ini sebagai ya, pengusaha yang dalam perhatian. Kemudian kita boleh hantar ya, kalau dia minat dalam, contohnya pertanian ya, kita boleh hantar ke institusi-institusi ataupun dalam masa yang sama Jabatan Pertanian mengambil mereka ini dan menghantar dan juga dalam masa yang sama supaya mereka ini nanti mempunyai pengetahuan yang luas. Dan akhirnya mereka menjadi usahawan. Itu yang pertama. Kalau dia berminat dalam produk ya. Kita boleh menghantar berkursus ya, di RISDA, di institusi-institusi yang mempunyai ya, ilmu ini untuk kita lahirkan dia sebagai usahawan-usahawan yang berjaya.

Dalam menyatakan berapakah jumlah ini ya, ini kena dilihat dan saya akan dapatkan ya, jumlah ini ya, di masa akan datang. Dan inshaa Allah saya akan beri kepada Seri Menanti. Kerana ini memerlukan fakta yang sebenar. Kalau saya bercerita di sini, tentang mereka yang sudah berjaya, barang kali jumlahnya itu tidak berketepatan. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Berhormat. Kita dah

Y.B. ADUN Seri Menanti: Dato' Yang Dipertua, soalan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Masa dah sam, dah cukup Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Cukup? Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa bagi pertanyaan lisan telah pun tamat. Seterusnya ke agenda seterusnya.

6.2 Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis

Setiausaha Dewan: Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Bertulis. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun bentangkan jawapan-jawapan yang bertulis dan pertanyaan-pertanyaan dan pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan diberitahu terlebih dulu seperti yang dibentangkan di hadapan ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat sekalian, jawapan-jawapan bagi Pertanyaan Bertulis adalah dibentangkan.

Y.B. ADUN Chennah: Peraturan Mesyuarat. Dato' Yang Dipertua, saya nak mendapatkan penjelasan kerana mengikut *convention* ataupun *practice* kita dalam Dewan yang mulia ini, semua jawapan bertulis daripada semua ahli Dewan dibentangkan kepada setiap ahli Dewan. Kalau dalam persidangan-persidangan yang lepas, buku jawapan bertulis kita amat tebal kerana meliputi semua jawapan daripada semua ahli Dewan.

Tetapi pagi tadi saya mendapati bahawa, apa yang saya dapati ialah untuk saya, saya hanya dapat untuk jawapan daripada soalan saya sendiri saja. Untuk soalan-soalan daripada ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, saya tak dapat. Ini seolah-olah menafikan maklumat kepada saya kerana mengikut *practice*, semua jawapan bertulis itu dibentangkan kepada semua ahli Dewan, supaya semua tahu apa jawapan kepada soalan-soalan yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Dewan yang lain.

Jadi, saya nak tanya mengapakah pihak urusetia Dewan menafikan jawapan ini kepada ahli-ahli Dewan? Adakah ini satu perubahan, *practice* ataupun adakah arahan-arahan perubahan daripada sesiapa? Adakah pihak *Speaker* mempersetujui bahawa amalan ini dibenarkan? Saya nak tanya penjelasan daripada Yang Berhormat *Speaker*, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli Yang Berhormat, kita memakai peraturan pada kali ini ialah supaya jawapan itu boleh dibagi hanya kepada ahli Dewan yang bertanya. Tetapi tidak salah bagi ahli Dewan kalau selepas ini mereka mengumpulkan jawapan, tak ada masalah. Cuma ini saya fikir perbezaan yang telah pun kita laksanakan. Ini bukan saja kepada pihak pembangkang, tapi jugak pada semua ahli Dewan. Yang kita telah nyatakan bahawa jawapan tersebut perlu dibagi hanya kepada orang yang bertanya.

Y.B. ADUN Chennah: Apa rasionalnya Dato' Dipertua, saya nak tahu apa rasionalnya?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Rasional tak ada, cuma saya bersetuju

Y.B. ADUN Chennah: Mengapa, mengapa rasional tak ada? Kalau tak ada rasional, mengapa buat? Mengapa

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya

Y.B. ADUN Chennah: ada perubahan macam ni?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, saya beranggapan adalah tidak wajar orang yang bertanya, orang lain yang mendapat jawapan.

Y.B. ADUN Chennah: Bukan, bukan maksud tu. Itu, itu adalah maklumat kepada

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ya maklumat

Y.B. ADUN Chennah: kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh dapat daripada semua ahli Dewan, tak ada masalah.

Y.B. ADUN Chennah: Ini, sepatutnya jawapan itu diberikan kepada semua. Sebab kadang-kadang

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: kalau saya nak dapatkan jawapan daripada Seri Menanti, apa yang dia tanya tu, saya nak tahu apa maklumat tu, dia takkan bagi pada saya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, sepatutnya itu tidak ada.

Y.B. ADUN Chennah: Saya pun tak akan bagi kepada dia. Mungkin dia boleh dapatlah jawapan saya tetapi saya tak bolehlah dapat jawapan daripada beliau.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, sepatutnya

Y.B. ADUN Chennah: Ini, itu tak adil kepada kita, Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ayat “sepatutnya” tu tidak ada. Sebenarnya saya beranggapan adalah wajar orang yang bertanya, menerima jawapan.

Y.B. ADUN Chennah: Itu adalah maklumat daripada Kerajaan Negeri, daripada pihak Kerajaan Negeri untuk semua. Ini maklumat dalam Dewan. Mengapa sehingga jawapan pun tak, dinafikan Dato’ Dipertua untuk pengetahuan ahli-ahli Yang Berhormat? Itu yang saya tak faham. Kalau tak ada rasional, mengapa nak, nak buat perubahan macam ni?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato’ Dipertua, mohon izin mencelah ya. Soalan ni merupakan soalan bertulis. Jadi, dia bertulis, soalan ni memerlukan jawapan kita bagi jawapan yang itu sajalah ya, kepada Dewan. Kita bukan soalan, soalan kepada semua. Soalan bertulis daripada beliau, kita jawab kepada beliau, itu rasa rasional. Sebab saya tak tahu, yang ini buat pun, Dato’ Dipertua, boleh jadi nak jimat belanja ke, tak tahulah kan. Tapi soalan Yang Berhormat, soalan bertulis, kita jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat. Tak perlulah soalan bertulis daripada Seri Menanti nak dihantar kepada Yang Berhormat, untuk apa, sebab soalan bertulis beliau, 1 sampai 10, kita jawab 10 kepada Yang Berhormat. Itu sajalah rasionalnya.

Y.B. ADUN Chennah: Itu adalah untuk maklumat semua. Kita juga nak tahu apa-apa soalan yang dibangkitkan itu, apa, apa maklumat daripada Kerajaan Negeri, itu untuk pengetahuan kita sebagai ahli Dewan untuk mengetahui apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam apa-apa isu ataupun dasar yang ditanya oleh ahli-ahli ber, ahli be, yang lain. Jadi, saya tak, tak faham apakah rasionalnya?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya nak tanya Yang Berhormat, ada masalah ke nak dapat soalan daripada rakan-rakan?

Y.B. ADUN Chennah: Saya tak adalah masalah daripada sini, ada masalah daripada sana.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Haa, berbuat baiklah Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: Haa, itu yang masalahnya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Berbuat baik dengan Seri Menanti untuk dapatkan jawapan. Tapi

Y.B ADUN Chennah: Apa yang mereka tanya tu, saya juga nak tahu

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya telah buat keputusan bahawa soalan hanya dibagi kepada orang yang bertanya. Itu

Y.B. ADUN Chennah: Saya hanya berkata perubahan ini tak rasional, Dato' Dipertua. Ini sesuatu

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bukan, bukan masalah rasional.

Y.B. ADUN Chennah: Ini *convention*, ini *convention* dalam Dewan, *convention* dalam Dewan, *practice* yang telah kita amalkan sekian lama. Daripada saya masuk tahun 2004, tak ada masalah. Semua jawapan diberikan. Buku, buku, saya, saya simpan lagi. Daripada tahun 2004, apa yang dijawab tu saya simpan dalam pejabat saya, untuk makluman. Untuk kita buat kajian kadang-kadang, apa pendirian daripada pihak Kerajaan Negeri, kalau kita nak buat satu isu, satu apa ni, kajian untuk sesuatu isu, kita nak tengok balik apa yang dijawab oleh Kerajaan Negeri. Daripada dulu. Kadang-kadang

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: kita tak sempat, kita hanya ada 10 soalan. Setiap ahli Dewan hanya ada had 10 soalan. Saya tak boleh tanya semua, semua isu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya nak tanya Yang Berhormat balik semula, ada masalah ke Yang Berhormat

Y.B. ADUN Chennah: Ada, ada, Dato' Dipertua. Saya nak kata

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Jadi itu masalah

Y.B. ADUN Chennah: ada masalah.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Masalah apa?

Y.B. ADUN Chennah: Masalah tak dapat maklumat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, saya ingin mencelah lagi, bahawa ini soal asas ya, soal asas, dia menulis 10 soalan, kita jawab 10 soalan. Mengapa pulak dia

Y.B. ADUN Chennah: Saya tak mempertikaikan itu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dia tulis 10 soalan, kita nak jawab sampai 300 jawapan. Jadi, tak

Y.B. ADUN Chennah: Jawapan tu semua dijawab. Cuma dia tak berikan kepada

Y.A.B. ADUN Rantau: Kalau

Y.B. ADUN Chennah: semua ahli Dewan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Kalau

Y.B. ADUN Chennah: Access kepada maklumat itu saya berhak.

Y.A.B. ADUN Rantau: Kalau Yang Berhormat daripada Chennah nak kan jawapan, tulis, kita, kita akan jawab kepada Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: Kita akan tulis. Saya, memang kita semua, saya tak kata bahawa jawapan kepada soalan saya tak terima.

Y.A.B. ADUN Rantau: Apa isu Yang Berhormat?

Y.B. ADUN Chennah: Isunya ialah, maklumat-maklumat daripada jawapan-jawapan lain tak, tak, tidak diterima.

Y.A.B. ADUN Rantau: Itu bukannya keperluan. Maklumat

Y.B. ADUN Chennah: Satu keperluan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Maklumat-maklumat

Y.B. ADUN Chennah: Itu *access* maklumat.

Y.A.B. ADUN Rantau: soalan peribadi. Itu namanya soalan bertulis.

Y.B. ADUN Chennah: Yelah betul jawapan bertulis.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat punya soalan jawab, tanya 10, kita jawab 10.

Y.B. ADUN Chennah: Saya tak kata soalan saya tak dapat, saya dapat jawapan untuk soalan saya. Cuma jawapan untuk soalan-soalan lain, yang kita juga nak buat kajian, nak tengok untuk maklumat, untuk maklumat kita, untuk pengetahuan kita, kita juga ada hak untuk tahu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Kalau Yang Berhormat nakkan maklumat, tanyalah, kumpulkan, tanya maklumat.

Y.B. ADUN Chennah: Tanyalah, saya memang tanya untuk soalan saya. Tetapi ada had dia, saya tak boleh tanya semua isu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Mengapa Yang Berhormat nak soalan bertulis yang banyaknya, macam kalau Seri Menanti, Seri Menanti punya kawasan, untuk Yang Berhormat

Y.B. ADUN Chennah: Dia bukan saja tanya kawasan, dia mungkin Palong pun ada isu yang baik, yang kita, dia tanya

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya, Dato', Yang Berhormat, kerajaan memandang

Y.B. ADUN Chennah: jawapan yang kita nak tahu. Itu, apa masalah nak bagi jawapan kepada semua ahli Dewan. Saya pun tak faham apa masalah daripada pihak Kerajaan Negeri.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ini soalan bertulis Yang Berhormat. Dia tanya 10, kita jawab 10. Tak ada tanggungjawab kerajaan ataupun Dewan, orang tanya 10, kita jawab 300.

Y.B. ADUN Chennah: Ini melanggar *convention*. Dato' Yang Dipertua, saya nak

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: dalam rekod bahawa ini melanggar *convention* Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: Di Parlimen pun kita *argue*. Memang Parlimen pun cuba nak menafikan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat nak bagi saya bercakap ke tidak?

Y.B. ADUN Chennah: Ya, cakaplah.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya dah faham Yang Berhormat. Apa bantahan Yang Berhormat kita telah terima. Dan saya nak nyatakan di sini bahawa apa yang telah saya putuskan, hanya soalan Yang Berhormat bertanya yang akan dijawab oleh Dewan. Dan akan diberi kepada orang yang bertanya. Yang kedua Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat ingin mengumpulkan semua soalan, tak ada masalah sebenarnya. Dan yang ketiga Yang Berhormat, haa ini yang saya nak tanyakan ni Yang Berhormat asyik melanggar saja saya ni. Iaitu apabila Penyata Rasmi ni dikeluarkan pada persidangan akan datang, semua soalan tu ada di sini. Apa masalahnya Yang Berhormat?

Y.B. ADUN Chennah: Lambat.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Apa lambat, tak ada lambatnya.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, Dato' Dipertua mohon mencelah. Saya nak tanya, bantahan daripada Yang Berhormat Chennah ni melanggar peraturan mana?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dia melanggar peraturan yang

Y.B. ADUN Chennah: Ini bukan soal melanggar peraturan, ini soal *convention*, amalan. Kalau sesuatu amalan itu telah di, di, apa, di, *dipractice*-kan, mengapa kita langgar amalan tu?

Y.A.B. ADUN Rantau: Kalau amalan salah.....

Y.B. ADUN Chennah: Dalam undang-undang ada amalan juga ada *precedence*.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Kalau amalan salah kita tak perlu

Y.B. ADUN Chennah: Ini bukan amalan salah, ini

Y.A.B. ADUN Rantau: amalan yang tak betul

Y.B. ADUN Chennah: amalan berpuluh tahun.

Y.A.B. ADUN Rantau: Amalan yang tak betul Dato' Dipertua, kita tak perlu teruskan.

Y.B. ADUN Chennah: Adakah Yang Amat Berhormat kata sejak 2004 itu amalan salah? Sudah 13 tahun.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tidak betul, tak betullah. Kita perbetulkan, Dato' Dipertua kerana

Y.B. ADUN Chennah: Kalau tak betul 13 tahun

Y.A.B. ADUN Rantau: kita tak melanggar apa-apa.

Y.B. ADUN Chennah: baru betulkan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Chennah: Ini di Parlimen pun tak ada masalah macam ni. Ini berpuluh tahun kita punya amalan demokrasi kita. Amalan di Parlimen, amalan di Dewan Undangan Negeri. Jawapan tak sepatutnya dipertikaikan ataupun dinafikan kepada mana-mana ahli Dewan. Itu saya nak kata. Memang keputusan *Speaker*, saya hormat, itu keputusan *Speaker*, saya tak boleh cabar, itulah nanti, kalau cabar nanti Dato' Dipertua boleh kata saya melanggar peraturan mesyuarat, peraturan Dewan. Cuma saya nak kata bahawa ini satu amalan yang tak baik. Ini satu keputusan yang melanggar, melanggar *convention* Dewan. Itu saja yang saya nak kata. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Okay terima kasih Yang Berhormat. Cuma satu yang saya nak, sekali lagi menyatakan bahawa pihak urus setia Dewan telah pun diarahkan, terutamanya saya pun telah bersetuju supaya soalan ahli Yang Berhormat, yang soalan bertulis ini dijawab kepada ahli Yang Berhormat. Saya tak benarkan soalan daripada ahli Berhormat yang lain dijawab kepada ahli Yang Berhormat yang lain. Tetapi kalau ahli Yang Berhormat ingin mengumpulkan soalan, tidak salah. Yang kedua, tidak ada masalah pun sebenarnya. Apabila dalam persidangan akan datang, Penyata Rasmi akan terkena, keluarkan semua jawapan. Tidak ada masalah. Tidak ada masalah.

Dan kata lambat pun, saya pun nak menyatakan di sini ahli-ahli Yang Berhormat, waktu nak memilih soalan ni, saya dapati ahli-ahli Yang Berhormat pun menyoal soalan yang kadang-kadang tidak langsung mempunyai mutu. Soalan yang banyak berulang. Jadi, perkara lambat atau pun tidak ini sebenarnya tidak wujud. Kalau ahli Yang Berhormat lihat soalan-soalan ahli Yang Berhormat itu, ada yang berulang dan kadang-kadang saya benarkan semata-mata kerana dah melepasi tempoh yang dibenarkan. Tetapi soalan masih berulang-ulang.

Yang kedua, ahli Yang Berhormat banyak yang menyoal tentang jumlah tertentu daripada tahun sekian, ada di antara tu kadang-kadang tak masuk akal. 10 tahun, 12 tahun. Ahli Yang Berhormat berfikirilah, ya. Sebab itu saya buat keputusan, hanya menjawab soalan kepada ahli Yang Berhormat yang menyoal supaya ahli Yang Berhormat menerima jawapan ahli Yang Berhormat. Dan kami di peringkat urus setia, di peringkat Dewan ini tidak akan menghalang. Sama ada *convention* itu satu soal *convention*. Tapi tidak salah kita me, memberi gambaran bahawa soalan tu dibagi hanya kepada mereka. Dan akhir sekali, apabila Penyata Rasmi keluar besok, ianya tidak lagi beri masalah. Semua jawapan tu ada di dalam jawapan tersebut.

Seterusnya, kita pergi pada perkara ketujuh.

7. USUL

“Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju memilih seorang ahli Dewan menganggotai Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan menurut Peraturan XXVIII B Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Sembilan bagi menggantikan kekosongan berikutan kematian ADUN Lenggeng selaku Ahli Jawatankuasa yang telah meninggal dunia pada 18 Julai 2017 yang lalu”.

Setiausaha Dewan: Perkara ketujuh, Usul. Dipersilakan Yang Amat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun mengemukakan usul bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju memilih seorang ahli Dewan menganggotai Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan menurut Peraturan XXVIII B Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Sembilan bagi menggantikan kekosongan berikutan jawatan, kema, kematian ADUN Lenggeng selaku Ahli Jawatankuasa yang telah meninggal dunia pada 18 Julai 2017 yang lalu.

Saya bangun mencadangkan supaya Yang Berhormat ADUN Linggi, Dato' Abdul Rahman Redza dipilih bagi menganggotai Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat telah mengemukakan cadangan dan mendapat sokongan. Saya kemukakan untuk dibahaskan, kalau ada.

(Tiada ahli Dewan yang mengambil bahagian di dalam perbahasan.)

Kalau tidak ada, ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan calon yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Rantau, sila angkat tangan (semua 19 ahli Dewan di pihak kerajaan mengundi setuju). Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? (semua 14 orang ahli Dewan di pihak pembangkang mengundi berkecuali). Lebih mengangkat tangan untuk bersetuju. Dengan itu, Dewan memilih ADUN Linggi; Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohd. Redza bagi menganggota, menganggotai Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan menurut Peraturan XXVIII B Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Sembilan bagi menggantikan kekosongan. Tahniah. Seterusnya.

8. **RANG UNDANG-UNDANG**

8.1 Rang Undang-Undang Enakmen Lambang, Anugerah Dan Gelaran (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) Negeri Sembilan 2017.

Setiausaha Dewan: Perkara kelapan, Rang Undang-Undang. Rang undang-undang yang pertama, dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

[Bacaan Kali Pertama]

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubungan dengan lambang, anugerah dan gelaran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Dibacakan bagi kali pertama.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Yang Berhormat da, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun men, menyokong cadangan tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubungan dengan lambang, anugerah dan gelaran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[Bacaan Kali Kedua]

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, izinkan saya untuk memberi penerangan dan membacakan rang undang-undang ini untuk kali kedua, dan memberi penerangan kepada ahli-ahli Dewan mengenai cadangan mewujudkan rang undang-undang kesalahan berhubungan dengan lambang, anugerah dan gelar, gelaran Negeri Sembilan 2017.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan saya membentangkan satu rang undang-undang yang cukup penting bagi memartabatkan institusi DiRaja Negeri Sembilan. Sebagaimana sidang Dewan sedia maklum, Fasal 26 Bab 7, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri

Sembilan 1959 memperuntukkan bahawa Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan ialah cucuran segala kehormatan dan kebesaran dalam negeri ini dan baginda sahajalah yang boleh mengurniakan dan mengadakan gelaran-gelaran, kebesaran-kebesaran, martabat dan bintang-bintang kehormat.

Menyedari amanah menjaga dan mempertahankan martabat dan kedaulatan institusi DiRaja, kerajaan mencadangkan agar digubal semula sa, suatu undang-undang yang bertujuan bagi mencegah penggunaan tidak wajar lambang, anugerah atau gelaran yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan segala perkara berkaitan dengannya. Rang undang-undang ini juga memansuhkan Enakmen Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tidak Wajar) 1991 (Enakmen No. 5 Tahun 1991) iaitu enakmen yang sedia ada.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, pada ketika ini banyak laporan dalam media massa berkaitan penyalahgunaan dan pemalsuan darjah kebesaran dan lambang kerajaan. Jenayah ini dilihat semakin berleluasa dan enakmen sedia ada tidak mampu membendung perkara ini. Selain itu, terdapat juga kes-kes yang dilaporkan berhubung penganugerahan pingat tidak diiktiraf di luar negeri dan negara, dan penggunaan darjah kebesaran yang telah dilucutkan. Dalam masa yang sama, kerap kali jugalah tindakan undang-undang, terutamanya penguatkuasaan dan pendakwaan tidak dapat dilaksanakan atas faktor kekangan dari segi teknikal perundangan. Ini sekaligus menjejaskan kelancaran dan kelicinan proses perundangan yang sedia ada.

Bagi memperkasakan perundangan sedia ada, Dato' Dipertua, kerajaan berpandangan penggubalan semula rang undang-undang ini perlu dilaksanakan bagi menambah baik perkara-perkara berikut. Nombor satu, perluasan skop perundangan. Antara elemen penting termasuklah peruntukan-peruntukan yang telah dicadangkan khususnya berkenaan kesalahan diperluaskan, jelas dan spesifik. Sebagai contohnya, jenis kesalahan akan meliputi sembilan jenis kesalahan berbanding hanya satu saja jenis kesalahan dalam enakmen yang sedia ada. Selain itu, tafsiran mengenai lambang, anugerah dan gelaran juga dapat diliputi dengan lebih luas lagi bagi membolehkan tindakan perundangan berkaitan khususnya penguatkuasaan dan pendakwaan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan dan tanpa keraguan.

Nombor dua, penalti bagi kesalahan dinaikkan. Sebagai satu instrumen pencegahan, Dato' Dipertua, penalti bagi kesalahan-kesalahan yang berkaitan juga telah dipertingkatkan dengan hukuman lebih tinggi.

Secara keseluruhannya hukuman penjara telah dinaikkan kepada satu tahun sehingga lima tahun. Manakala bagi denda dinaikkan kepada 100 ringgit sehingga 500 ribu ringgit.

Nombor tiga, penyeragaman dan penyelarasan. Penggubalan rang undang-undang ini juga adalah perlu bagi menyelaraskan dan melengkapi peruntukan bagi maksud yang sama di peringkat persekutuan iaitu Akta Kesalahan Yang Berhubung Dengan Anugerah 2017 (Akta 787) yang telah pun dilaksanakan oleh Parlimen.

Yang Berhormat Dato' Dipertua, secara umumnya rang undang-undang ini mempunyai 16 fasal dan terbahagi kepada empat bahagian iaitu bahagian pertama – Permulaan, bahagian kedua – Larangan Penggunaan Tidak Wajar Lambang, Anugerah Dan Gelaran, bahagian ketiga – Lambang, Anugerah Dan Gelaran Yang Tidak Diiktiraf dan yang keempatnya adalah Am. Ia juga mempunyai dua jadual iaitu Jadual Pertama – lambang, Jadual Pertama Bahagian I – Lambang Bahagian II – Gelaran. Jadual Kedua – Senarai Darjah Kebesaran, Bintang Dan Pingat.

Dato' Yang Dipertua, dengan penggubalan semula rang undang-undang ini, ia akan menjadi satu instrumen yang lebih lengkap, teratur dan seragam dalam usaha memperkemas lagi pentadbiran dan pengurusan khususnya perkara-perkara perundangan yang berhubung kait secara langsung dengan lambang, anugerah dan gerakan, gelaran yang dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Tuanku Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Adalah diharapkan, Dato' Yang Dipertua, dengan penggubalan rang undang-undang ini dapat memartabatkan dan mendaulatkan institusi DiRaja di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin. Yang, Dato' Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya kemukakan satu rang undang-undang ini untuk perbahasan pada dasarnya sahaja.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua, terima kasih kerana membenarkan saya untuk membahaskan rang undang-undang ini. Sebelum saya membahaskan rang undang-undang Enakmen Kesalahan

Berhubungan Dengan Lambang, Anugerah Dan Gelaran 2017, saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Yang Berhormat Lenggeng, yang telah meninggal dunia pada 18 Julai yang lepas. Suara lantang Yang Berhormat Lenggeng, sudah tentulah akan dikenang dalam Dewan yang mulia.

Dato' Dipertua, berkenaan dengan rang undang-undang ini, saya bagi pihak rakan-rakan di sebelah sini ingin menyatakan sokongan kita kepada rang undang-undang ini kerana memang tepat pada masanya. Dan kita rasa bahawa satu rang undang-undang yang lebih ketat dan meletakkan denda ataupun penjara yang lebih tinggi bertepatan kerana kesalahan menggunakan lambang ataupun anugerah, ataupun menggunakan anugerah-anugerah ini untuk menipu orang ramai, adalah satu kesalahan yang amat berat, yang perlu dibendung. Kerana kita mendapati bahawa dalam masyarakat kita sekarang ini amat taksub kepada anugerah, amat taksub kepada gelaran. Mereka ini kalau bukannya mendapat gelaran daripada Yang di-Pertuan Besar ataupun daripada Raja-Raja Melayu, ada banyak pihak yang cuba kata mereka ini dapat gelaran, mereka ini Dato', Dato' Seri dan sebagainya. Kadang-kadang ini untuk menipu, menipu orang ramai. Dan kadang-kadang ini untuk dalam perniagaan, ada orang ingat bahawa kalau berniaga dengan seorang yang ada gelaran Dato' Seri itu lebih, boleh dipercayai. Itu, itu ada, ada tanggapan yang begitu, tanggapan yang salah dalam masyarakat kita. Jadi, memang kita rasa bahawa satu rang undang-undang yang ketat untuk membendung penyalahgunaan gelaran ini amatlah bertepatan sekali.

Namun begitu saya ingin men, memberikan sedikit teguran dalam beberapa perkara dalam rang undang-undang ini. Yang saya telah baca. Yang pertamanya berkenaan dengan Seksyen 4(1). Seksyen 4(1) menyatakan bahawa menyatakan diri sebagai pemegang, lambang atau gelaran adalah satu kesalahan. Namun begitu, saya merasakan bahawa ayat dalam Seksyen 4(1) itu amat longgar sekali. Ia tidak cukup ketat dan mungkin boleh disalahgunakan kalau ada sesiapa yang didakwa kalau naik ke mahkamah, mungkin ada peguam boleh *argue* balik dan tidak dapat apa ni, menjatuhkan hukuman kepada seseorang itu. Kerana ayat yang dinyatakan di sana, 4(1) "seseorang tidak boleh menyatakan dirinya pemegang mana-mana lambang, anugerah atau gelaran Yang di-Pertuan Besar yang sah jika dia tidak pernah dianugerahkan lambang, anugerah atau gelaran tersebut".

Perkataan yang saya katakan itu, yang saya maksudkan ialah "menyatakan dirinya". "Menyatakan dirinya", ini takrifan yang terlalu longgar. Kerana menyatakan dirinya, kalau naik mahkamah, mungkin saya tanya Bukit Kepayang atau rakan-rakan lain yang peguam,

“menyatakan diri” di atas mahkamah mungkin ada peguam yang akan *argue* bahawa “menyatakan diri” secara lisan. Saya kata saya Dato’, saya kata saya Dato’ Seri. Tetapi menyata diri Dato’ ataupun Dato’ Seri ataupun gelaran boleh dalam, banyak bentuk. Bukan saja dalam secara lisan. Umpamanya, dalam, sekarang ini dalam *name card*. *Name card* dia letak “Dato’ Seri”. Dia letaklah DPNS, DSNS ke. Adakah itu menyatakan diri? Kalau mengikut ayat dalam rang undang-undang “menyatakan diri” dalam bentuk apa? Ada orang *argue* boleh dalam bentuk lisan saja, bertulis adakah itu menyatakan diri, dalam *name card*. Atau dalam Facebook. Sekarang ramai orang letak dalam Facebook. Dia punya *description*, dia punya gelaran Facebook. Dia kata, saya tak kata. Saya tak kata saya Dato’ Seri. Saya cuma tulis dalam Facebook saya. Tetapi adakah itu satu kesalahan?

Jadi, saya rasa tak takrifan itu perlulah kita, kita apa ni, kita, kita perbetulkan, dan juga kita perketatkan supaya apabila ada kes di mahkamah, tak ada sesiapa boleh *argue* kalau dia menggunakan apa cara sahaja untuk menyatakan dirinya sebagai seorang yang mendapat gelaran itu walaupun dia tidak.

Dan satu lagi perkara, bukannya saja dalam Facebook, bukannya saja dalam *name card*, tetapi dalam gambar. Dalam bentuk gambar. Saya pernah lihat, ini kes benar, Dato’ Dipertua. Saya pernah kenal seorang. Memang dulu, bukannya gelaran daripada yang Negeri Sembilan, saya pernah kenal seorang daripada Sabah, dia tipu kita. Dia tipu kita, dia kata dia menerima anugerah daripada *Queen Elizabeth*. Dia kata dia “Sir. Bagi gambar. Saya terus terang, orang ini pernah masuk DAP. Dia kata dia ahli DAP, dia kata dia masuk, dia kata masuk dia kata banyak, dia baguslah daripada England, dia dapat anugerah “Sir” daripada *Queen Elizabeth*. Dia kata dia Sir-lah. Bukan Sir Guna-lah, itu Sir lain. Sir daripada *Queen Elizabeth* dia kata, Sir daripada United Kingdom. Gam, bagi gambar, siap gambar. Gambar dia sekali. Rupa-rupanya *photoshop*. Dia tipu kita. Memang orang ini kita buanglah. Ini tak guna punya orang. Guna gunalah, Guna ini berguna. Itu orang tak berguna. Itu orang tak berguna, kita buang.

Jadi saya kata, dalam bentuk gambar ini serius, Dato’ Dipertua. Sekarang ini teknologi *photoshop*, *adope* ke, macam-macam dia boleh tukar gambar tu. Nanti boleh dia ambil Yang Amat Berhormat Rantau, depan tuanku, dia tukar gambar, dia tukar muka saja. Mungkin *you* ambil *body* Yang Amat Berhormat, tapi muka tu tukar. Bukan, bukan muka Dato’ Seri Mohamad Hasan, orang, orang lain. Haa, Ravi ke, siapa lagi. Dia tukarlah. *Photoshop* boleh macam-macam boleh buat. Jadi, dia nak memperdayakan orang ramai, nak menipu orang ramai, kononnya, kadang-kadang gambar ni mudah. Dan gambar ini orang

yankinlah tengok gambar ni betul ni. Saya depan tuanku saya dapat anugerah, betul ni, saya dapat gelaran daripada tuanku. Saya Dato' Seri. Kenalah percaya saya, laburlah dalam skim saya. Sekarang banyak skim cepat kaya, *money game*, macam-macam. *Money game* ni semua Dato'. Pengarah syarikat-syarikat *money game* semua Dato'-Dato' Seri. Bukan nak, nasib baik bukan daripada Negeri Sembilan-lah, kita tahu.

Tetapi ini, apa yang *point* yang saya nak kata bahawa, perkataan dalam rang undang-undang ini mesti diketatkan. Dia tak cukup ka, hanya kata setakat menyatakan diri saya. Saya cadangkan supaya perlu ada pindaan menyatakan, "menyatakan diri dalam apa saja bentuk". Itu mesti saya rasa, rasa perlu ada satu perubahan itu. Sebab perkara macam ini terutamanya kalau mereka pakai gambar *edit* dan sebagainya, ini boleh menipu rakyat. Menipu orang ramai. Dan perlulah kita mempunyai satu seksyen yang benar-benar dapat membendung perkara ini.

Perkara yang kedua, Dato' Yang Dipertua. Berkenaan dengan Seksyen 6(1). Seksyen 6(1) ini saya sokong penuh. Seksyen 6(1) ini memang jelaslah, ini satu seksyen yang telah di, didraf dengan baik, dengan ada misalan-misalannya, contoh-contohnya. Memang ini memberikan satu kepastian dan penjelasan kepada semua orang, kepada orang ramai bahawa betul-betul kalau hanya satu, kalau, kalau seorang itu dianugerahkan Dato', hanya ada satu Datin. Bukannya satu Dato', dihasilkan empat Datin. Ini banyak, banyak perkara-perkara, banyak isu-isu sensasi ini berlaku dalam masyarakat kita. Suaminya Dato' Seri, lepas tu isteri pertama Datin Seri, nanti yang kedua, yang ketiga, keempat pun nak Datin Seri. Jadi ada banyak masalah. Dan memang ini, perkara ini telah di, didraf dan di, dinyatakan secara jelas memang hanya kalau suaminya mendapat anugerah, hanya isteri pertama saja boleh menggunakan gelaran itu. Kalau Dato', hanya isteri pertama saja Datin. Isteri kedua, yang ketiga tu, keempat tu tak adalah. Ini untuk, khasnya untuk penerima-penerima anugerah yang beragama Islam-lah. Kalau yang bukan beragama Islam itu, tak layaklah, dia memang tak boleh ada isteri kedua, ataupun ketiga. Secara rasmi, secara tak rasmi pun tak bolehlah.

Jadi, ini se, apa ni, seksyen ini tak ada masalah, seksyen ini saya, saya setuju bahawa ia memberikan satu penjelasan yang amat baik kerana untuk, untuk apa ni, untuk mengelakkan bahawa ada salah faham daripada pelbagai pihak. Cuma dalam seksyen ini tidak dijelaskan, kalau isteri yang menerima ge, anugerah Dato', apakah gelaran kepada suami. Setakat ini tak adalah. Yang saya tahu, ini tak ada. Cuma ini kadang-kadang ada suami pulak dia berlagak, Datin, dia kalau, kalau

isteri dah dapat Dato', mungkin dia kata Dato' Paduka, To' Batin. Jadi, ini, ini, walaupun memang pengetahuan secara umum, memang tahu bahawa kalau isterinya mendapat gelaran, suaminya tak ada apa-apa gelaran.

Yang ketiganya Dato' Yang Dipertua. Seksyen 8(1). Seksyen 8(1) ini juga saya ada sedikit teguran. Yang saya rasa saya kurang bersetuju. Bukannya tak bersetuju dengan seksyen itu. Tetapi tak bersetuju dari segi jumlah denda dan hukumannya. Sepatutnya seksyen ini adalah seksyen yang paling serius. Tak masuk akal kalau Seksyen 3, sesiapa yang menggunakan lambang itu dikenakan hukuman yang paling berat iaitu di antara 250 ribu ringgit, tidak kurang daripada 250 ribu ringgit, dan tidak melebihi 500 ribu ringgit, atau dipenjarakan selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan tidak melebihi lima tahun. Itu, itu adalah hukuman yang paling berat untuk sesiapa yang menggunakan anugerah ataupun lambang yang tidak diberikan. Itu menggunakan.

Tetapi Seksyen 8 ini adalah orang yang me, menyamar Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan untuk memberikan anugerah. Ini adalah perkara, ini adalah perbuatan yang derhaka. Patutnya seksyen ini adalah seksyen yang paling serius yang kita kena hu, memberikan atau menjatuhkan hukuman ataupun denda yang paling tinggi. Tak sepatutnya, sebab saya lihat di sini 8(3), sesiapa yang melanggar Seksyen 1 atau 2, dia hanya didenda tidak kurang 100 ribu ringgit, tidak melebihi 250 ribu ringgit atau dipenjara tidak kurang setahun dan tidak melebihi tiga tahun. Hukuman ini lebih, lebih ringan daripada hukuman menggunakan lambang. Sepatutnya saya rasa seksyen ini adalah seksyen yang paling penting kerana pernah juga ada kes. Semua tahu, dalam media terpapar ada kes, dia kata dia Sultan Melaka. Dia buat majlis. Panggil orang, ada dia punya apa, istiadat pengurniaan, penganugerahan, pernah berlaku, pernah berlaku dalam negara kita. Jadi, untuk menghindarkan perkara ini, memang satu, satu perbuatan yang amat derhaka, yang menggugat kedudukan institusi Raja Berpelembagaan kita.

Jadi saya rasa seksyen ini perlu digubal, ada, perlu diubah, menjatuhkan hukuman yang paling tinggi kepada sesiapa yang menjalankan apa-apa majlis pemberian lambang anugerah atau gelaran yang tidak diiktiraf. Kerana ini seolah-oleh mereka menipu bahawa dialah Yang di-Pertuan Besar. Dia menyamar Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Jadi saya syorkan supaya seksyen ini dikaji balik, kita tukar ataupun membuat pindaan kepada Seksyen 8(3) supaya hukuman paling berat, ataupun hukuman yang maksima dikenakan kepada kesalahan melibatkan Seksyen 8(1).

Yang terakhir Dato' Dipertua, saya juga nak dapatkan sedikit penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri, apakah penggunaan-penggunaan jata, jata negeri, ataupun lambang-lambang ADUN juga merupakan satu kesalahan. Kerana saya lihat dalam masyarakat kita, ada, ada orang di kereta mereka ni, dia juga letak jata negeri. Seolah-olah lambang Ahli Dewan Undangan Negeri. Cuma saiz dia kecil sikit. Dia, dia, dia tak tulis Ahli Dewan Undangan Negeri di bawah, jata negeri digunakan letak di depan kereta mereka. Jadi, itu saya rasa juga merupakan kalau mengikut semangat dalam rang undang-undang ini, juga satu kesalahan. Tetapi tidak dinyatakan secara jelas, adakah itu juga merupakan satu kesalahan dan melarang penggunaan jata negeri dalam kereta untuk orang-orang yang tidak ada, tidak ada kepentingan ataupun orang yang bukan Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun ahli Exco. Jadi ini sesuatu yang perlu juga diperjelaskan.

Bukan saja di kereta. *Letterhead*. Kerana *letterhead* ramai orang juga pakai jata negeri. Ahli Dewan Undangan Negeri, kita *official letterhead* kita memang guna jata negeri-lah, kalau untuk Ahli Dewan Undangan Negeri. Kalau untuk Ahli Parlimen, pakai jata negara. Tetapi ada juga pihak-pihak kalau dia dapat ka, ka, katakanlah dia dapat PJK ke, ataupun mana-mana dapat ada, atau ada sedikit hubungan dengan Kerajaan Negeri, dia pakai jata negeri. Adakah itu dibenarkan? Dan bukan saja untuk *letterhead*, untuk *banner-banner*, untuk *billboard*, untuk baju, t-shirt, saya tengok juga ada pihak pakai jata negeri dalam, dalam, adakah itu, kalau, kalau itu perlu diperjelaskan. Saya rasa itu perlu diperjelaskan. Tetapi kadang-kadang mungkin adalah kalau katakanlah baju ada orang semangatlah, ada semangat dia nak membawa semangat negeri. Kita buat baju pun kita letak semangat jata negeri jugak. Kita, kita sayang Negeri Sembilan. Kita cintakan negeri kita. Kita letak jata negeri. Tapi adakah itu satu kesalahan.

Jadi saya rasa apa, kita juga perlu ada satu perimbanganlah, untuk menghukum sesiapa yang melang, menyalahgunakan anugerah-anugerah ini untuk menipu rakyat, daripada, dan juga daripada pihak-pihak yang atas semangat cintakan negeri, mereka menggunakan jata negeri. Itu saya rasa perlu ada satu perimbangan dan perlu diperjelaskan, apa, dalam keadaan apa itu melibatkan satu kesalahan, dalam keadaan apa yang tidak meru, merupakan satu kesalahan.

Jadi saya rasa, teguran-teguran itu saya harap mendapat penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri. Kalau boleh cadangan-cadangan pindaan saya itu dapat dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri supaya kita dapat memantapkan lagi rang undang-undang ini supaya kita dapat membendung penyalahgunaan gelaran daripada Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan.

Y.B. ADUN Palong: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya juga menyokong usaha kerajaan yang sangat baik memartabatkan raja berdaulat yang diberikan kuasa untuk menganugerahkan apa juga darjah kebesaran di Negeri Sembilan.

Dato' Yang Dipertua, saya ingin mendapat penjelasan sedikit tentang tafsiran. Kalau lihat tafsiran ini sangat jelas raja yang berdaulat untuk memberikan anugerah. Tetapi menjadi kebiasaannya di negara kita di Negeri Sembilan ni, ada juga badan-badan lain yang memberi anugerah. Agensi kerajaan kadang kala memberi anugerah, belia ada beri anugerah, Dato'-Dato' Adat ada bagi anugerah. Kadang kala dia tidak menggunakan langsung lambang daripada istana. Tidak menggunakan nama-nama pingat. Misalnya perhimpunan waris, menganugerahkan pingat yang bernama Dato'. Dengan nama Dato' ini, digunakan dalam macam-macam perkara, perniagaan dan sebagainya. Apa kedudukan dari segi tafsiran ini supaya rakyat faham.

Yang kedua Dato' Yang Dipertua, berkaitan dengan penyalahgunaan Dato' institusi. Di Negeri Sembilan ini, semenjak saya ada dalam Dewan ini saya mendengar perkataan "Dato' ketua kampung". Dato' ketua kampung ini adalah, sejarahnya apa? Sebab digunakan secara meluas di Negeri Sembilan. Kalau sekiranya Dato' ketua kampung Setia Budi, Encik Ali bin Hasan, dia betul. Tak ada salah. Tapi kadang kala dia tinggal Dato' Ali Hasan je. Orang kampung dia panggil Dato' Ali Hasan. Jadi Dato' macam ini, macam mana kedudukannya Dato' Yang Dipertua. Adakah dia melanggar undang, adakah dalam lingkungan undang-undang yang kita ataupun enakmen yang akan kita buat ini? Dan siapa pulak yang nak memantau perkara ini?

Yang kedua yang banyak juga berlaku Dato' Yang Dipertua. Dato' Adat. Contoh, Dato' Setia Raja Tuan Haji Ali bin Hassan. Haa itu betul. Memang tak salah. Tapi apa yang berlaku sekarang ini Dato' Dipertua, ada sebahagiannya yang hanya menjadi Dato' Haji Ali Hassan saja, haa dia punya Dato', gelaran adatnya tak ada langsung. Jadi dicetak dalam kad-kadnya, diedarlah dengan nama macam tu, orang tak tahu pun dia Dato' Adat. Jadi banyak perkara ini dibangkitkan.

Dan rakyat mintak saya sampaikan perkara ini kepada Dato' Yang Dipertua. Haa yang ini betul. Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan; Dato' Seri Haji Mat Ali bin Hassan. Haa itu betul. Tapi yang tak betul, dia menjadi Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mat Ali Hassan. Haa itu tak betul. Yang tak betul inilah yang jadi amalan sama

ada dalam Wisma Negeri, di luar, ataupun mana-mana majlis yang lain secara rasminya disebut sedemikian rupa. Jadi ini perkara-perkara macam ini kita kena betulkan. Dan kalau ketua kampung tadi, Setiausaha Kerajaan Negeri-lah yang akan memantau dan mengambil tindakan. Tapi kalau dia pun buat macam ni, macam kotam nak ngajar anak, susah jugaklah Dato' Yang Dipertua.

Tadi ada kawan saya bagitahu saya tentang perkara 6 ini, *detail* kerajaan menggariskan, empat isteri kalau dapat Dato' suaminya seorang saja. Tapi kalau dia ada dua isteri, dapat dua Dato' daripada negeri yang berbeza. Haa dia kata macam mana? Haa, ini saya tak ada dua isteri Dato' Dipertua, saya seorang saja. Tapi saya tahu dia menyebut tentang keadilan dia selaku suami. Bila dia sebut hukum, saya bertanggungjawab untuk bertanya pada Yang Dipertua, bagi pihak kawan saya yang ada dua isteri. Kalau dia ada Dato' Negeri Sembilan dan ada satu lagi Dato' di negeri lain, dia tanya saya macam mana. Haa sekarang saya tanya Dato' Yang Dipertua.

Akhir sekali Dato' Yang Dipertua, cucuran Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku, ini asal pingat ataupun anugerah. Tapi bila merdeka tahun 1957, kita mengamalkan sistem Raja Berpelembagaan. Maknanya kita bukan hanya lagi senarai daripada istana, dari segi cadangan. Sudah ada cadangan daripada penasihat kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku iaitu Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus. Inilah yang banyak dipersoalkan oleh rakyat kerana asal cucuran ini, dia mengutamakan soal keandikaan. Pelanggaran keandikan inilah yang menjadi polimik besar kepada rakyat di luar sana berkaitan dengan isu ini.

Dan kalau lihat tentang apa yang dibentangkan dalam Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan ini juga, ianya juga berpunca daripada perbahasan dalam Dewan ini dulu, berkaitan dengan keandikan yang saya utarakan dalam Dewan ini. Dato' Yang Dipertua, saya tak ada halangan Jawatankuasa ini aktif. Tapi mari Dato' Yang Dipertua lihat betul-betul kronologi berkaitan dengan cadangan hingga dipaparkan dalam Dewan ini. Yang Berhormat ADUN Lenggeng meninggal dunia 18 haribulan Julai 2017. Mesyuarat pertama dibuat 21 haribulan Julai. Maknanya Dato' Yang Dipertua, kita membicarakan orang yang sudah meninggal dunia. Apa perasaan Datin kalau dia dapat kertas yang kita bentangkan dalam Dewan ini, kita membicarakan orang yang sudah meninggal dunia dan menghukum orang yang sudah meninggal dunia. Agaknya apa perasaan anak-anak arwah Dato' Yang Berhormat Lenggeng ni agaknya, bila dia mendapat kertas ini nanti. Ditambah pulak viral yang dibuat oleh golongan-golongan yang akan simpati mengatakan ahli

Dewan ni tak ada hati perut, tak ada tanggungjawab, langsung tidak ada apa-apa rasa simpati terhadap orang yang sudah mati.

Kalau ianya dibuat sebelum arwah ini meninggal, saya tak ada masalah Dato' Yang Dipertua. Tetapi bila tindakan mesyuarat yang pertama dibuat setelah Yang Berhormat ADUN Lenggeng meninggal dunia, saya tidak boleh terima dalam soal tindakan-tindakan yang selanjutnya, sehingga dipaparkan secara hitam putih dalam Dewan Undangan ini. Terlibat jugak ADUN Lobak yang saya pak, saya baca terperinci bahawa dia sudah menarik diri ataupun menarik balik kesalahannya. Maknanya tak ada kes. ADUN Palong pun sama. Saya tengok, dalam paparan minit ini, ADUN Palong punya ucapan sangat bersih. Tak ada ditegur oleh *Speaker*, tak ada ditegur oleh Ketua Whip, Labu, Dato' Hasim, dan tak ada apa-apa kesalahan yang berlaku. Tetapi ADUN Palong dihadapkan dalam Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan. Yang tak ada kes, macam orang tak mencuri dituduh mencuri.

Dato' Yang Dipertua, saya cadangkan supaya keseluruhan kertas yang dibentangkan dalam Dewan berkaitan dengan Hak Kebebasan ini, bagi menjaga martabat Dewan, menjaga nama baik kita selaku ahli Dewan, menimbangkan segalanya kita tarik balik untuk kepentingan martabat Dewan yang mulia ini. Dan yang paling penting Dato' Yang Dipertua, bila Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan ni bersidang, semua yang dituduh mesti dipanggil untuk membela diri. Palong tak pernah dipanggil oleh *Speaker* ataupun ADUN daripada Labu untuk membela diri. Lobak saya tak tahu, ada dipanggil? Dia pun tak dipanggil. Arwah Dato' Sahak memanglah tak dipanggil, kalau dia datang, *Speaker* pulak lari. Jadi Dato' Yang Dipertua, tidak memenuhi apa yang sepatutnya kita buat. Jadi, saya cadangkan supaya kita tarik balik supaya menghormati Datin, anak-anak dan keluarga arwah yang sudah banyak berjasa dalam Dewan ini. Saya sama dengan sahabat kita tadi, merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas jasa-jasa yang ditabur oleh arwah selaku ahli Dewan, sewaktu berkhidmat sebagai ahli Dewan dalam undangan negeri kita. Terima kasih.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, saya mohon untuk turut serta dalam membahaskan usul yang telah pun dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Rantau tu tadi.

Saya bangun saya, menyatakan sokongan daripada pihak saya, rakan-rakan sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Chennah, kami menyokong penuh sebab kami merasakan usul ini, enakmen ini, selepas diluluskan dan digazetkan kelak, dan dilaksanakan, ia tentunya akan menjadi satu, satu undang-undang yang

dapat memartabatkan, bukan setakat mempertahankan, tetapi memartabatkan institusi raja berpelembagaan khasnya di Negeri Sembilan.

Dan kita sedia maklum bahawa banyak sangat individu tertentu yang menggunakan pelbagai gelaran. Saya bagi satu contoh. Tadi Yang Berhormat Chennah memberikan beberapa contoh. Saya nak bagi satu lagi contoh di bawah *schedule* kedua, *schedule* kedua, Jadual Kedua, salah satu pingat, ini yang biasa, DNS (Darjah Setia Negeri Sembilan). Ke-11 kalau ikutkan senarai darjah kebesaran dan pingat. Banyak ataupun ramai penerima pingat, haa ini saya kata penerima pingat. Maknanya individu tersebut memang dikurniakan pingat tersebut oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Tetapi pingat ni setahu saya dia tidak membawa gelaran Dato'. Jadi, penerima tu, ataupun ada pihak-pihak tertentu yang tiada kaitan dengan raja dan juga istana, yang menggelar penerima tu sebagai Dato', ataupun Dato' kecil, bakal Dato'. Saya rasa, perkara ni kita perlu tegah. Kalau dikurniakan pingat DNS tu, DNS-lah. Sebab dia kata apa tau, sebab ada yang bagi sinopsis bahawa DNS tu tak lama lagi dia akan dapat DPNS. Siapa ajar dia? Tak pernah, tak pernah dalam, saya, setahu saya tak adalah dikatakan pra syarat dan sebagainya, nak dapat DPNS tu, nak dapat DNS dulu.

So, perkara sebegini ataupun cara sebegini oleh individu yang tak bertanggungjawab perlu diambil tindakan tegas. Dan sekiranya perkara ini tidak diambil tindakan tegas, apa yang terjadi kalau kita tengok di Melaka tu, ada individu tertentu yang mengambil kesempatan menggelar diri mereka, diri beliau sebagai Sultan Melaka tu sesuatu yang mungkin terjadi, dan sebelum ia terjadi di mana-mana tempat lagi khasnya di negeri Sembilan, adalah tanggungjawab dan tugas kita untuk membendung dan mengelakkannya daripada terjadi.

Jadi saya mohon sebagaimana yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Chennah tadi, di bawah Seksyen 8. Yang, Yang Berhormat Chennah telah mengatakan seksyen tu yang paling berat sebab seksyen tu sendiri menggambarkan seolah-olah individu tertentu yang tidak bertanggungjawab telah menyamar diri sebagai Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Saya mohon cadangkan di bawah Seksyen 8, mungkin ditambah kepada subseksyen tertentu dengan secara spesifik menyatakan bahawa mana-mana individu yang menyamar diri ataupun menjalan, menjalankan apa-apa majlis pemberian lambang, anugerah dan sebagainya, bukan setakat dikenakan denda, dan denda tu memang bagi saya tak cukup, kena lebih lagi, kalau boleh biar cecah juta. Sebab dia jual pingat, dia duit banyak, bagilah dia denda lebih. Bukan setakat denda dan penjara, tetapi perlu dikenakan hukuman sebat. Sebab saya,

bagi saya hukuman sebeginilah yang setimpal dengan kesalahan yang dilakukannya. Kalau tidak, tiada guna kita sebut kita nak memartabatkan institusi diraja kita, kita nak mempertahankan Raja Berpelembagaan sebagai payung naungan Negeri Sembilan. Tetapi kita gagal menje, meng, ataupun menggariskan

Y.B. ADUN Chennah: Mencelah sikit.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: hukuman yang setimpal.

Y.B. ADUN Chennah: Pencelahan. Dato' Dipertua, saya mintak mencelah Yang Berhormat Bukit Kepayang, saya terlupa satu *point* tadi. Dan saya juga nak mintak pandangan daripada Yang Berhormat Bukit Kepayang. Rang undang-undang ini, walaupun dia nampak merangkumi pelbagai kesalahan, tetapi satu lagi aspek yang tidak lagi dirangkumi dalam rang undang-undang ini ialah orang tengah. Sebab dalam masyarakat kita, kita juga dengar banyak khabar-khabar angin bahawa ada ramai orang tengah. Dia kata dia boleh, dia ada akses kepada istana. Dia kata 200 ribu boleh dapat Dato', 300 ribu boleh Dato', boleh dapat Dato' Seri, 500 ribu boleh dapat Tan Sri. Ada orang-orang tengah ini, dia menyalahgunakan nama istana dan memburukkan nama istana. Seolah-olah gelaran ini boleh dijual. Jadi saya rasa perlu jugak dalam peruntukan rang undang-undang ini ada jugak kesalahan-kesalahan kepada sesiapa yang menjadi orang tengah, yang kata dia ata akses dan dia boleh, dia boleh jadilah *dealer* untuk, untuk, untuk apa ni, *dealer* kepada Dato' Ship. Jadi saya rasa ini perlu dirangkumi. Adakah Yang Berhormat Bukit Kepayang setuju dengan cadangan saya? Terima kasih.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih Yang Berhormat Chennah. Saya setuju benar sebab ini adalah perkara yang telah terjadi di masyarakat kita. Tapi yang saya nampak setakat ni, untuk Negeri Sembilan, kita bersyukurlah institusi kita masih kukuh. Dan inilah masa dan ketikanya sebelum ia dicabar, dicalar oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang konon-kononnyalah dia boleh jadi ejen, dia boleh jadi *runner* dan sebagainya. Sebelum dia berani kita tunjukkan keberanian kita ataupun ketaatan kita kepada raja kita dahulu.

Jadi saya, saya mohon teruskan satu lagi. Berkenaan dengan penggunaan jata negeri. Memang betul, banyak kenderaan

persendirian yang bukan daripada agensi, bukan daripada mana-mana pihak yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri atau istana menggunakan lambang atau jata negeri, seolah-olah, saya pun ada kawan-kawan saya yang tanya, eh si siapa tu dia punya, kenapa dia punya lambang ADUN tu kecil sikit daripada kita punya? Saya kata, itu bukan lambang ADUN, lambang ADUN satu daripada pihak Dewan, itu standard. Tak kira daripada kerajaan atau pembangkang. Tapi saya mendapati ada kedai buku, *stationary shop* boleh beli tu, setakat 50.00 ringgit, 60.00 ringgit.

Jadi benda ni dah jadi satu bahan dagang. Jadi saya rasa memang, memang setuju benda ni. Tetapi saya rasa undang-undang ataupun enakmen yang kita nak ubah, yang nak kita bincangkan pada pagi ni, tengah hari ni, saya rasa penting jugak untuk kita masukkan satu seksyen khas berkenaan dengan penyalahgunaan, bukan setakat gelaran tapi lambang ataupun jata negeri.

Saya rasa dalam, seksyen 3, haa ada. Okay, ini penting, perkara ini, Dato' Yang Dipertua, saya rasa perkara ni penting disebabkan sekiranya kita tak ada, tak ada penguatkuasaan, dia akan berleluasa. Tetapi saya juga mohon pihak Kerajaan Negeri, sebelum ataupun selepas enakmen ni digazetkan ataupun dia berkuatkuasa, mohon berikan satu tempoh, tempoh *cooling-off* ke, tak kiralah apa nama sekalinya, untuk mereka yang, yang sebenarnya dia tak nak buat kesalahan. Dia sebenarnya mungkin macam ni, oh sebab ada *market*, ada orang nak beli dia juallah. So kita bagi dia enam bulan untuk dia habiskan stok ataupun dia lupuskan stok tersebut. Tak boleh habiskan stok, dia lupuskan stok tersebut. Perkataan yang betul tu lupuskan stok sebab kalau dia habiskan stok nanti ada pelanggan dia, ada pembeli dia. So, tapi lepas tempoh tu, penguatkuasaan perlu dilaksanakan dengan secara tegas. Itu yang saya rasa sa, sesuatu yang kita perlu kerjasama.

Dan saya percaya, haa, daripada pihak tadi, tadi ketua pembangkang Yang Berhormat dari Chennah ada mengatakan bahawa enakmen ni bukan atas alasan politik. Saya juga percaya ia bukan berdasarkan kepentingan politik mana-mana pihak tetapi adalah kepentingan bersama, kita bersama sebagai rakyat Negeri Sembilan untuk sama-sama kita kalau mengaku Duli Yang Maha Mulia Tuanku sebagai paung naungan, payung naungan untuk rakyat Negeri Sembilan adalah tanggungjawab bersama kita. Dan saya juga berharap, sesiapa yang daripada kalangan kita janganlah kita yang menggalakkan sebab saya ada dengar, ada orang, sebab orang tu tak ada dalam Dewan ni, saya tak bolehlah sebut nama dia, dia kata dia boleh ada cara untuk dapatkan

gelaran dan sebagainya, dan benda-benda macam ni perlu kita tegah bersama. tak kira apa hubungan politik dan sebagainya.

Dan Dato' Yang, Yang Dipertua, perkara terakhir yang saya, saya nak sebutkan adalah berkenaan dengan misalan tadi. Haa ini saya kurang arif dalam haa ni, apa, berkenaan dengan undang-undang syariah. Saya mohon tadi, misalan pertama, misya, misalan A, dikatakan yang ada empat isteri tu. Isteri pertama layak mendapat kalau suami dapat Dato', dia dapat Datin. So, kalau isteri pertama tu meninggal, jadi apakah status isteri kedua? Kalau, adakah status apa, isteri kedua tu layak secara automatik ataupun dia perlu menjalani apa-apa proses sebelum isteri yang kedua tu, yelah diangkat sebagai isteri pertama dan sebagainya. Saya rasa mungkin perlu dimasukkan misalan sebegini untuk mengelakkan dari ada apa-apa kekeliruan di masa depan.

Y.B. ADUN: Dia auto.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Auto ya. Haa kalau auto okaylah. Okay. Okay, kalau itu saja, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi ingin mengambil bahagian? Silakan.

Y.B. ADUN Sikamat: Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum w.b.t. Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya ingin bersama dalam enakmen membincangkan Enakmen Kesalahan Yang Berhubung Dengan Lambang, Anugerah Dan Gelaran (Negeri Sembilan) 2017.

Saya ada satu perkara saja yang harus kita fikirkan. Bahawa dalam perbincangan ini dalam rang undang-undang ini, warta kerajaan ini, kita, ki, kita terlupa bahawa apakah agensi yang harus dirujuk apabila berlaku masalah-masalah tidak faham oleh rakyat ataupun warga Negeri Sembilan ini berhubung dengan kesalahan-kesalahan ini. Jadi, begitu juga dengan syarikat-syarikat yang membekalkan lambang-lambang ataupun jata-jata, untuk mereka semak di mana kita tak, tidak sebut dan kita, mereka tidak tahu untuk mereka *refer* kepada siapa kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan ini. Jadi, sebelum itu saya harap perkara ini dapat dijelaskan dan dimaklumkan kepada semua agar perkara itu tidak menjadi ma, kesalahan kepada mereka apabila mereka ingin membuat rujukan.

Keduanya adalah berhubung dengan pengguna lambang yang telah meninggal dunia. Waris harus diberi tempoh secukupnya, mungkin 100 hari untuk menanggalkan lambang-lambang ataupun anugerah yang terlekat pada kenderaan ataupun apa-apa yang perlu supaya mereka diberi tempoh yang sesuai untuk mereka memastikan bahawa mereka tidak melakukan kesalahan dan mereka juga tidak boleh sewenang-wenangnya menggunakan tempoh yang lama untuk menyatakan bahawa mereka tidak melakukan kesi, kesalahan ataupun kesilapan ini. Jadi saya dengan ini menyokong usul tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan.

Y.B. ADUN Linggi: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Dewan atas tujuan untuk melantik saya sebagai Ahli Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan sebentar tadi. Dan terima kasih kepada Dato' Yang Dipertua atas kezinan untuk membenarkan saya turut serta dalam membahaskan rang undang-undang yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Rantau sebentar tadi.

Tahniah dan syabas diucapkan atas inisiatif Kerajaan Negeri kerana meneliti dan menggubal semula rang undang-undang ini bagi menggantikan rang undang-undang tahun 1991, berkaitan perkara yang sama bagi menggubal ataupun memperuntukkan semula penggunaan lambang, anugerah dan gelaran yang diguna dan dikurniakan dalam Negeri Sembilan.

Linggi menyokong penuh usaha ini kerana penggunaan lambang, anugerah dan gelaran ini adalah sangat penting dan berkait rapat dengan kedaulatan raja dan institusi raja di Negeri Sembilan seterusnya kedaulatan Kerajaan Negeri. Dan ia juga melibatkan soal maruah dan nama baik kita semua rakyat di Negeri Sembilan ini. Sepertimana yang telah diujahkan oleh rakan-rakan ahli Dewan, rata-rata semuanya bersetuju bahawa rang undang-undang ini sangat perlu memandangkan penyalahgunaan yang boleh dikatakan agak berleluasa, kalau pun tidak di Negeri Sembilan, mungkin di negara ini. Jadi, sebagai langkah untuk memastikan perkara ini dapat kita elakkan, maka rang undang-undang ini sangat bertepatan waktunya.

Izinkan saya sedikit sebanyak untuk menjelaskan mengapa lambang, anugerah dan gelaran ini perlu kita muliakan khususnya dalam konteks Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, lambang yang dimaksudkan dalam rang undang-undang ini di, ditakrifkan dalam Bahagian I Jadual

Pertama termasuklah jata, jogan, mohor Kerajaan Negeri, dasar, darjah kebesaran malah bendera Negeri Sembilan dan juga lambang ataupun *crest* yang digunakan ahli Dewan juga termasuk dalam apa yang ditakrifkan sebagai lambang.

Lambang ini mudahnya adalah simbol Negeri Sembilan. Simbol satu kerajaan yang ada wilayah dan sempadannya, ada raja dan ada Dato'-Dato' Undang-nya yang unik di, di, di Malaysia ini, sebuah negeri yang berdaulat dan merdeka. Jadi, lambang ini apabila dilihat oleh mana-mana rakyat Negeri Sembilan, ianya akan menimbulkan rasa kekitaan, rasa *sense of belonging* yang akan memekarkan rasa cinta pada negeri ini, rasa patriotik dan setia kepada negeri ini. Jadi, ini adalah satu perkara yang penting dan bak kata pepatah Melayu "hujan emas negeri orang, hujan batu negeri kita, lebih baik negeri sendiri". Jadi, lambang ini bukan sekadar lambang biasa Dato' Yang Dipertua, ia sangat besar ertinya, maka itu ianya perlu dihormati dan dimuliakan dan dipelihara. Kita sebagai warga Negeri Sembilan bertanggungjawab untuk memastikannya. Haa jadi ini adalah salah satu daripada alasan mengapa lambang ini tidak boleh diambil, dipandang mudah atau dipandang ringan oleh semua masyarakat.

Begitu juga hanya dengan anugerah dan gelaran, kalau dilihat dalam rang undang-undang ini, gelaran yang dimaksudkan dinyatakan dalam Jadual dan ianya adalah eksklusif kepada individu-individu tertentu yang menjadi tonggak kepada pemerintahan dalam Negeri Sembilan termasuklah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar, Dato' Undang Yang Empat, dan mereka ini adalah tonggak kepada kedaulatan Kerajaan Negeri Sembilan.

Sebagai contoh, kalau kita ambil gelaran yang pertama dalam senarai iaitu gelaran Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus. Dato' Yang Dipertua, jika diperhalusi gelaran Duli Yang Maha Mulia ini, saya percaya ianya akan membantu kita sedikit sebanyak menghargai betapa penting dan besarnya keperluan rang undang-undang ini. Adapun "Duli" itu maknanya baginda, kaki ataupun debu. Dan "Yang Maha Mulia" itu saya percaya dalam konteks gelaran rang undang-undang ini merujuk kepada Allah s.w.t. yang maha mulia. Sepertimana gelaran-gelaran dalam Islam yang lain macam Nabi Muhammad habibullah, kekasih Allah. Nabi Ibrahim khalilullah, sahabat Allah. Khalid Al Walid syaifullah, pedang Allah. Jadi, saya merasakan bahawa gelaran Duli Yang Maha Mulia ini yang mengaitkan raja kita dengan yang amat mulia iaitu Allah yang maha berkuasa, merupakan satu gelaran yang sangat tinggi dan sangat mulia. Jadi, gelaran yang paling atas, ya wujud dalam negeri itu. Oleh yang demikian, sudah tentunya, gelaran yang sebegini tidak boleh kita

ambil ringan ataupun kita biarkan untuk disalahgunakan oleh masyarakat.

Yang berikutnya “Yang di-Pertuan Besar”. Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar. Dari segi bahasanya, “Yang di-Pertuan Besar” ni Dato’ Dipertua, bermaksud seseorang yang dijadikan tuan, sepertimana Yang Dipertua-lah, seseorang yang dijadikan tua. Tapi dalam masyarakat kita, “tua” ni sesuatu yang dimuliakan. Tapi “Yang di-Pertuan Besar” ini seseorang yang dijadikan tuan dan “besar” itu sesuatu yang utama, satu yang penting yang mengatasi. Jadi kalau kita ambil secara keseluruhannya, “Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar” maksudnya adalah wakil Allah s.w.t. yang dijadikan tuan atau ketua dalam negeri ini. Ini dari segi roh dan semangat gelaran yang ada di dalam Negeri Sembilan. Jadi sudah tentunyalah sekali lagi, sepertimana juga lambang, gelaran ini juga sangat besar ertinya bagi kita semua rakyat di Negeri Sembilan.

Dan akhir sekali, Dato’ Yang Dipertua, berkenaan dengan anugerah. Selaras dengan gelaran tadi, anugerah hanya boleh dikurniakan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan. Dan hak ini sepertimana yang disebutkan oleh ahli-ahli Dewan tadi, dimaktubkan dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan. Ya begitu pentingnya, begitu besarnya hak ini, ia wujud dalam kita punya perlembagaan Negeri Sembilan. Dan ini sesuatu yang sangat penting kerana ia menzahirkan kedaulatan Duli Yang Maha Mulia. Menzahirkan kedaulatan beliau, baginda, dan yang menerimanya merupakan satu penghormatan yang sangat tinggi daripada kerajaan ataupun daripada pemerintah dalam negeri ini.

Oleh yang demikian, Dato’ Yang Dipertua, rang undang-undang ini bukan sahaja wajar untuk memperkasakan pengawalseliaan dan penguatkuasaan bagi mencegah penggunaan lambang, anugerah dan gelaran secara tidak wajar tetapi ianya secara langsung mema, memastikan kita memelihara, memulia dan mempertahankan kedaulatan dan institusi raja dalam Negeri Sembilan ini. Kalau sebelum ini hukumannya agak minimum dan sedikit, saya yakin dan percaya hukuman yang lebih berat ni akan banyak dapat membantu memastikan penyalahgunaan ini dapat kita bendung.

Akhir sekali Dato’ Yang Dipertua, wajar di, diutarakan di sini bahawa kalau dilihat dalam kedua-dua teks khususnya, gelaran yang diberikan, kedua-duanya dinamakan dalam Bahasa Kebangsaan, dalam Bahasa Melayu. Dan sepertimana saya jelaskan tadi, kita kena faham kerana hanya dengan kita me, menguasai Bahasa Melayu dengan baik, baru boleh kita mengerti sepenuhnya apa yang wujud dalam gelaran-gelaran

yang telah diberikan itu. Ini sangat banyak membantu untuk kita memahami adat resam, istiadat, sistem perjalanan institusi raja dan struktur pemerintahan Raja Berpelembagaan seperti Negeri Sembilan dalam Malaysia ini. Dan saya yakin dan percaya kefahaman sedemikian ini adalah penting bagi menjamin keharmonian dan perpaduan dalam negara kita selaras dengan prinsip Rukun Negara iaitu “Setia Kepada Raja Dan Negara” dan juga “Kesopanan Dan Kesusilaan”.

Akhir sekali Dato’ Yang Dipertua, Linggi menyambut baik dan menyokong penuh rang undang-undang ini. Dan saya yakin dan percaya semua ahli Dewan juga bersama dengan, dengan kita untuk menyokong. Saya tak nampak sebab dan alasan mengapa kita akan membantah atau berkecuali. Dan saya yakin dengan wujudnya rang undang-undang yang baru ini, kedaulatan dan kerajaan, raja dan institusi raja di Negeri Sembilan ini akan terjamin kerana rang undang-undang ini tidak lain dan tidak bukan hanyalah bertujuan untuk memelihara dan menyanjung tinggi institusi raja yang merupakan tiang seri kedaulatan Kerajaan Negeri Sembilan. Linggi mohon untuk menyokong.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi ahli Yang Berhormat ingin mengambil bahagian? Kalau tak ada, saya persilakan pihak kerajaan untuk menjawablah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato’ Dipertua, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat yang turut bersama-sama membahaskan pembentangan rang undang-undang enakmen, Rang Undang-Undang Kesalahan Yang Berhubung Dengan Lambang, Anugerah Dan gera, gerakan, Gelaran 2017, Dato’ Dipertua. Rang undang-undang ini dibawak ke Dewan untuk diluluskan Dato’ Dipertua, untuk kita memansuhkan rang undang-undang yang sedia ada yang telah lama. Kerana enakmen yang telah pun dibuat pada satu ketika yang lama dulu merupakan enakmen yang kurang lengkap, Dato’ Yang Dipertua. Dalam akta kesalahannya cuma ada sembilan, cuma satu dan kita, kerajaan dan jugak penguatkuasa undang-undang ada beberapa banyak kekangan Dato’ Dipertua. Dan tidak dapat kadang-kadang untuk menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada.

Itu sebabnya Kerajaan Negeri telah pun membawa perkara ini dan, membentangkannya di Dewan yang bersidang pada hari ini untuk kita membuat enakmen yang baru, 2017, dan men, membatalkan enakmen yang lama untuk kita memperkasakan enakmen kita beserta dengan kaedahnya yang merangkumi, ada, ada empat Fasal dan dua Jadual,

yang mana ia dapat kita memberikan ruang lingkup yang besar, yang lebih luas lagi untuk kita pastikan tidak adanya lagi penyalahgunaan berkenaan lambang, jata, darjah kebesaran dan gelaran, Dato' Dipertua. Untuk kita pastikan supaya darjah kebesaran ini, kebesaran cucuran Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan yang memberikan anugerah, gelaran dan jugak jata-jata serta Undang Yang Empat dan juga Tungku Besar yang Tampin ini, serta Dato' Dipertua, Dato' Syahbandar Sungai Ujong. Supaya institusi ini dapat kita perkasakan, institusi ini dapat kita jaga, dan institusi ini terus berada di kedudukan tinggi Dato' Yang Dipertua. Tidak ada penyalahgunaan, tidak ada unsur penipuan dan yang lain-lain.

Jadi, pandangan ahli-ahli, rakan-rakan ahli Yang Berhormat tadi tentang beberapa perkara, itu amat baik. Terutamanya, yang pertama daripada Yang Berhormat daripada Chennah, Yang Berhormat Loke ya, "menyatakan diri" dalam bahasa Melayu-nya. Tapi kadang-kadang, itu sebabnya Dato' Dipertua, dalam Bahasa Inggeris-nya itu lagi, lagi, lagi tepat dia punya bahasa yang digunakan ya, Dato' Dipertua, ya. Dia kalau Bahasa Inggeris-nya, kalau yang Fasal 4(1) tu kalau kita baca dalam Bahasa Inggeris-nya, dia lebih lengkap, "*represent himself*", Dato' Yang Dipertua, "*in whatever form*". *Represent himself* sama ada secara lisan ataupun bertulis, ataupun apa. Tapi dalam Bahasa Melayu-nya "menyatakan". Jadi akan wujud suatu persoalan nanti kalau dibicarakan. Satu perkara yang baik.

Jadi, secara ringkasnya tadi, saya segera bersetuju dengan apa yang dicadangkan, pandangan tersebut, kita tambah perkataan, jika kita boleh Dato' Dipertua, bersidang, sidang ini bersetuju pandangan Chennah dan kita perkasakan lagi yang nombor 4(1) tu, "seseorang tidak boleh menyatakan dirinya dalam apa jua bentuk". Haa kalau kita boleh buatlah dalam Bahasa Melayu-nya. Dalam apa jua bentuk, *in whatever form*. Kalau dalam Bahasa Inggeris-nya dah lengkap, *represent himself*. Jadi kalau dalam Bahasa Melayu-nya tadi Yang Berhormat katakan dia boleh di, di, dibahaskan dalam, dalam mahkamah, jadi kita tambah, perkasakan lagi "menyatakan dirinya" tambah "dalam apa jua bentuk", kalau kita boleh kata. Saya, terpulanglah kepada Dewan nanti ya, Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Saya terima kasihlah kalau pihak kerajaan sudi menerima cadangan saya. Ini memang sesuatu yang bersejarahlah dalam Dewan yang mulia, kali pertama cadangan saya diterima. Cuma, dari segi prosedurnya, saya nak memberikan sedikit pandangan ialah, cadangan itu, pindaan itu mungkin dalam peringkat Jawatankuasa, bacaan ketiga, sebelum

bacaan ketiga tu, pindaan perkataan itu kita rekodkan dan semasa warta tu perlu ada perkataan baru itu. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Terima kasih. Kita ni Dato' Dipertua, kerajaan yang berwibawa ya. Kita terima. Tapi pembangkang ingat kerajaan kita, kita nak marah dengan dia saja. Tapi sebab kadang-kadang dia cakap tak betul. Mana yang betul, kita terimalah. Terima kasih kerana memberikan pandangan. Tetapi dalam Bahasa Inggeris-nya lebih tepat Dato' Dipertua ya, dikata *represent himself or* dalam apa jua bentuk ya. Tapi, dalam Bahasa Melayu-nya kita tambah tadi, dan kita akan baca sefasal demi sefasal nanti. Dan kita nanti, kita memberi kuasa kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang untukewartakan dalam bentuk warta yang telah pun kita pinda, Dato' Dipertua ya.

Nombor dua, berkenaan dengan jumlah denda yang perlu dimaksimumkan. Jadi itu, 8(3) tu tadi ya. Saya jugak, pihak kerajaan jugak me, menerima pandangan tersebut. Memanglah orang yang menganjurkan tu pun, kadang-kadang dia yang dapat duit kan. Dia yang patut didenda lebih. Tapi terpulanglah nanti kalau dalam sefasal demi sefasal, saya nak cadangkan sini supaya kita selaraskan kepada kalau orang yang menggunakannya sampai 500 ribu, orang yang menganjur cuma 250 ribu, kita buat 500 ribulah semua supaya semua kita selaraskan. Jadi, senang. Denda maksimum 500 ribu, penjara satu tahun ke lima tahun. Itu terpulang ya. Kerana, memang betul, seperti kata Bukit Kepayang jugak, orang yang menganjur ni dia banyak kumpul duit, dia dapat duit kadang-kadang kan. Jadi, ini pun kita selaraskanlah ya, 500 ribu tu rasa banyak. Cuma yang kadang-kadang, duit orang boleh cari, tapi yang pentingnya kita memaksimumkan penjara sama ada satu ataupun maksimumnya lima tahun, Dato' Dipertua ya. Kita menerima pandangan tersebut.

Berkenaan dengan agensi dan jugak jabatan yang menggunakan jata. Kadang-kadang belia, Persatuan Belia menggunakan jata kerana nak buat larian sekolah, nak buat *game*, kadang-kadang nak buat *7-a-side*, tujuh sebelah main bola, kadang-kadang kerana ke, bangga kan nak letakkan jata negeri. Itu kadang kita rasakan, Dewan rasakan elok kita buat dalam *operational issue* dia macam mana kita letakkan. Bahawa nanti bila kita wartakan tu nanti, kita keluarkan pekeliling yang umum, siapa-siapa lepas ini, selepas diwartakan perundangan ataupun enakmen ini, siapa-siapa yang nak menggunakan lambang, jata ini, memerlukan, perlu mendapat kelulusan daripada pihak Protokol. Tadi ada ditanya tentang agensi mana yang bertanggungjawab, jabatan mana bertanggung. Jawapan kepada tersebut ialah jabatan ataupun agensi yang bertanggungjawab kepada mengawal selia warta ini adalah

pihak Protokol, Unit Protokol ya, dan Kerajaan Negeri Sembilan, ataupun Unit Protokol Dewan ya.

Jadi, kepada tafsiran daripada Palong tadi, tafsiran anugerah Dato' ketua kampung, Dato' Adat. Dato' Dipertua, ketua kampung ni tak pernah pun ada Dato'. Dia To' ya, To' ketua kampung. Tu pun, To' tu kalangan-kalangan masing-masing. Dia, mereka adalah dilarang dan mereka tidak boleh menggunakan perkataan Dato'. Itu termaktub dalam kita punya penyalahgunaan anugerah dan gelaran. Dan mereka tak boleh gunakan.

Kepada Dato' Lembaga Adat, Dato' Dipertua, ini bukan di bawah ruang lingkup kita. Dia di bawah ruang lingkup, kuat kuasa adat, maka Dewan Keadilan akan bersidang jugak. Perkara yang sama akan dibuat untuk memastikan bahawa setiap Luak, setiap Dato' Lembaga Adat, setiap Undang di kawasan masing-masing menyatakan dia punya,ewartakan dia punya Dato', gelaran-gelaran Dato' ataupun pangkat masing-masing di Luak masing-masing. Dan akan dibuat, di bawah ruang lingkup Dewan Keadilan kerana dalam kita, negeri kita ini, kita ada dua undang-undang tubuh Dato' Dipertua. Satu undang-undang tubuh kita, undang-undang tubuh pentadbiran. Dan nombor undang-undang tubuh berkenaan dengan adat. Kedua-duanya di bawah naungan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan selaku penaung negeri dan jugak ketua adat negeri ini, Dato' Dipertua.

Jadi, mana-mana, darjah kebesaran, lambang apa semua nanti, jugak akan kita letakkan di bawah Dewan Keadilan yang selepas ini Dewan Keadilan akan bersidang dan akan membincangkan perkara yang sama. Dan kita berdiri bersama. Dalam Negeri Sembilan, dua undang tubuh ini berdiri bersama Dato' Dipertua ya. Jadi ini akan dibuat jugak di dalam Dewan Keadilan untuk mengambil kira gelaran, darjah kebesaran dan jugak apa jua lambang yang digunakan di bawah Luak masing-masing. Dan akan diwujudkan dan diwartakan oleh Dewan Keadilan sendiri.

Berkenaan dengan pembentangan berkenaan oleh Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan itu, itu Dato' Yang Dipertua Dewan punya hal. Saya tak perlu jawablah kerana saya tak tahu menahu tentang ini. Saya pun bukan jawatankuasa ya. Tetapi setahu saya, apa yang nak dibentangkan ini, dia cuma membentangkan sahaja dan tidak ada apa-apa hukuman yang dijatuhkan. Itu sahaja. Kerana perlu diadakan kerana dah menjadi kekusaran dan telah pun sampai ke pengetahuan pihak istana mengapa tidak ada apa-apa tindakan dibuat. Mengapa nama istana terbabit dan macam-macam, maka setelah mendapat rujukan daripada Parlimen, daripada pihak-pihak tertentu, didapati,

saya dengar saja, sebab saya tak campur ya, Yang Berhormat berkenaan dengan Jawatankuasa Hak Kebebasan ini bersidang, maka hari ini dibentangkan sahaja sebagai rujukan untuk kes-kes masa depan untuk dirujuk bahawa ini adalah merupakan kesalahan, Dato' Dipertua ya.

Yang lain-lain tu Dato' Dipertua, Kepayang, orang tengah. Dia ada, orang tengah ni Seksyen 3 tu ada ya. *Abetment* dalam Bahasa Inggeris dia, sesiapa-sesiapa yang bersama-sama bersubahat ya. Ada tu, baca betul-betul ya. *Abetment*, bersubahat, mereka jugak jatuh kesalahan, dalam enakmen yang kita bentangkan hari ini ya. Mereka yang mengatakan boleh dapat macam-macam, cuba baca ya, fasal ke apa ni, *clause* yang ketiga.

Berkenaan dengan jata negeri tak sah. Ini ada orang yang membuat ya. Ada kedai dekat Rahang, ada kedai dekat Temiang, buat jata lambang negeri. Kalau dekat kampung kedai ayan dia manggil. Kedai ayan buat, kat Rantau buat. Dia buat lambang, ada orang beli, dia buatlah. Jadi, selepas diwartakan ini nanti, proses pewartaan mengambil masa enam bulan misalnya, jadi kita akan menguatkuasakan. Jadi kita akan keluarkan pernyataan bahawa selepas ia diwartakan, sesiapa sahaja, ini termasuk dalam *abetment* jugak ya, sesiapa sahaja bersubahat, mencetak, menulis, me, menggunakannya, mengedarkannya, menyimpan stok dia pun, tak boleh ya.

Kerana dalam Kerajaan Negeri, pihak Protokol, bila kita Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku mengurniakan darjah kebesaran, kita ada apa yang dipanggil sebagai pihak yang mengeluarkan darjah kebesaran ini, yang kita telah pun luluskan oleh Kerajaan Negeri ya. Bukan semua orang, bukan semua syarikat boleh keluarkan. Ada syarikat yang diluluskan oleh Kerajaan Negeri yang boleh mencetak, yang boleh membuat darjah kebesaran, yang boleh membuat semuanya ya. Jadi, kita akan keluarkan perintah am ini, dan memberikan notis am apabila telah diwartakan nanti, mereka yang masih menyimpan stok jugak akan didapati bersalah ya. Bukan saja yang menggunakan ya. Jadi, jata tidak sah tersebut semualah akan mengambil kira sama ada dia sah tak sah, sama ada dia gunakan, dia beli ke, dia bukan dapat ke, tidak ada soal Dato' kecil ya, tak ada soal. DNS ni, dia bukan Dato' kecil ya, ataupun bakal Dato'. Dia DNS ialah, DNS-lah.

Jadi Dato' Dipertua, kepada Sikamat tadi, agensi bertanggungjawab ialah Protokol ya, Yang Berhormat ya. Protokol Kerajaan Negeri ataupun Dewan. Dan yang membekalkan pun perlu mendapat kelulusan ya. Kita cuma ada tiga syarikat yang telah pun dijadikan sebagai pembekal. Tapi, kita akan gunakan mana-mana untuk tahun-tahun itu pun kita, kita, kita luluskan bahawa untuk tahun 2017, ini dia

pembekal dia ya. Maka pembekal tersebutlah yang akan kita letakkan dalam daftar kita, pembekal lain tidak boleh mengeluarkan ya. Jadi, kita akan buat dan seterusnya akan kita kuatkuasakan.

Masalah yang akan timbul di sini, saya dapat rasakan sepertimana yang disebut oleh YB Linggi dan rakan-rakan tadi, ialah masalah penguatkuasaan operasi dia. Jadi, ini perlu, semua pihak perlu memainkan peranan Dato' Dipertua, supaya untuk kita pastikan supaya kedaulatan dan kebesaran darjah kebesaran dan jugak institusi raja ini dapat kita dukung bersama, Dato' Dipertua, semua masyarakat, semua rakyat Negeri Sembilan perlu memainkan peranan. Jadi, mesti dilaporkan.

Kepada soalan sama ada dia bini empat ke tidak itu, dia cuma satu saja Dato' Dipertua, yang pertama. Nak dinaikkan pangkat, itu tidak timbullah ya. Jadi, kalau dia dapat dua Dato', satu Negeri Sembilan, satu Pahang. Cuma satu sahaja dipakai di Negeri Sembilan ya. Kalau dia nak pergi ke Pahang, dia nak gunakan Dato' Pahang-nya untuk isteri yang kedua, itu terpulang pada dia. Tapi selagi dia di Negeri Sembilan, dia termaktub di dalam enakmen ya, termaktub dalam kita punya enakmen yang kita luluskan hari ini iaitu isteri pertama saja yang boleh menggunakan nama, gelaran yang datang bersama gelaran Dato' dia ya. Tak timbul soal nombor dua, nombor tiga, nombor empat ataupun yang sah ataupun tak sah ya.

Jadi, ini akan kita kuatkuasakan, banyak kita dapati ya. Dan jugak gelaran-gelaran yang tak sepatutnya ada ya. Seperti nama, apa yang disebut oleh YB Palong tadi, dia sepatutnya menggunakan Dato' Panglima *something* ataupun Dato', Dato' Akhirzaman sekian-sekian nama dia, tak boleh panggil Dato' saja, itu salah, termaktub dalam ini, penyalahgunaan ya. Dan, kita akan jugakewartakan dalam Dewan Undangan Negeri, gelaran-gelaran Dato'-Dato' Adat dan jugak Dato'-Dato' yang lain, Dato' Dipertua.

Jadi, terima kasih saya ucapkan kepada semua ahli-ahli Yang Berhormat, yang sama-sama menyokong ya, *hopefully* semua akan menyokong nanti. Ini dah menjadi satu keperluan kerana banyak kegelisahan yang berlaku dalam masyarakat disebabkan oleh penyalahgunaan darjah kebesaran, gelaran dan yang lain-lain. Dan wujudnya unsur-unsur penyalahgunaan dan banyak orang yang tertipu di atas sebab pemakaian darjah gelaran ini, Dato' Dipertua. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, yang telah menjawab perbahasan kita. Sebelum saya nak meneruskan ini, saya ingin menyatakan satu perkara yang dibangkitkan oleh ADUN Palong tadi, berkenaan dengan Laporan Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan yang telah saya bentangkan.

Saya ingin jugak memaklumkan kepada ahli Dewan, saya *quoted* ya, mengikut peraturan kerana jawatankuasa ini tidak boleh bersidang sewenang-wenangnya. Jawatankuasa ini hanya boleh bersidang dalam dua keadaan. Pertama, jawatankuasa ini boleh bersidang apabila dirujuk oleh Dewan, itu yang pertama. Yang kedua, apabila ada seorang ahli Dewan memberitahu kepada jawatankuasa ini, terutama Pengerusi, saya sendiri, jika ada berlaku perkara-perkara yang melanggar Hak Dan Kebebasan Dewan, sama ada dalam Dewan atau luar Dewan. Dan apabila Pengerusi berpuas hati, maka dirujuk kepada jawatankuasa tersebut. Dan setelah menerima laporan ataupun aduan daripada seorang ahli Dewan, iaitu ADUN Labu, saya berpuas hati berlaku pelanggaran dan telah memanggil untuk diadakan satu mesyuarat. Dan mesyuarat itu telah dijalankan, dan siasatan sebenarnya jugak telah dibuat sebelum itu.

Untuk makluman kepada ahli-ahli Dewan, saya nak nyatakan bahawa memanggil ahli Dewan yang terlibat sebagai saksi dan sebagainya tu, adalah perkara yang boleh dipanggil ataupun tidak boleh, tak perlu dipanggil. Kalau dalam jawatankuasa itu berpuas hati, tidak perlu dipanggil. Dan ini saya *quoted* ya, Perkara 38(b), Perkara 4, "Jawatankuasa ini berkuasa boleh memanggil orang hadir di hadapannya". Iaitu perkataan "boleh" digunakan bermakna, boleh panggil dan boleh tidak panggil. Jawatankuasa ni jugak telah, mesti, apabila telah dipersetujui untuk memanggil jawatankuasa, maka jawatankuasa ni mengikut Perkara 3 iaitu "Jawatankuasa ini hendaklah mengeluarkan penyata". Ini bermakna jawatankuasa, apabila telah bersidang hendaklah, wajiblah, kenalah, *must*, apa lagi bahasa yang nak digunakan ya. Mesti dilaporkan ke dalam Dewan ini sebab Dewan inilah tempat yang paling tertinggi. Jadi, penyata sama ada ditarik itu tidak timbul kerana penyata ini hanya adalah untuk dibentangkan sahaja.

Perkara yang ketiga yang ingin saya sentuh ialah berkenaan dengan sedikit salah faham dari segi tindakan yang diambil oleh jawatankuasa. Jawatankuasa ni bersidang, dan terdiri daripada enam orang ahli, yang hanya bersidang lima orang kerana seorang ahlinya telah meninggal dunia, dan kebetulan pulak ahli yang bersidang ini adalah salah

seorang yang dibuat pertuduhan. Maka, lima orang sebenarnya telah mencukupi kuota ataupun korum untuk kami bermesyuarat.

Dan mem, mengikut dalam aduan tersebut, kita ada tiga ADUN yang dilaporkan. Dan bila dilaporkan itu, maka tugas jawatankuasa ialah mem, meneliti laporan menggunakan *hansard*. Dan *hansard* ini untuk maklumat ahli Dewan, kita telah gunakan *hansard* yang berbentuk draf, iaitu yang sebelum dirasmi dan disahkan melalui Dewan ini. Sebab itu, ahli-ahli Yang Berhormat kena faham bahawa tanpa *hansard* tersebut tidak ada bahan bukti sebenarnya. Tetapi apabila jawatankuasa berpuas hati dengan semua yang dituduh dan dirujuk kepada *hansard* yang ada, maka kita telah buat keputusan sebagaimana yang dibentangkan.

Bagi ADUN Lenggeng ini, sebenarnya tidak ada hukuman yang dapat dilaksanakan. Ini, ini saya nak nyatakan ya. Tadi ADUN Palong menyatakan apakah perasaan balu allahyarham. Sebenarnya kita tak ambil hukuman ya. Dan hukuman ini sebab tidak ambil sebab itu digunakan ayat “tidak dapat” ya “tindakan seterusnya ke atas Yang Berhormat ADUN Lenggeng tidak dapat diambil”. Bermakna ialah kerana dia telah meninggal dunia, tindakan itu tidak dapat diambil. Sama ada nak panggil dia sebagai saksi ataupun untuk dibuat rujukan dan sebagainya. Tetapi jawatankuasa telah mengambil keputusan untuk melaporkan di Dewan ini perkara yang telah kita bincangkan. Itu perkara asas dan perkara wajib dilaporkan dalam mesyuarat ni.

Untuk ahli-ahli Dewan, walaupun tindakan tidak diambil, semasa ucapan aluan saya tadi, saya ada menyentuh bahawa ada perkara Yang Berhormat ahli-ahli Dewan, semasa berbahas saya berharap menjaga emosi. Sebab apabila menyentuh institusi raja, ini kita perlu mempertahankan dan tanggungjawab Dewan untuk mempertahankan institusi raja. Dan apabila menggunakan institusi raja ini untuk mempengaruhi Dewan, ianya merupakan satu kesalahan yang amat besar dan amat serius. Dan perkara, perkara tersebut telah pun dilakukan pada persidangan yang lepas.

Ini *off record*, dari segi penyata, tapi saya nak nyatakan dalam ni supaya direkodkan dalam *hansard* bahawa perkara melanggar peraturan tu telah berlaku dengan jelasnya, ialah mempengaruhi ahli Dewan menggunakan nama Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Dan apabila dibuat siasatan, bukanlah siasat, saya sendiri dengan beberapa jawatankuasa dan jugak ahli yang lain, telah pergi mengadap sepertimana yang dibentangkan dalam penyata tersebut, apabila kami mengadap Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia dan bertanyakan dan mendapati perkara itu adalah tidak benar.

Sekali lagi saya nak ambil ketetapan dalam Dewan ini, saya berharap ahli Dewan jangan sekali-kali berbohong dalam Dewan. Jangan sekali-kali menggunakan nama Duli Yang Maha Mulia Tuanku untuk mempengaruhi Dewan. Dan ini perkara yang amat serius. Saya tidak akan teragak-agak mengambil tindakan. Dan tindakan itu perlulah jelas dan serius kepada semua ahli Dewan menyatakan bahawa perkara ini tidak boleh dilakukan oleh ahli Dewan. Bahkan Penasihat Undang-Undang dari Parlimen menyatakan ianya boleh menjadikan sebagai derhaka dan boleh menjadi sebagai satu ke tahap yang lebih tinggi iaitu cuba melakukan khianat kepada Duli Yang Maha Mulia Tuanku.

Jadi perkara ini serius, dan institusi raja ini perlukan kita pertahankan. Saya berhadap kepada ahli-ahli Yang Berhormat berhati-hati semasa kita berbahas dan jangan emosi. Apabila, dan yang paling penting jangan berbohong atas nama orang. Dan ini pulak berbohong di atas nama Duli Yang Maha Mulia Tuanku. Saya tak perlu nyatakan kemurkaan tuanku, tetapi boleh saya nyatakan di sini bahawa perkara ini amat serius dan ada perkara yang dinyatakan dalam *hansard* itu saya malu nak menyebutnya di dalam, kepada, depan tuanku. Itulah seriusnya yang saya nak bagi, nyatakan kepada tuan-tuan dan puan-puan, terutamanya ahli-ahli Yang Berhormat sebagai selaku ahli Dewan.

Jadi saya pegang teguh kepada apa yang saya bentangkan. Iaitu saya bacakan, untuk tegasan, iaitu “walau bagaimanapun tindakan seterusnya ke atas Yang Berhormat ADUN Lenggeng tidak dapat diambil kerana beliau telah meninggal dunia pada 18 Julai 2017”. Akhir sekali memanglah kita bersidang itu, ataupun mesyuarat ini diadakan selepas beliau meninggal dunia, tetapi sebenarnya untuk makluman, semua ahli-ahli jawatankuasa telah dimaklumkan tarikh tersebut. Dan adalah menjadi kesalahan bagi pihak saya, selaku Pengerusi, membatalkan mesyuarat tersebut semata-mata kerana kehilangan seorang ahli jawatankuasa.

Jadi, jawatankuasa itu mempunyai pandangan yang wibawa, yang boleh saya nyatakan cukup berwibawa mengambil pandangan semua aspek yang telah dibin, bentangkan, membandingkan tuduhan dengan *hansard* yang kita ada. Jadi tidak salah kita bermesyuarat pada, walaupun salah seorang jawatankuasa telah pun meninggal dunia. Dan walaupun pertuduhan itu terhadap orang yang telah meninggal dunia. Jadi itulah kenyataan saya, yang ingin saya nyatakan. Dan seterusnya saya pergi pada agenda seterusnya.

Y.B. ADUN Palong: Penjelasan Dato' Yang Dipertua, oleh kerana tak nak tarik. Maknanya paparan ini akan menjadi maklumat rasmi Dewan. Saya mohon bertanya, oleh kerana Palong dituduh, apa kesalahan Palong?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ADUN Palong, tuduhan yang dinyatakan dalam tu sebenarnya ternyata dalam penyata yang dibentangkan oleh saya kepada Dewan. Dan jawatankuasa telah meneliti, maka saya bacakan ayat yang kita gunakan di sini, ini, ja, jawapan ataupun keputusan jawatankuasa ialah "jawatankuasa telah bersetuju bahawa kenyataan Yang Berhormat ADUN Palong tidak mempersoalkan atau mempertikaikan secara langsung", ayat perkataan "secara langsung" itu digunakan kerana tidak ada *direct* ataupun terus kepada Duli Yang Maha Mulia kerana Yang Berhormat ADUN Palong dinyatakan mengeluarkan pendapat dari segi hierarki. Maka hierarki itu sebenarnya bukan asas untuk mendapat kurnia daripada tuanku. Cuma pandangan daripada Yang Berhormat ADUN Palong, maka jawatankuasa tidak mempertikaikan perkara tersebut.

Y.B. ADUN Palong: Peraturan mana Yang Dipertua menyatakan ini sebagai satu tuduhan. Peraturan yang mana Dato' Dipertua?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Peraturan ini bukannya peraturan Yang Berhormat. Ini berlaku tuduhan.

Y.B. ADUN Palong: Yelah mempengerusikan mesyuarat mesti berdasarkan daripada peraturan tertentu dalam peraturan Dewan. Baru tuduh Palong. Sekarang ni peraturan mana? Saya nak dengar.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, jawatankuasa tidak menuduh pun Yang Berhormat ADUN Palong.

Y.B. ADUN Palong: Kalau tak ada keluarkanlah daripada laporan ni.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Jawatankuasa mendapat aduan daripada ADUN Labu.

Y.B. ADUN Palong: Yelah, ADUN Labu menuduh saya mesti ada asas.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ya, asas tu

Y.B. ADUN Palong: Kemudian bincangkan atas peraturan-peraturan tertentu. Tapi kalau tak ada melanggar dalam peraturan tertentu, pengerusi tak boleh bawa itu sebagai satu mak, maklumat yang sah di dalam Dewan ini. Tak boleh.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, jawatankuasa tidak mendapati Yang Berhormat ADUN Palong mempersoalkan. Makanya Yang Berhormat Palong tidak mempertikaikan sebagaimana pertuduhan daripada ADUN Labu. Itu keputusan jawatankuasa. Sepatutnya Yang Berhormat ADUN Palong merasa berpuas hati

Y.B. ADUN Palong: Saya bukan soal

Y.B. Yang Dipertua Dewan: bahawa tuduhan

Y.B. ADUN Palong: puas hati Yang Berhormat. Ini, ini rekod berkaitan dengan perilaku Dewan Undangan Negeri Palong ni, Yang Berhormat Palong ni di dalam Dewan ini, yang dikawal oleh peraturan mesyuarat. Kalau sekiranya Yang Berhormat ADUN Palong ni melanggar peraturan mesyuarat, kita tak ada masalah. Boleh dituduh, boleh didakwa, boleh dibincangkan, boleh dipaparkan dalam Dewan ni. Tapi kalau ADUN Palong ni tak ada melanggar mana-mana peraturan mesyuarat, tak boleh Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Palong: Itu yang tadi saya kata sebaik-baiknya keluarkan daripada laporan rasmi Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, sudah, bila, biarkan saya buat penjelasan.

Y.B. ADUN Palong: Ya, sila. Peraturan mana Yang Berhormat tak nak sebut?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Peraturannya 38(b), iaitu Perkara 3, bila-bila Dewan tidak bersidang seorang ahli boleh memberitahu tuan Yang Dipertua jika ada dikatakan telah berlaku melanggar peraturan, hak-hak kebebasan Dewan.

Y.B. ADUN Palong: Itu tak ada kena mengena dengan saya Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ini

Y.B. ADUN Palong: Ini pertuduhan yang mengatakan saya ni melanggar peraturan Dewan ni. Saya tak ada.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, pertuduhan tu datangnya daripada ADUN Labu.

Y.B. ADUN Palong: Kalau ADUN Labu pun nak bawak okay, Yang Berhormat Labu, boleh bagi penjelasan kepada Dewan yang mulia ni

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya

Y.B. ADUN Palong: Yang Berhormat bawak

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Palong: aduan ni berdasarkan apa?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya tak pe

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan ya, bahawa apabila saya mendapati ya, kalau nak ikutkan ramai sebenarnya yang menyebutkan tentang perkara-perkara yang menyalahi peraturan. Tetapi apabila kita nak menjurus kepada pertuduhan ini, saya merujuk kepada Peraturan 21(r) ya, Peraturan Perbahasan, Peraturan-Peraturan Dan Perintah Tetap Dewan, ya. Di mana saya masih ingat kalau tak silap sayalah ya, ini boleh tengok *hansard* ya, di mana sepatutnya, ini saya ulang perkataan ya, kalau saya silap, perbetulkan ya, "sepertutnya Dato' Seri ini diberi pada Yang dipertuan, Yang Dipertua Dewan, jangan diberi dulu kepada Dato' SS". Kalau tak silap saya.

Y.B. ADUN Palong: Yang Berhormat faham ni, peraturan 21(r) ni faham? Kalau perilaku seorang Setiausaha Kerajaan Negeri atas jawatannya Setiausaha Kerajaan Negeri, semua orang boleh cakap. Kenapa lak tak boleh cakap dalam Dewan ni?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, saya ingat perkara ini saya bentangkan bukan untuk dibahaskan. Jadi saya mintak, dengar penjelasan saya.

Y.B. ADUN Palong: Bukan soal bahas tak bahas Yang Berhormat. Saya menghormati kerusi Yang Dipertua. Tapi, bila Yang Berhormat terus bertahan nak memaparkan laporan ni dalam Dewan secara bertulis, saya kena betulkan supaya besok jangan buat silap. Jangan buat perilaku yang silap tentang peraturan ni. Mentafsir tentang peraturan Dewan ni yang salah. Kalau itu alasan yang dibagi oleh Labu, membawak perkara ini ke Mesyuarat Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan, salah Dato' Yang Dipertua. Besok semua salah, salah, salah. Itu yang saya nak betulkan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, silakan apa. Saya ingat macam ni. Apabila seorang Yang Dipertua, menerima laporan. Ya?

Y.B. ADUN Labu: Dalam ni sebenarnya 21(1)(o), (p) dan (r) ya, itu ya.

Y.B. ADUN Palong: Kalau (p) Dato' Dipertua, kalau Yang Berhormat Labu semak balik ucapan saya, dalam *hansard* ni, tak ada satu pun yang melanggar Peraturan 21(p). Sebab saya hanya mencadangkan. Kalau

mencadangkan, ini bukan satu kesalahan dari seti peraturan Dewan. Kalau boleh bagi dulu Yang Dipertua Dewan mengikut hierarki susunan yang ada di Negeri Sembilan. Yang Berhormat jangan buat undang-undang sendiri

Y.B. ADUN Labu: Bagi saya.

Y.B. ADUN Palong: ini peraturan Dewan. Jangan mentafsir sendiri.

Y.B. ADUN Labu: Dato' Palong ya, bagi sayalah ya, saya hanya mengadu saja. Tafsiran ataupun apa segala keputusan tu

Y.B. ADUN Palong: Salah.

Y.B. ADUN Labu: dibuat oleh jawatankuasa. Saya cuma mengadu saja ya.

Y.B. ADUN Palong: Terpulang kepada Dato' Yang Dipertua. Kalau Yang Dipertua nak mengikut tafsiran daripada Labu ini, besok Yang Dipertua akan mempengerusikan mesyuarat berdasarkan tuduhan ADUN Labu, terpulang kepada Dato' Yang Dipertua. Tapi kalau Dato' Yang Dipertua tak bersetuju dengan tu tadi, keluarkan. Itu pandangan saya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lobak: Dato' *Speaker*, saya pohon mencelah. Bagaimana dengan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Lobak, Yang Berhormat sila duduk.

Y.B. ADUN Lobak: Pohon mencelah. Kerana pada masa itu saya telah menarik balik tuduhan tersebut. Dan isu adalah tertutup pada masa itu. Kenapa lagi ada rujukan kepada Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan? Isu dah tutup. *Its closed at that time.*

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lobak: Apa-apa tu, apa-apa laporan daripada Labu adalah perlu disemak oleh Dato' Yang Dipertua, sama ada kes, *prima facie case*. Kalau ada *prima facie case*, baru ada persidangan untuk jawatankuasa tersebut. Kalau tak ada *prima facie*, terus tolak kes tersebut. Mengapa

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat. Haa duduk, terima kasih. Saya selaku Yang Dipertua, menerima tiga aduan. Salah satu aduan itu dapati melanggar peraturan. Saya mana boleh menerima mesyuarat hanya dua saja dibuang, satu saya bawa dalam mesyuarat. Tapi, sebagai Yang Dipertua dan Pengerusi, saya bawa ketiga-tiga aduan. Dan, aduan yang pertama ditolak oleh Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan Dewan. Apakah ahli Yang Berhormat tidak bersetuju saya tolak? Yang Berhormat setuju ditolak?

Y.B. ADUN Lobak: Dato' *Speaker*, sepatutnya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat setuju atau tidak ditolak?

Y.B. ADUN Lobak: Bukan, Yang Berhormat *Speaker*, laporan persidangan itu sepatutnya tidak jelas kerana tidak ada *prima facie case* langsung kerana pada masa persidangan yang lalu saya telah menarik balik

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lobak: pada masa itu, yang ketika itu saya telah menarik balik. Jadi isu tutup, isu *closed*.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Isu memang sudah tutup Yang Berhormat. Isu memang sudah ditutup tetapi

Y.B. ADUN Lobak: Jadi aduan daripada Labu adalah tidak berasas, tiada *prima facie case*, jadi apakah tuduhan itu perlu diadakan satu mesyuarat. Langsung tiada perlu mesyuarat. Betul tak?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ni kadang-kadang saya, ahli Yang Berhormat kena faham. Saya terima tiga aduan. Daripada tiga aduan tu, satu saya dapati telah melanggar. Takkan saya sebagai Pengerusi bawa hanya satu saja dalam mesyuarat, bukan kuasa saya. Kuasa saya ialah bawa laporan ataupun aduan daripada ADUN Labu terdiri daripada tiga. Faham Yang Berhormat. Apabila tiga, kita bermesyuarat mengikut satu-satu.

Yang pertama dibincang, dibahas, ditengok *hansard* dan kita ambil pertimbangan bahawa telah tarik balik. Maka jawatankuasa mengatakan tidak ada kes. Sebab itu tidak ada tindakan diambil pada Yang Berhormat. Begitu jugak dengan ADUN Palong, tidak ada tindakan, sebab kita tidak bersetuju bahawa ADUN Palong melanggar. Tetapi yang melanggar ini, haa ini yang masalahnya saya nak ngatakan bahawa ada terdapat pelanggaran bagi ADUN Lenggeng. Tetapi oleh kerana beliau telah meninggal dunia pada ketika itu, maka yang kita tindakan selanjutnya tak dapat kita buat.

Tugas jawatankuasa selepas itu ialah mesti, wajib membentangkannya dalam Dewan, Yang Berhormat. Saya menerima kenyataan itu semasa Yang Berhormat ADUN Lenggeng masih lagi hidup, masih ada lagi, sebab itu ditetapkan tarikh persidangan tersebut. Dan persidangan itu telah ditetapkan tetapi beliau telah meninggal dunia. Tak apa, mesyuarat boleh berjalan terus. Kes bagi yang pertama, tolak. Kes yang kedua, tolak. Dan ini yang dinyatakan dalam, dalam, dalam, dalam penyata ini, Yang Berhormat bacalah.

Yang ketiga, sepatutnya ada tindakan. Terus terang saya nyatakan di sini, saya sebenarnya bagi orang yang dah meninggal, saya tak nak sebutkan di sini, tapi ahli Yang Berhormat berdua ni tak faham. Sebenarnya perlu ambil tindakan, cuma tak dapat, kita tak teruskan. Dan kita tak laksanakan hukuman. Itu bezanya. Tapi bagi amat, ADUN Lobak dan ADUN Palong sebenarnya dalam penyata ni menyatakan tidak ada kes.

Sebab itu, kalau Yang Berhormat baca, “walau bagaimanapun, jawatankuasa mengambil keputusan untuk memberi ingatan kepada semua Ahli Dewan Undangan Negeri”, Yang Berhormat. Saya tak nyatakan di situ kepada Ahli Berhormat ADUN Lobak, tidak. Sebab kami berpendapat bahawa tidak benar kami hanya memberi

peringatan kepada ADUN Lobak, tak kena, sebab dia tidak salah. Dia sudah, dia telah menarik balik. Sebab itu kita mengambil keputusan nasihat kepada semua ahli Dewan.

Begitu jugak ADUN Palong, kita dapati tidak melanggar secara jelas. Maka ADUN Palong jugak terlepas. Dan kita bagi nasihat kepada semua ahli Dewan. Tetapi bagi ADUN Lenggeng, tidak dapat diambil kerana beliau telah meninggal dunia. Itu saja. Jadi hukuman pun sebenarnya tak ada.

Y.B. ADUN Palong: Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ya, hukuman bagi ADUN Lenggeng tidak ada.

Y.B. ADUN Palong: Penjelasan Dato' Yang Dipertua. Biasanya kalau betul Yang Berhormat dah menolak apa yang dibawak oleh Labu, berkaitan dengan Palong dan juga, dah tak adalah patutnya laporan ni dibentang dalam Dewan. Tak ada dah. Kalau kita bentang dalam Dewan, maknanya berkaitan tindakan yang akan kita ambil. Itu peraturan Dewan. Itu sebabnya saya tanya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Itu, itu, itu pendapat Yang Berhormat. Tapi pendapat saya selaku Pengerusi, saya berpendapat mesti, wajib saya daftarkan dan jugak

Y.B. ADUN Palong: Jadi suka-suka hati kita ya.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: saya.

Y.B. ADUN Palong: Maknanya suka-suka kita ya. Mesyuarat akan datang, kita

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Palong: kita cadang pada jawatankuasa bertindak, Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan, suka-suka hati kita tak payah ikut peraturan Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat jangan mudah menuduh saya tidak mengikut peraturan Dewan.

Y.B. ADUN Palong: Yelah, saya dah bangkitkan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya sebenarnya membawak ini kerana dalam peraturan kita memestikan, dan mesti laporkan ke dalam jawatankuasa ini. Dan saya sebagai Yang Dipertua, mesti lapor ketiga-tiga perkara yang saya terima.

Y.B. ADUN Palong: Saya tahu. Tapi waktu Yang Berhormat mempengerusikan mesyuarat

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Jadi kalau Yang Berhormat tahu, Yang Berhormat sepatutnya tak ada masalah apa pun.

Y.B. ADUN Palong: Memang saya tak ada masalah. Tapi dah direkodkan dalam ni, memang jadi masalah.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat baca *hansard* Yang Berhormat. Yang Berhormat baca *hansard*.

Y.B. ADUN Palong: Saya dah baca berulang kali Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya baca lagi banyak lagi Yang Berhormat, ya.

Y.B. ADUN Palong: Tak ada apa pelanggaran Palong dalam ni. Lepas tu dipaparkan dalam ni. Haa itu saya tak terima.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Kalau kenyataan saya mengatakan dalam Dewan ini bahawa tidak ada pelanggaran, Yang Berhormat sendiri yang katakan ada pelanggaran. Saya nyatakan tak ada. Yang Berhormat ADUN, saya nak ulanglah, Yang Berhormat ADUN Lobak, tidak ada sebab itu tidak ada tindakan. Yang Berhormat ADUN Palong tidak ada, sebab itu tidak ambil tindakan. Tetapi Yang Berhormat ADUN Lenggeng, sekali lagi saya nyatakan kita tidak menghukum sebab tidak dapat melaksanakan proses tersebut. Ini bukan sahaja dibincang sekali yang, ahli-ahli Dewan, saya ingat saya bincang hal ni banyak kali. Jadi laporan ni sepatutnya tak perlu dibahaskan, dan laporan ini sebenarnya berunsurkan niat, nawaitu yang baik, iaitu menjadi tauladan, sempadan kepada mesyuarat dan jugak ahli-ahli Dewan akan datang. Bermakna bahawa jika dilakukan pelanggaran seperti yang saya kata tadi, ada berlaku pembohongan dan sebagainya, ianya adalah perkara serius. Jadi sekali lagi saya dengan ini, berpegang kepada kenyataan dan penyata ini, dan laporan ini kita terus terima bagi Dewan yang mulia ini.

Seterusnya ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingat kita teruskan dulu sehingga selesai rang undang-undang yang pertama ini. Jadi kita terus kepada perkara sama ada ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju rang undang-undang ini dibaca bagi kali kedua, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Semua bersetuju. Rang undang-undang ini dibacakan bagi kali kedua.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk mengadakan peruntukan bagi kesalahan berhubungan dengan lambang, anugerah dan gelaran dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[Bacaan Kali Ketiga]

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan rang undang-undang ini ditimbangkan seca, sefasal demi sefasal.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju de, Dewan bersidang secara jawatankuasa dan rang undang-

undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Semua bersetuju. Dewan bersidang secara jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Setiausaha Dewan: Fasal 1.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada Fasal 1 menjadi sebahagian daripada undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 2.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada Fasal 2 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 3.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada Fasal 3 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 4.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan?

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun untuk mencadangkan supaya Fasal 4 ini kita buat sedikit pindaan Dato' Dipertua, sepertimana yang telah pun dibincangkan sebentar tadi oleh DUN Chennah, ADUN Chennah, iaitu untuk memastikan supaya lengkap dan perkasa kaedah undang-undang ini supaya dapat dipertahankan

penguatkuasaannya. Maka dalam Seksyen 4(1), Dato' Yang Dipertua, kita buat pindaan iaitu "seseorang tidak boleh menyatakan dirinya" dan ditambah dengan perkataan "dalam apa jua bentuk", Dato' Dipertua ya, "dalam apa jua bentuk". Tambahan ya. Kita tambah selepas perkataan "menyatakan dirinya" dengan pertambahan perkataan "dalam apa jua bentuk", Dato' Dipertua, terima kasih.

Y.B. Pengerusi: Terima kasih. Dengan pindaan tersebut, Fasal 4 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 5.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 5 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 6.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 6 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 7.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 7 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 8.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan?

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Fasal 8 ini jugak dibuat dengan pindaan iaitu

setelah dibincangkan, dibahaskan tadi, memang menjadi suatu kemestian untuk kita pastikan supaya denda dan penalti ini ditambah untuk Fasal 8 ini supaya ia lebih mencerminkan begitu seriusnya kerajaan untuk kita membanteras keadaan mereka-mereka yang menjadi penaja, yang menjadikan ataupun yang mengadakan majlis-majlis, adakan majlis menerima selaras dengan mereka yang menggunakan lambang, menggunakan darjah kebesaran dan menggunakan gelaran ini Dato' Dipertua.

Adalah tidak munasabah sedikit apabila kita membentangkan rang undang-undang ini, mereka yang menggunakan kita kenakan denda dan penalti yang lebih tinggi daripada mereka yang mengadakan dan menganjurkan. Jadi, pindaan yang saya cadangkan di sini, selepas perbahasan tadi bersetuju supaya kita selaraskan penalti dan jugak denda yang dikenakan hukuman penjara dan jugak penalti selaras dengan fasal yang, fasal mereka yang menggunakan kesalahan, Dato' Dipertua ya, iaitu satu tahun dan lima tahun maksima, dan 100 ribu ke 500 ribu maksima, daripada yang ada di sini tidak melebihi daripada satu tahun dan tidak melebihi tiga tahun, dan jugak tidak melebihi 150 ribu ringgit. Diselaraskan Dato' Dipertua ya, menjadi satu ke lima tahun maksima, dan 100 ribu ke 500 ribu maksima.

Y.B. ADUN Chennah: Pencelahan Yang Amat Berhormat. Dalam Seksyen 3(3), didenda tidak kurang daripada 250 ribu. Bukan 150 ribu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Mintak maaf Dato' Dipertua ya. Selaraskan ketiga-tiga ini Dato' Dipertua ya.

Y.B. Pengerusi: Terima kasih. Dengan pindaan tersebut, Fasal 8 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 9.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 9 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 10.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 10 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 11.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 11 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 12.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 12 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 13.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 13 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 14.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 14 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 15.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 15 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 16.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 16 menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Jadual Pertama.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jadual Pertama ada bantahan?

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun untuk meminda Jadual Pertama iaitu, ada pindaan sikit ya, ada tiga pindaan Dato' Dipertua.

Nombor satu ialah menggantikan keseluruhan ayat di Bahagian, Perkara I, Bahagian I Perkara 1 dengan, kita baca Dato' Dipertua ya, Jadual ya, menggantikan keseluruhan ayat "Jogan ataupun cogan, jata dan mohor rasmi Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dan Dato' Syahbandar Sungei Ujong", ya. Seluruh ayat tu kita ganti dengan ayat ni ya. Iaitu ayatnya "Jogan atau cogan, jata dan mohor rasmi Yang di-Pertuan Besar, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dan Dato' Syahbandar Sungai Ujong", ya.

Pindaan kedua, Dato' Dipertua, menggantikan keseluruhan ayat di Bahagian I Perkara 6, tengok Perkara 6 tu Dato' Dipertua ya, ya, Perkara 6-nya ialah lambang, kita gantikan kepada perkataan baru "Lambang Rasmi Menteri Besar, Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Ahli Dewan Undangan Negeri Dan Setiausaha Politik", ke, Dato' Dipertua ya.

Yang ketiganya Dato' Dipertua, bukan nak meminda tapi menambah kerana ada, ada tertinggal Dato' Dipertua ya, tadi saya tengok. Yang, Jadual, Bahagian II – Gelaran, Dato' Dipertua ya. Nombor 5, ya, Bahagian II ya, Bahagian Gelaran ya. Yang nombor 5, Yang Teramat Mulia Dato' Johan Lela Perkasa, Dato' Johan Pahlawan Lela Perkasa "Setiawan" tinggal ya. Dia ada perkataan "Setiawan" tertinggal ya. Tambah perkataan "Setiawan", Undang Luak Johol dan Yang Mulia Tok Puan, ya. Tambah perkataan "Setiawan". Itu dia, Dato' Dipertua,

pindaan yang, yang, yang dibuat untuk Jadual Pertama ini, Dato' Dipertua, terima kasih.

Y.B. Pengerusi: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jadual Pertama ini telah dipinda pada tiga perkara tadi, sepertimana yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Rantau. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada apa-apa bantahan? Jika tiada Jadual Pertama ini sebagaimana yang dipinda, adalah menjadi sebahagian daripada rang undang-undang.

Setiausaha Dewan: Jadual Kedua.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada bantahan?

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, saya bangun untuk meminda jugak, ada pindaan Jadual Kedua ini. Mintak maaflah banyak pindaan Dato' Dipertua ya. Yang pertama, memasukkan perkataan "BAHAGIAN I" ya, sebelum ayat SENARAI DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT, Dato' Dipertua ya. Taghuk "Bahagian I" ya, sebelum ayat SENARAI DARJAH KEBESARAN, BINTANG DAN PINGAT ya, tambah ya, letak "Bahagian I".

Dan pindaan kedua ialah memasukkan ayat Bahagian II, ya, boleh, dapat ya? Memasukkan ayat "Bahagian II – Darjah Kebesaran, Lambang Kebesaran, Pingat, Lencana Dan Bintang Kebesaran yang dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Besar sebelum berkuatkuasanya enakmen ini." Kalau tidak nanti, banyak orang yang dulu dapat darjah, sekarang dah, dah tak ada lagi. Macam sekarang, dulu DPTJ ada kan, DPTJ, sekarang dah tak lagi, ditukar dengan DSTM. Nanti kalau orang tu guna DPTJ nanti kena tangkap. Macam saya, kalau saya tak tukar, saya SPNS, SPNS dah tak ada lagi sekarang. Sekarang dah tukar kepada SUNS. Nanti orang tangkap Menteri Besar, susah pulak nanti.

Jadi, untuk memastikan supaya penerima darjah, gelaran dan apa jua sebelum enakmen ini dikuatkuasakan, yang dulunya ada tapi kita telah pun, telah pun kita pinda, maka mengambil kira orang ataupun darjah kebesaran, lambang apa semua kan, bintang kebesaran yang dikurniakan oleh Yang di-Pertuan Besar sebelum berkuatkuasanya enakmen ini jugak diterima pakai ya, Dato' Dipertua ya. Kalau tidak nanti orang, orang akan, banyak kesilapfahaman kerana orang yang baru, yang tak tahu kebesaran Negeri Sembilan, haa dulu ada DSNS, sekarang dah jadi DPNS. Dulu DPTJ dah jadi DBNS, DSTM, macam-

macam ya. Jadi kita perlu pastikan supaya ianya jugak dalam ruang lingkup yang sama dan mereka ini tidak menjadi kesalahan. Masih lagi mengguna darjah kebesaran walaupun dah tak ada lagi, Dato' Dipertua ya, itu dua yang, pindaan yang saya kemukakan. Terima kasih.

Y.B. Pengerusi: Terima kasih. Kedua-dua pindaan ini juga akan diselaraskan kepada naskah Bahasa Inggeris. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Jadual Kedua ini telah dipinda sepertimana yang telah dibacakan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Rantau. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal Kedua ini sebagaimana yang dipinda, adalah menjadi sebahagian daripada undang, rang undang-undang.

Y.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan semula kepada Dewan.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan ini.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, kata "setuju". Yang tidak bersetuju, kata "tidak". Lebih suara bersetuju. Dewam, Dewan bersidang semula.

[Cokmar dinaikkan]

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Enakmen Kesalahan yang berhubungan dengan Lambang, Anugerah dan gelar, Gelaran (Negeri Sembilan) 2017 telah ditimbangkan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui dengan pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan ini.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli ber, ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju rang undang-undang ini dibacakan ba, bagi kali ketiga dan diluluskan, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Semua bersetuju, rang undang-undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Dewan: ENAKMEN KESALAHAN YANG BERHUBUNGAN DENGAN LAMBANG, ANUGERAH DAN GELARAN (NEGERI SEMBILAN) 2017. Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri."

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebentar lagi saya akan menangguhkan Dewan untuk berhenti rehat. Sebelum itu, dimaklumkan semua pertanyaan lisan yang tidak sempat dijawab akan diberikan jawapan secara bertulis. Seterusnya dijemput Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, petugas media dan semua hadirin ke Dewan Serbaguna, Wisma Negeri untuk jamuan tengah makan hari. Dewan akan di, akan bersidang pada pukul 3:00 petang.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1:40 petang]

[Dewan dimulakan semula pada jam 3:00 petang]

Setiausaha Dewan mengumumkan ketibaan Y.B. Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bismillahirrahmannirrahim. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Dewan disambung semula.

8.2 Rang Undang-Undang Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2017

Setiausaha Dewan: Rang Undang-Undang yang kedua. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

[Bacaan Kali Pertama]

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 dibacakan untuk kali pertama. Terima kasih.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986.

[Bacaan Kali Kedua]

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya mencadangkan satu rang undang-undang, supaya rang undang-undang ini dibacakan untuk kali kedua. Dato' Dipertua, sebelum saya mencadangkan bacaan Rang Undang-Undang Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2017 ini, izinkan saya memberikan penerangan ringkas mengenai tujuan dan sebab rang undang-undang ini dibentang dalam Dewan yang mulia ini.

Dato' Dipertua, industri berasaskan kayu merupakan salah satu industri yang menyumbang kepada pembangunan sektor ekonomi negeri. Industri ini juga merupakan salah satu daripada penyumbang kepada hasil negeri yang dikutip setiap tahun melalui fee Lesen dan Fee bagi mesin-mesin yang digunakan di mana-mana. Pada tahun 2017 saja melebihi 100 ribu telah pun dikutip daripada industri ini. Sehingga kini terdapat 103 buah industri berasaskan kayu yang dilesenkan di negeri ini terdiri daripada 36 buah industri memproses utama iaitu kilang papan dan kilang papan lapis, manakala 67 buah merupakan industri hiliran seperti kilang perabut, kumain, kilang kerja kayu, loji pengawetan dan lain-lain. Selain menyumbang kepada hasil negeri,

industri kayu ini juga turut menye, menyediakan banyak peluang-peluang pekerjaan, melebihi 1,000 peluang pekerjaan kepada rakyat di negeri ini, terutamanya kepada penduduk yang tinggal berhampiran dengan kawasan industri berkenaan.

Dato' Yang Dipertua, pengawal, pengawalseliaan industri berasas kayu di negeri ini adalah berpandukan kepada Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 dan Kaedah-Kaedah Berasas Kayu 1992. Semenjak ianya diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada 21 Mei 1987, Enakmen Industri Berasas Kayu di Negeri Sembilan ini masih belum dibuat sebarang pindaan walaupun terdapat keperluan seiring dengan perkembangan semasa, Dato' Dipertua. Banyak kaedah-kaedahnya Dato' Dipertua, dan jugak fasal-fasalnya yang perlu kita pinda untuk mencerminkan keadaan semasa. Dan terdapat jugak kekangan-kekangan terutamanya dari segi kompaun dan yang lain-lain perlu kita pinda Dato' Dipertua.

Sehubungan itu, Rang Undang-Undang Enakmen berasas, Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2017 ini dicadangkan bagi meminda beberapa peruntukan di dalam Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 yang bertujuan untuk memperkemaskan aspek perundangan bagi memantapkan lagi aktiviti penguatkuasaan dengan membanteras aktiviti haram dan kesalahan-kesalahan berkaitan industri berasaskan kayu.

Rang undang-undang ini berasaskan kepada cadangan Rang Undang-Undang Enakmen Industri Asas Kayu 1986 (Pindaan) 2009 yang telah dipersetujui oleh Majlis Perhutanan Negara Yang Ke-22 yang telah pun bersidang pada 24 November 2009 sebagai satu *model law*. *Model Law* ni maknanya Dato' Yang Dipertua, ialah dia digunakan secara *uniformity* dengan semua negeri, Dato' Yang Dipertua. Kerana sekarang ni banyak industri kayu ni berasaskan kepada enakmen negeri masing-masing. Tidak ada *uniformity*, dengan izin Dato' Dipertua, yang digunakan di peringkat seluruh negeri dalam negara kita. Sebagai satu *model law*, kepada Kerajaan Negeri untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu sedia ada di negeri masing-masing.

Dato' Dipertua, Rang Undang-Undang Enakmen Industri Berasas Kayu (Pindaan) 2017 ini juga melibatkan pindaan kepada beberapa peruntukan di dalam enakmen sedia ada yang meliputi perkara-perkara berikut. Yang pertama, memperuntukkan penalti dan hukuman yang lebih berat berbanding dengan penalti dan hukuman sedia ada. Pindaan ini bertujuan untuk meminda Seksyen 3(2a), 3(4), 17, 20, 21(3), 27 dan 28(i) dengan menambah penalti dan hukuman yang lebih berat ke atas kesalahan-kesalahan di bawah seksyen-seksyen tersebut.

Yang kedua, memperluaskan pembayaran deposit dan tambahan deposit bagi Lesen Industri Berasaskan Kayu. Pindaan ini bertujuan untuk memasukkan seksyen baru selepas Seksyen 6(1) berhubung pembayaran deposit dan deposit tambahan apabila deposit asal dilucut hak akibat denda yang tidak dibayar. Selalunya Dato' Yang Dipertua, dia bayar sekali deposit, masa dapat lesen dulu, tapi bila ada pelanggaran syarat, deposit ini akan dirampas oleh Jabatan Perhutanan. Dan bila dia dah dirampas, deposit dah tak ada. Tapi kita tidak ada peruntukan yang membenarkan dalam peruntukan undang-undang kita untuk memaksa mereka untuk mem, me, meletakkan deposit yang baru. Jadi peruntukan ini membenarkan Kerajaan Negeri, Dato' Dipertua, untuk pelesen tersebut apabila terdapatnya pelanggaran lesen, permit, depositnya di, dirampas dan mesti, mereka mesti meletakkan deposit yang baru ya.

Yang kedua, memasukkan peruntukan seksyen baru mengenai pembaharuan lesen. Pindaan ini hanya melibatkan tambahan kepada Seksyen 8 yang sedia ada – Tempoh Sesuatu lesen. Dengan memasukkan seksyen baru 8(a) bagi membolehkan Pengarah Perhutanan Negeri memperbaharui lesen bagi pihak, bagi Pihak Berkuasa Negeri tertakluk kepada arahan-arahan pesak berkuasa, Pihak Berkuasa Negeri dan mana-mana kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

Nombor empat Dato' Dipertua, memasukkan peruntukan seksyen baru mengenai kuasa kompaun bagi kesalahan kecil. Haa Dato' Dipertua, selalunya dulu tak ada kuasa, nak buat kompaun selalunya bawa mahkamah. Kadang-kadang belanja untuk bawa orang pergi ke mahkamah lagi tinggi Dato' Dipertua kan, belanja kita buat peguam apa semua sekali, dengan denda kadang-kadang didenda 300.00 ringgit, tak pulang modal. Jadi kita buat kuasa Dato' Dipertua, kita kompaun saja, tak payah kita bawa ke mahkamah. Tapi dulu kita tak ada kuasa kompaun. Jadi, yang ini kita masukkan peruntukan seksyen baru mengenai kuasa kompaun bagi kesalahan-kesalahan kecil. Pindaan ini Dato' Dipertua melibatkan tambahan seksyen baru yang dimasukkan selepas Seksyen 28 yang sedia ada. Pindaan ini akan memberi kuasa kepada Pengarah Perhutanan Negeri dengan izin Pendakwa Raya secara bertulis untuk menawarkan kompaun kepada kesalahan-kesalahan kecil yang dikenal pasti.

Dalam enakmen sedia ada, semua kesalahan termasuk kesalahan kecil seperti pelanggaran syarat lesen, perlu dibuat pendakwaan di mahkamah yang turut menyumbang kepada kelewatan penyelesaian kes di samping kos yang perlu ditanggung berbanding nilai penalti yang diperuntukkan. Seperti yang saya sebutkan tadi. Cadangan pindaan ini

boleh mempercepatkan proses penyelesaian kes di samping dapat mengurangkan bebanan mahkamah.

Yang kelima, mengemas kini Enakmen Industri Berasas Kayu 1986. Pindaan ini melibatkan pengemaskinian Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 secara keseluruhannya dari segi takrifan dan lain-lain lagi. Dato' Yang Dipertua, menurut Seksyen 3(1) indus, Akta Industri Asas Kayu, Akta 314, Badan Perundangan Negeri boleh dari masa ke semasa sebagaimana difikirkan perlu dan bersesuaian meminda dengan menambah atau memansuhkan mana-mana peruntukan di dalam Enakmen Industri Berasas Kayu bagi negeri masing-masing. Memandangkan Rang Undang-Undang Enakmen Industri asas Kayu (Pindaan) 2017 adalah menggunakan *model law*, yang telah dipersetujui oleh Majlis Perhutanan Negara, yang mana semua keputusan MPN disah dan diperakukan oleh Majlis Tanah Negara di bawah perlembagaan, maka adalah disyorkan supaya rang undang-undang ini diterima pakai dan seterusnya dilaksanakan secara rasminya di Negeri Sembilan.

Untuk makluman Dato' Yang Dipertua dan Dewan yang mulia ini, draf rang undang-undang ini telah disemak dan dikemas kini oleh pihak-pihak yang berkenaan dan mencerminkan kehendak-kehendak semasa. Dato' Yang Dipertua, pindaan Enakmen Industri asas Kayu 1986 sedia ada dijangka akan dapat menambah baik dan memantapkan aktiviti kawalan dan penguatkuasaan terhadap industri berasas kayu di negeri ini melalui peruntukan penalti dan hukuman yang lebih berat, memandangkan penalti dan hukuman di bawah enakmen sedia ada adalah rendah dan tidak relevan lagi. Melalui pindaan ini, membolehkan kesalahan-kesalahan kecil dapat diselesaikan dengan segera melalui kompauan yang mana akan mempercepatkan penyelesaian kes di samping dapat mengurangkan bebanan pendakwaan kes di mahkamah.

Sebagai kesimpulannya, rang undang-undang ini Dato' Dipertua, Rang Undang-Undang Enakmen Industri asas Kayu (Pindaan) 2017 ini adalah untuk memperkemas aspek perundangan sejajar dengan keperluan semasa bagi memantapkan lagi aktiviti penguatkuasaan di samping membanteras kewujudan kilang-kilang asas kayu yang haram yang tidak mematuhi peraturan secara prosedur perlesenan yang ditetapkan. Dato' Dipertua, begitulah penerangan ringkas mengenai Rang Undang-Undang Enakmen Industri Berasas Kayu 2017 ini, saya mencadangkan supaya rang undang-undang ini dibacakan untuk kali kedua. Terima kasih.

Y.B. ADUN Senaling: Saya menyokong cadangan itu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya kemukakan satu rang undang-undang untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 untuk perbahasan pada dasarnya sahaja.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya nak mengambil bahagian dalam perbahasan pindaan terhadap Enakmen Industri Berasas Kayu 1986 dan memberikan sedikit pandangan dan teguran.

Terlebih dahulu secara prinsipnya kita bersetuju bahawa undang-undang perlu diperketatkan, denda perlu dinaikkan kepada mana-mana syarikat ataupun individu yang melanggar syarat dalam industri berasas kayu ini terutamanya berkenaan dengan lesen pembalakan, penebangan hutan dan sebagainya.

Yang pertamanya, saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak Kerajaan Negeri, adakah enakmen ini juga merangkumi kepada mana-mana individu yang menebang pokok ataupun menebang hutan secara berleluasa walaupun di tanah persendirian. Seperti yang pernah kita bangkitkan kes di Bukit Tangga di Daerah Jelebu, umpamanya. Pada ketika itu Yang Amat Berhormat Menteri Besar kata bahawa Kerajaan Negeri tak boleh mengambil tindakan kerana ia berada dalam tanah persendirian. Tetapi adakah dalam semangat enakmen ini, penebangan yang berleluasa, adakah ia dapat kita bendung melalui peruntukan undang-undang supaya walaupun di tanah persendirian, tetapi apa-apa penebangan hutan ataupun penebangan pokok yang berleluasa itu perlu mendapat kelulusan ataupun kebenaran daripada Jabatan Perhutanan Negeri.

Yang keduanya Dato' Yang Dipertua, berkenaan dengan seksyen baru 8(a). Saya melihat di sini bahawa kuasa untuk memperbaharui lesen, ini diserahkan daripada Pihak Berkuasa Negeri kepada Pengarah Perhutanan Negeri. Saya nak mempersoalkan apakah rasional peruntukan baru ini, peruntukan seksyen ini kerana saya kurang bersetuju bahawa kuasa untuk memperbaharui lesen ini diserahkan kepada seorang iaitu Pengarah Perhutanan. Kita tahu bahawa industri berasaskan kayu ini adalah satu industri yang sensitif. Ia melibatkan pembalakan, melibatkan lesen-lesen penebangan dan pembukaan hutan. Jadi memang industri ini kita tahu bahawa ia terdedah kepada unsur-unsur penyalahgunaan dan sebagainya.

Jadi apakah lebih baik, apakah tidak lebih baik bahawa kalau permohonan ataupun kelulusan lesen dan pembaharuan lesen ini diluluskan oleh sebuah jawatankuasa bertindak ataupun sebuah jawatankuasa yang dapat menilai permohonan itu, dan kelulusan itu tidak boleh diberikan sewenang-wenangnya oleh mana-mana seorang pemegang jawatan. Tetapi melalui satu jawatankuasa. Ini dapat mengelakkan daripada sebarang unsur penyalahgunaan kuasa kerana kalau ada sesiapa yang nak menyalahgunakan kuasa ada sistem semak dan imbang dalam jawatankuasa itu untuk kita memastikan bahawa pembaharuan lesen itu mestilah tertakluk kepada syarat-syarat yang ketat dan sebagainya. Kalau mana-mana syarikat ataupun individu yang tidak mengikut syarat itu, maka lesen mereka tak bolehlah diperbaharui ataupun ditarik balik.

Dan seterusnya berkenaan dengan seksyen baru 28(a), saya juga berpendapat bahawa dalam seksyen 28(a)(2) ini, memberikan kuasa yang terlalu besar kepada Pengarah Perhutanan. Saya baca, Dato' Dipertua, dalam 28(a)(2), Pengarah boleh dengan keizinan, dengan keizinan pendakwa Raya secara bertulis menawarkan untuk mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah enakmen ini yang dilakukan oleh mana-mana orang dan yang ditetapkan sebagai kesalahan boleh kompaun oleh kaedah-kaedah yang dibuat di bawah enakmen ini dengan membuat satu tawaran bertulis kepada orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada pengarah suatu jumlah yang tidak melebihi 50% amaun maksimum denda bagi kesalahan itu dalam masa yang ditetapkan dalam tawaran itu.

Secara prinsipnya kita bersetuju, seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat tadi. Kalau dulu, enakmen ini tidak memberikan kuasa kepada pihak Pengarah Perhutanan ataupun pihak Kerajaan Negeri untuk mengkompaun mana-mana pesalah. Mungkin ada perkara kita lagi cepat selesai melalui kompaun. Tetapi jumlah kompaun itu, kalau mengikut ayat ini, pengarah ada kuasa untuk menawarkan kompaun serendah-rendahnya. Dia kata tidak melebihi 50%. Apakah kalau pengarah itu memberi, menawarkan kompaun 5%, katakan denda maksimum itu 10,000.00. Kalau kompaun 5%, hanya 500.00 ringgit. Ayat itu, adalah tidak melebihi, maksimum tidak melebihi 50% daripada amaun maksimum. Apakah tidak dalam, dalam seksyen ini sepatutnya ada satu kadar minimum. Ada satu minimum, *minimum rate*, kalau kesalahan trafik pun dia tak boleh sesuka hati dia, untuk kompaun, dia mesti ada satu *minimum rate*, katakan 100.00 ringgit ataupun 200.00 ringgit.

Jadi, dalam konteks ini, saya mencadangkan supaya dalam seksyen ini, perlunya supaya ayat yang tertulis ataupun dalam draf seksyen ini, sepatutnya berbunyi bahawa ada satu kadar minimum. Dia boleh tidak melebihi 50%, kita tahulah kalau melebihi 50% itu, orang yang, yang melakukan kesalahan itu dia pun tak mahu kompaun, dia mungkin nak pergi *argue* ataupun lawan kes itu di mahkamah. Tetapi tak melebihi 50% kita juga mesti ada satu, ada satu *floor rate* ada, ada satu kadar lantai. Takkanlah kuasa diberikan kepada Pengarah boleh sesuka hati menawarkan kompaun dalam sebarang kadar. Itu pandangan saya. Dan saya harap ini dapat apa ni, di, di, diperbaiki. Seksyen ini dapat diperbaiki supaya kita sama-sama mengharapkan bahawa yang pentingnya, walaupun kita ada undang-undang yang ketat, kita ada denda yang lebih tinggi, kita ada apa ni, hukuman yang lebih berat. Tetapi apa yang lebih pentingnya adalah pelaksanaan supaya menjaga bahawa industri berasaskan kayu ini dapat berfungsi dengan baik tanpa apa-apa penyalahgunaan kuasa ataupun unsur rasuah.

Jadi saya harap ini dapat diperbaiki dan dapat dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan Negeri. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Silakan jika ada lagi.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih. Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya, ada dua tiga perkara saya nak nyatakan di sini. Berkenaan dengan rang undang-undang ini, memang saya rasa perlu sebab Yang Amat Berhormat Rantau tadi menyatakan bahawa semenjak enakmen ini diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri pada tahun 1987. Dah 30 tahun. Jadi memang, kalau dulu 2000 tu mungkin nampak berat dan sebagainya. Selepas 30 tahun, dengan keadaan ekonomi dan pembangunan dan sebagainya, 2000 tu jadi macam suatu yang tidak mendatangkan kesan menakutkan kepada sesiapa yang, yang cuba untuk melakukan jenayah.

Cuma satu, cuma beberapa perkara sebab, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Chennah tadi yang saya ada perkara yang saya rasa kita perlu berikan perhatian. Berkenaan dengan pindaan Seksyen 6 yang memasukkan seksyen, subseksyen 1(a). Menurut draf di sini, Pihak Berkuasa Negeri boleh pada bila-bila masa yang difikirkan wajar olehnya menghendaki supaya pemegang lesen memberikan satu jaminan tambahan atau mendepositkan sejumlah wang tambahan atau mengadakan deposit baru bagi menggantikan deposit yang telah dibuat sebelumnya sebagaimana yang ditetapkan olehnya.

Saya percaya ini yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat tadi, ketika membentangkannya bahawa sekiranya deposit telah dilucutkan, telah di apa, dikontra untuk bayar denda dan sebagainya. Cuma saya harap ada satu *guide line*, ada satu ni, walaupun, sebab sini, izinkan saya, dia macam apa *open blanket*, sesuatu yang terbuka. Mungkin kita boleh tambah mengatakan bahawa sekiranya sesiapa yang ada, ataupun ada rekod, pernah apa, pemegang lesen tu pernah melakukan jenayah dan sebagainya, deposit yang dikenakan tu berbeza. Kalau orang yang kali pertama ataupun yang tak ada rekod, kita mungkin kenakan kadar yang *general*, yang biasa, yang umum. Sesiapa yang ada rekod terutama kalau ada rekod yang berulang, sepatutnya kalau ada yang apa, rekod yang berulang tu kita jangan bagi lesen, kita tamatkan saja ataupun mungkin sekali tu kita bagi gantikan deposit dan sebagainya. Sekurang-kurangnya ada *limit* di situ. Itu perkara pertama.

Perkara kedua, Dato' Yang Dipertua yang saya nampak adalah berkenaan dengan seksyen, penggantian seksyen 22, Pendakwaan. Daripada ayat yang digunapakai di situ, saya percaya dalam isu pendakwaan ataupun dalam prosiding di mahkamah, bukan sahaja Timbalan Pendakwa Raya yang akan membawa kes ke mahkamah, tetapi PO daripada jabatan sendiri. Saya nampak daripada ayat tu, mungkin PO, haa, pegawai pen, pendakwa daripada pihak agensi sendiri yang akan membawa kes tersebut. Jadi, saya mohon pengesahan sama ada PO dibenarkan atau tidak di bawah seksyen ini.

Seterusnya di bawah seksyen baru 28(a) yang dimasukkan ke dalam enakmen ini. Saya ingin merujuk kepada 28(a) sub 5, sub 5 iaitu subseksyen 28(a) yang terakhir. Kalau kita nampak, kalau kita nampak dibandingkan dengan subseksyen 2, pengarah boleh dengan keizinan pendakwa raya. Maknanya kompaun tu ditawarkan kepada sesiapa yang dikenakan ataupun melakukan kesalahan tersebut dengan izin daripada pendakwa raya. Tetapi di bawah subseksyen 5, pengarah boleh menggunakan budi bicara beliau. Saya nampak di sini ada berlaku percanggahan ataupun, ataupun perkataan yang lebih sesuai, ketidakserasian di antara subseksyen 2 dengan subseksyen 5. Sebab apa saya kata, tak serasi. Kalau di bawah subseksyen 2 tu, pengarah mahu tak mahu, dia terpaksa rujuk kepada pendakwa raya. Yang di bawah subseksyen 5, berkenaan dengan barang, apa-apa benda yang telah disita berkaitan dengan kesalahan itu, pengarah tidak perlu, tidak dikehendaki merujuk kepada pendakwa raya.

Saya bukan nak mempertikaikan kreadibiliti ataupun kebolehan Pengarah Perhutanan yang terlibat, sebab kalau dah di peringkat pengarah tu, yelah, dah memang dia punya apa, pengetahuan tu

memang ada. Cuma saya nak katakan di sini, ini berkaitan, ini kompaun ini, berkaitan dengan isu, isu undang-undang. Walaupun kalau kita menawarkan kompaun itu, belum lagi pesalah ataupun orang yang melakukan kesalahan tu dibawa, didakwa di mahkamah, tetapi sekiranya kompaun gagal dipenuhi ataupun dibayar, orang berkenaan akan dibawa ke mahkamah. Jadi isu-isu yang berkaitan dengan undang-undang, dia bukan setakat *pure administrative*, tetapi ber, berkaitan dengan *judicial*, terlibat di sini. Jadi saya rasa adalah lebih molek dan lebih sesuai untuk kepentingan bersama sekiranya perkataan “dengan izin pendakwa raya”, “dengan keizinan pendakwa raya” dapat dimasukkan ke dalam subseksyen 5 tersebut supaya penglibatan daripada pendakwa raya tersebut dapat dipertimbangkan oleh pihak pengarah. Jadi, itu saja pandangan daripada saya. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi yang nak berbahas?

Y.B. ADUN Seri Menanti: Bismillahirrahmannirrahim. Assalamualaikum w.b.t., Dato’ Yang Dipertua, sebelum itu saya mohon izin daripada Dato’ Yang Dipertua, sidang Dewan yang mulia ini untuk memberikan pandangan terutamanya daripada Kelab Penyokong Kerajaan berhubung dengan usaha pindaan ini. Berdasarkan penerangan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat, Yang Amat Berhormat Rantau tadi, jelas usaha pindaan ini bukanlah satu, sesuatu tindakan yang dibuat secara membuta tuli semata-mata sebaliknya berdasarkan kepada keperluan negeri dan rakyat jua. Perubahan zaman dengan perubahan pendekatan, suasana memerlukan jugak Kerajaan Negeri bersedia ya, dengan menyiapkan peraturan, undang-undang yang sentiasa relevan agar apa yang disebut ya, dalam adat kita iaitu “kok racun tu biarlah membunuh dan kalaulah ubek tu biarlah dia menyeronangkan”. Itu kata adat, Dato’ Yang Dipertua.

Dato’ Yang Dipertua, dalam erti kata Dato’ Yang Dipertua, undang-undang dan peraturan tu haruslah sentiasa mampu digunapakai merentasi zaman sesuai dengan keperluan ia di peringkat global. Seperti yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Rantau juga industri kayu di negeri dan negara ini juga sudah berubah dengan perubahan dunia, ia tentu mempengaruhi perkembangan industri di tanah air. Sementelahan pula, pandangan negara luar terutamanya badan-badan NGO asing, berpengaruh dalam hal dan perkara melibatkan pembalakan haram dan alam sekitar, soal pengambilan hasil hutan dan proses bersangkutan dengan industri ini sudah menjadi soal yang

kritikal. Ia bukan lagi soal dalaman sebuah negara, malahan boleh dijadikan isu antarabangsa.

Ternyata usaha dan kesungguhan kita, kerajaan yang memerintah ya, dalam mempersiapkan prasarana terbaik dalam pengurusan lestari hasil masyhur hutan kita termasuk industri hilirannya adalah sangat wajar. Komitmen ini pula termasuklah memperkemaskan aspek perundangan bagi memantapkan lagi kerja-kerja pelesenan, pemantauan dan penguatkuasaan terutamanya bagi membanteras aktiviti pembalakan haram dan kesalahan-kesalahan berkaitan dengan industri berasaskan kayu.

Dalam menjelaskan perkara-perkara ini, saya teringat pesan ternukil dalam kata-kata penuh bijaksana orang-orang dahulu, kata adatnya dalam merangka adatlah dulu-dulu ni, Dato' Yang Dipertua, dan peraturannya hendaklah memenuhi keperluan dirangka dan digubal, katanya, "kok nak memagar biarlah berpintu, kok nak mengopung biarlah berarahan". Ia membawa maksud undang-undang dan peraturan yang dibuat tu tidak perlu, tidak harus menjadi terlalu *rigid* atau terlalu umum sedangkan terlalu banyak laguna yang menjejaskan penguatkuasaan atau pendaulatannya.

Dato' Yang Dipertua, pindaan ini sangat perlu memandangkan Enakmen Industri Berasaskan Kayu ataupun EIBK yang sedia ada telah begitu lama dan tidak pernah disemak apa lagi dipinda untuk lebih 30 tahun. Jadi, enakmen-enakmen yang ada telah mula berkuatkuasa di negara ini sejak 1987, seperti yang disebutkan tadi. Memandangkan semua keputusan yang dipersetujui di peringkat MPN telah disahkan dan diperakui oleh Majlis Tanah Negara, ataupun MPN maka wajarlah cadangan pindaan rang undang-undang diluluskan di Dewan yang mulia ini diterima pakai dan seterusnya boleh dilaksanakan secara rasminya di negeri ini, ya. Malahan ya, ada empat lima buah negeri lagi ya, termasuklah Perak, Kelantan, Terengganu, Pahang, Selangor telah pun menggunapakai ya, enakmen ini.

Saya difahamkan terdapat lima perkara pindaan ini. Satu, penalti dan hukuman yang lebih berat, memperluaskan pembayaran deposit dan tambahan bayaran deposit, lesen industri yang berasaskan kayu ataupun yang lain tu telah disebut tadi ya, termasuklah peruntukan seksyen mengenal, mengenai hal-hal berkaitan dengan pembaharuan lesen dan jugak bidang kuasa kompaun bagi kesalahan kecil juga Enakmen Industri Berasas Kayu 1996.

Saya berpandangan terdapat tiga kesan positif utama yang boleh terhasil dari pindaan ini. Satunya dijangka dapat melengkapkan dan

memantapkan lagi rujukan punca kuasa Pihak Berkuasa Negeri dalam mentadbir urusan pelesenan industri berasaskan kayu dan kayu, yang membantu pihak perhutanan negeri dalam menguruskan berkaitan dengan pelesenan. Di samping itu, pindaan ini jugak menaikkan kadar penalti dan denda ke atas beberapa seksyen berkaitan kesalahan dan pelanggaran syarat dan undang-undang terutamanya kesalahan yang menjalankan operasi industri berasaskan kayuan mampu mengatasi masalah dan isu kilang haram di negara ini. Hukuman yang berat wajar ya, kita laksanakan. Penurunan kuasa kepada Pengarah seperti yang, yang disebut tadi ya, dengan syarat ya, setelah mendapat keizinan bertulis daripada pendakwa raya untuk menawarkan kompaun dan kesalahan-kesalahan kecil.

Dan di samping itu, kita mengharapkan pindaan yang dicadang ini mampu memberi ruang, ruang dan bidang kuasa yang secukupnya kepada Pihak Berkuasa Negeri dan Jabatan Perhutanan Negeri dalam menambah baik serta memantapkan lagi aktiviti pengurusan kawalan dan penguatkuasaan pelesenan industri berasaskan kayu. Pindaan enakmen, enakmen industri perkemaskan dengan menambahkan dan semakan terkini diharap mampu untuk membanteras kewujudan ya, industri ataupun kilang-kilang haram ataupun industri yang berasaskan kayu haram yang sememangnya menimbulkan pelagai isu dan masalah ya, kepada negeri, rakyat dan seterusnya kepada negara kita.

Ya, yang lain-lainnya mendepani cabaran-cabaran yang saya kira di Dewan yang mulia ini, harus ya, memusatkan usaha dan tenaga kita selaras dengan tugas tanggungjawab kita di bawah jalur perundangan kita sendiri untuk menyediakan peraturan dan undang-undang selaras dengan nasihat orang tua kita kata ya, orang tua kita dahulu, racun yang boleh membunuh dan ubat yang sangat mujarab dan menyembuhkan. Dato' Yang pertua, Yang Dipertua, saya menyokong pindaan yang telah dibentangkan tadi. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi?

Y.B. ADUN Linggi: Dato' Yang Dipertua, saya cuma nak mengulas dua, dua perkara yang dibangkitkan oleh Chennah dan Kepayang tadi. Pertamanya berkenaan dengan kompaun yang nak meletakkan *floor* ataupun minimum. Saya rasa ini tidak sesuai kerana dalam akta, kalau kes ini dibicarakan dalam mahkamah, hukuman dia tak ada minimum, dia terus maksimum berapa ada. Jadi kalau kita benarkan kompaun, kompaun ini umpama orang yang menerima kompaun ni dia mengaku

salah, ya. Jadi secara umumnya mengaku salah ni sepatutnya hukumannya ni dikurangkan daripada, kalau kita pergi *full trial*. Jadi pada saya kalau dalam akta kita dia tak ada hukuman minimum dalam seksyen yang di, di, di, dituduh itu, masa kalau, masa kompaun pulak kita nak letak minimum dia tak bertepatan. Itu satu.

Yang keduanya, dalam kes ini pun, kompaun ini perlu mendapat izin daripada pendakwa raya. Kalau kes ni pergi mahkamah, yang akan memohon hukuman yang perlu dikenakan kepada tertuduh adalah pendakwa raya. Jadi, saya rasa proses tu sudah tentunya akan diambil kira semasa kita nak memberikan kelulusan, semasa pendakwa raya nak memberi keizinan, sudah diambil kira. Jadi kompaun itu saya rasa tidak, tidak bertepatan kalau kita kenakan minimum. Itu, satu.

Yang keduanya, berkenaan dengan sita yang dibangkitkan oleh Kepayang tadi, saya rasa *rules of interpretation* kita kena tengok. Kuasa untuk menyita ni adakah kuasa yang dikhaskan oleh pengarah ataupun pada peringkat awal sekali, memang dah ada kuasa mendapat keizinan daripada pendakwa raya. Jadi kalau peringkat awal kuasa ni memang terletak pada pengarah, sekali lagi dia tidak wajar untuk melepaskan penyitaan itu perlu merujuk kepada pendakwa raya. Itu saja Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi?

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, terima kasih di atas perbincangan rang undang-undang yang dibentangkan, pindaan kepada Rang Undang-Undang Industri Berasaskan Kayu 1987. Beberapa pandangan telah pun diutarakan dan jugak cadangan-cadangan.

Sebenarnya Dato' Rahman, ADUN Linggi dah jawab semua dah ya. Saya nak jawab perkara yang sama, ya. Tapi Dato' Dipertua, berkenaan apa pandangan daripada Chennah berkenaan tanah persendirian tadi, di bawah kanun tanah, Akta Kanun Tanah Negara, Dato' Dipertua, tanah persendirian kita tak ada kuasa. Tuan punya tanah mempunyai kuasa apa saja di atas tanahnya tetapi mereka tidak boleh mengeluarkan, membawak keluar daripada tanah masing-masing. Kalau dia nak terbang, dia boleh terbang. Tapi dia nak dikeluarkan, ataupun mengalihkan, ataupun menjual kepada pihak ketiga, keluar daripada kawasan dia tu, dia perlukan kebenaran di bawah Akta Perhutanan Negara ya.

So, ada dua akta di sini yang berkuatkuasa. Di bawah Kanun Tanah Negara, orang punya kuasa di atas tanah dia sendiri. Dia nak buat apa, dia nak cangkul tanah dia ke, dia nak korek tanah dia ke. Tetapi ada pulak akta lain, kalau dia nak korek, dia nak buat perlombongan, dia kena pulak nanti timbus selepas dia buat perlombongan. Itu di bawah Akta Perlombongan dan macam-macam lagi ya. So, kita kena faham, kita tak boleh katakan besok pagi ada orang tanahnya tiga ekar, dia nak tebang semua pokok kelapa sawit dia, ataupun dia nak tebang pokok hutan dalam tanah dia. Dia, kita tak boleh, kita tak boleh persalahkan dia di bawah mana-mana enakmen ataupun di bawah akta mana-mana. Tetapi jika dia nak jual kayu dia, dia perlu dapat lesen. Jika dia nak alihkan kayu tu ke kawasan lain pun, dia kena dapat lesen Dato' Dipertua. Jadi itu penerangan, yang, yang, semua kita patut faham ya, Dato' Dipertua ya. Tanah persendirian ya.

Lepas tu kelulusan memperbahauri permit oleh pengarah hutan, perlu, ini selalunya di Negeri Sembilan, Dato' Yang Dipertua, kita ada jawatankuasa perhutanan, semuanya di bawah jawatankuasa perhutanan. Tetapi bila kita membuat sesuatu enakmen, membuat satu arahan tu, kita panggil pengarah-lah Dato' Dipertua. Sebenarnya pengarah menjadi sebagai setiausaha kepada jawatankuasa tersebut. Tadi, dikatakan jika mereka melanggar permit, melanggar peraturan, selalunya Dato' Yang Dipertua, kita akan mengambil maklum sebelum permit diperbaharui. Misalnya dia permit pasir ke apa misalnya, kalau tiga empat kali langgar, kita tak akan perbaharui permitnya. Haa ini ada jawatankuasa Dato' Dipertua.

Dan, tawaran kompuan *not more 50%*, tadi dah sebut. Kita tak mahu menjadi sebagai mahkamah, Dato' Dipertua, ya. Kita bukan mahkamah. Jadi kalau kita letakkan dia punya *floor limit* dia ya, misal kata 30%, orang kata lebih baik dia pergi mahkamah. Boleh jadi dia akan tawaran lebih rendah daripada mahkamah, Dato' Dipertua ya. Jadi, kita menggunakan budi bicara di sana. Dan dalam peruntukan nak kita buat, kita mesti ada minima. Kita minima kita ada.

Yang keduanya tadi, Seksyen 22, subseksyen 2 dan subseksyen 5 tu dia kata *contradict to each other*. Sebenarnya kalau kita di, kalau kita baca *in English especially*, Dato' Dipertua, lebih terang, lebih jelas ya. Bahawa kuasa tersebut, nombor satu Dato' Dipertua, subseksyen 28, subseksyen 2 tersebut Dato' Dipertua ialah berkenaan dengan pendakwaan. Pendakwaan ya. Dibaca pulak subseksyen 5 itu berkenaan dengan pelucutan hak ya. Hak barang kes dan macam-macam lagi. Jadi, dua perkara yang berbeza Dato' Dipertua. Dan ianya mesti dibaca dengan lebih jelas supaya kita dapat membezakan subseksyen-subseksyen yang disebut supaya ia, kita jelas supaya dia

tidak dilihat sebagai bercanggah di antara satu sama lain. Ini perlu Dato' Dipertua, kerana banyak pelanggaran Dato' Dipertua.

Dan enakmen sedia ada, undang-undang sedia ada Dato' Dipertua, amat mengekang penguatkuasaan. Amat mengekang jabatan Dato' Dipertua, untuk mem, menguatkuasakan undang-undang kerana keadaan semasa, Dato' Dipertua, dulu dia kata kita tangkap boleh tangkap, kalau bawa log keluar daripada hutan, sekarang dia bawa mesin memproses, dia terus potong jadi papan keluar daripada hutan, macam mana kita nak tangkap. Di bawah enakmen apa, di bawah kaedah apa? Jadi, macam-macam yang perlu kita buat, kita lihat. Orang semakin lama makin pandai Dato' Dipertua. Dulu gergaji papan tu besar, susah nak dibawa. Sekarang dia bawa, gergaji dia kecil saja, dia bawa dalam hutan, dia potong kayu, dia terus jadi papan, dia bawa terus dalam lori papan. Nak buat macam mana? Apa kaedah yang ada dalam peruntukan enakmen kita? Tak ada.

Jadi, ini yang perlu kita perkasakan kaedah dan enakmen yang ada, yang mana dulu enakmen sedia ada yang nak kita pinda sekarang ni Dato' Dipertua, memperkasakan lagi dan membolehkan penguatkuasaan lebih berkesan, Dato' Dipertua ya. Jadi, banyak jugak kes-kes yang bertangguh, melambak-lambak Dato' Dipertua. Dan, akhirnya Dato' Dipertua, orang curi kayu, kayu Dato' Dipertua, kayu yang berharga, kayu balau dan kayu, yang berharga, satu log dia tu kira dia kira satu tan sampai 5,000.00. Sekarang ni harga kayu lebih mahal, satu tan kayu Dato' Yang Dipertua sampai 10,000.00. Tapi bila denda, kena 2,500.00. Jadi, ini kadang-kadang melemahkan semangat anggota penguatkuasaan kita, jabatan kita.

Jadi kita buat supaya dinaikkan dia punya kompaun, lebih tinggi lagi, kerana denda yang dikenakan, penalti yang dikenakan oleh mahkamah tak sampai setengah log punya apa, tapi dia dah keluarkan banyak ya. Satu lori tu kadang-kadang sampai lima, lima batang balak Dato' Dipertua. Ini yang kita nak buat, supaya orang lebih lagi rasa terkesan jika mereka ni ditangkap dan merasa takut bahawa dendanya seperti yang kita buat tadi, dalam kita punya enakmen baru, Dato' Yang Dipertua, darjah kebesaran, gelaran dan anugerah tadi, lebih berkesan dan lebih tinggi dia punya apa.

Jadi, terima kasih kepada semua yang telah pun membahaskan rang undang-undang enakmen pindaan Dato' Yang Dipertua, kita industri berasaskan kayu 2017. Demi untuk kita lihat supaya industri ini yang sentiasa memberikan banyak pulangan hasil kepada Kerajaan Negeri, dapat kita teruskan dan yang paling penting sekali ialah sumber hasil hutan kita dapat kita jaga dengan baik. Banyak orang curi, Dato' Yang

Dipertua, orang curi hasil hutan kita, kita tak ada nak buat apa-apa. Jadi, itu saja penerangan saya, penerangan ringkas.

Dan Kepayang cakap tadi, ada PO (Prosiding Officer), sekarang ini pendakwaan semua dibawak oleh DPP ya, *unless* diperturunkan kuasa. Semua pendakwaan dibuat oleh DPP, melainkan DPP menurunkan kuasa kepada PO. *So there's*, tak ada isu kata PO, apa semula lagi, daripada jabatan. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Rang undang-undang ini telah dibahas dan dijawab. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju rang undang-undang ini dibacakan bagi kali kedua, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang Berkecuali? Lebih bersetuju. Rang undang-undang ini dibacakan bagi kali kedua.

[Keputusan undian: semua ahli Yang Berhormat di pihak kerajaan – bersetuju manakala semua ahli Yang Berhormat di pihak pembangkang – berkecuali]

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Industri Berasas Kayu 1986.

[Bacaan Kali Ketiga]

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya mencadangkan supaya Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini dipertimbangkan sefasal demi sefasal. Terima kasih.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini dipertimbangkan sefasal demi sefasal, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang secara jawatankuasa.

[Keputusan undian: semua ahli Yang Berhormat di pihak kerajaan – bersetuju manakala semua ahli Yang Berhormat di pihak pembangkang – berkecuali]

[Cokmar diturunkan]

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Setiausaha Dewan: Fasal 1.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 2.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 2 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 3.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 3 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 4.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 4 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 5.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 5 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 6.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 6 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 7.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 7 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 8.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 8 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 9.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 9 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 10.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 10 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 11.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 11 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 12.

Y.B. Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 12 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Y.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini yang telah pun dibahaskan dan dipertimbangkan sefasal demi sefasal dikemukakan semula kepada Dewan.

Y.B. ADUN Senaling: Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, rang undang-undang ini dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, kata "setuju". Yang tidak bersetuju, kata "tidak". Lebih suara bersetuju, Dewan bersidang semula.

[Cokmar dinaikkan]

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun ca, menyatakan bahawa rang undang-undang perhutanan yang telah ditimbangan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui tanpa pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan untuk kali ketiga dan diluluskan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan, sila angkat tangan. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali?

Lebih bersetuju. Rang undang-undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

[Keputusan undian: semua ahli Yang Berhormat di pihak kerajaan – bersetuju manakala semua ahli Yang Berhormat di pihak pembangkang – berkecuali]

Setiausaha Dewan: ENAKMEN INDUSTRI BERASAS KAYU (PINDAAN) 2017. Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri.

9. PENANGGUHAN MESYUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara sembilan, Penangguhan Mesyuarat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya mesyuarat ditangguhkan dengan ucapan banyak terima kasih kepada semua ahli Dewan yang telah pun bersama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan terutamanya di dalam pembentangan enakmen, rang undang-undang dan jugak pindaan enakmen kayu, berasaskan kayu 1987 dan jugak 2017. Dan ucapan terima kasih jugak kita ucapkan kepada Dato' Dipertua kerana telah dapat mengendalikan mesyuarat dengan jayanya. Terima kasih.

Y.B. ADUN Serting: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong cadangan ini.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan untuk menangguhkan persidangan Dewan telah pun dibuat dan mendapat sokongan. Sementara itu saya ada menerima enam permohonan daripada ahli Yang Berhormat untuk membuat Ucapan Penangguhan bagi persidangan kali ini.

Walau bagaimanapun, permohonan daripada Yang Berhormat ADUN Bukit Kepayang, Yang Berhormat ADUN Chuah dan Yang Berhormat Bahau terpaksa ditolak mengikut Peraturan 29(1)(a) – Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap Bagi Dewan Perhimpunan Undangan Negeri Sembilan. Walau bagaimanapun, bagi ADUN Bahau,

atas kerana janji Yang Dipertua kepada ADUN Bahau, maka saya membenarkan ADUN Bahau untuk membuat ucapan penangguhan. Di samping itu ada lagi tiga ADUN yang akan berbahas iaitu ADUN Senawang, ADUN Johol dan ADUN Paroi. Setelah diteliti, ADUN Senawang pada, telah, ingin membawa isu masalah peneroka Gatco. Maka bagi Peraturan Berbahas 21(1)(g), tidak boleh disebutkan apa-apa perkara yang sedang dalam timbangan mahkamah. Dan saya difahamkan bahawa perkara Gatco ini sedang dimasukkan ke Mahkamah Rayuan, yang akan ber, bersidang pada 14 haribulan 9, 2017. Maka, dengan itu saya persilakan ADUN Bahau. Saya bagi 10 minit ya.

Y.B. ADUN Bahau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, masih ingat janji tu. Dato' Dipertua, menurut pelan rancangan *structure* Negeri Sembilan yang 2045, yang masa kini ini, di Negeri Sembilan ada se, sebanyak 349 sekolah rendah dan 124 unit sekolah menengah. Dan dalam tempoh 30 tahun, yang akan datang tu, dalam Rancangan Struktur Negeri Sembilan tu, dia merancangkan supaya akan membina 402 unit sekolah rendah dan sebanyak 190 unit sekolah menengah. So, ini menggambarkan bahawa Kerajaan Negeri amat utamakan pendidikan di Negeri Sembilan. Ini kami sokonglah kerana Barisan Nasional memang menyokong tu pendidikan.

Tapi kami membuat, memohon penjelasan kerana di dalam 349 cadangan tu, untuk sekolah rendah, kami nak tahu berapa unit sekolah kebangsaan, sekolah agama atau sekolah Tamil atau Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Kerana tanpa kejelasan bila, kerana macam MB, yang dihormat tu, Yang Berhormat tu, dia seimbang utamakan pendidikan semua kaum. Tapi jikalau tak ada penjelasan, yang rancangan tiga tahun ni, berapa unit sekolah Tamil atau sekolah Cina tu, dia akan menjadikan masalah. Kalau kebangsaan dia memang tak ada masalah, dia akan pegawai atau jabatan tu akan mengikut keperluan untuk membina. Tapi, tapi utamanya seperti kes di IOI. IOI itu kebanyakan pembeli adalah orang Cina, lebih kurang 80% yang satu, suarakan di Dewan yang mulia ini. Tapi, tapi jabatan tak ada *allocate*, dengan izinnya, tak ada ikut keperluan mencadangkan membina sekolah Cina. Sampai hari ni pun belum dijayakan walaupun ADUN Rantau, MB yang dihormati tu, cakap akan lihat tapi tak tahu lihat sampai mana. PRU pun akan datang, kami harap kerajaan yang seimbang menjaga pendidikan yang utamanya semua kaum, semua kaum mesti diutamakan.

Tapi kami banggalah dan syabas, kerana hari tu di *by-pass*, majlis *by-pass* tu, MB dari Rantau pun, pun mintak tu *tawkey* korporat itu memberi bantuan sebanyak 3 juta untuk sekolah Tamil. 3 juta untuk

sekolah Tamil. Ini syabas kerana men, menunjukkan bahawa, bahawa MB itu kasi bantuan penuh bagi pendidikan Tamil. Tapi jaya tak jaya tak tahulah. Tak tahu ni Tan Sri, dia walaupun MB memintak di satu majlis yang kemuka tu, tapi Tan Sri tak bagi tak tahu lagi. Tapi harap dia ada 80% lah.

So, Dato' Dipertua, di sini saya berharap kerana IOI itu, dia sebanyak 16 ekar tanah. Tapi rizab ni, lima ekar sudah pergi ke Sekolah Tamil, masih tinggal 11 ekar lagi. So di, di Dewan mulia ini kami memohon sekali lagi, memohon dengan ikhlas sekali supaya Kerajaan Negeri meruntukkan atau tanah untuk sekolah Cina kerana masa yang lepas, satu minggu yang lepas, masyarakat di Bahau tu mereka buat satu *meeting* pun memohon, memohon Kerajaan Negeri supaya merizabkan tanah itu untuk sekolah Cina. So mereka memang nak memohon saya di Dewan yang mulia ini memohon kerajaan ni, metimbang lagi. Walaupun itu keputusan dari Pusat, pusat kerajaan tapi, tapi sebagai kerajaan tempatan atau Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab mesti sekurang-kurangnya cadangkan supaya tanah yang rizab ni untuk sekolah Cina.

Dato' Yang Pertua, untuk perkembangan Rancangan Tempatan Daerah Jempol, kami bersyabas bahawa kami dapat ni, Rancangan Tempatan Daerah Jempol 2002 hingga 2015 pun ada dirancang dalam tahun lepas, tapi saya nak mohon, buat, dapat jelaskan tu apa, apa pencapaian [pencapaian], apa pencapaian [pencapaian] dari rancangan ni. Lagipun kami mengharap adalah rancangan seterusnya. Jikalau ada, tahnilah. Jikalau tak ada, kami cadangkan sekurang-kurangnya mesti bersambung dengan rancangan *structure* Negeri Sembilan 2045. Ini utama. Di rancangan tempatan Daerah Jempol ni, kami nampak, dia ini dengan rancangan yang sepenuhnya, macam idea konsep pembangunan Daerah Jempol, wawasan dan strategi pembangunan Daerah Jempol maju menjelang tahun 2000-2000. Strategi mempertingkatkan sektor ekonomi dan pekerja. Tapi kami nak tahu tu, sepanjang tahun ni, pekerja ada tambah ke, peluang pekerja ada tambah ke. Ini utama. Walaupun ini ada satu rancangan, tapi kami sangat harap

Y.A.B. ADUN Rantau: Mohon mencelah Dato' Yang Dipertua. Mohon mencelah sikit.

Y.B. ADUN Bahau: Okay.

Y.A.B. ADUN Rantau: Mohon mencilah sikit sebab saya nak catitkan sikit, sebab saya nak jawab macam mana. Tahun 2000 – 2000 tu tahun apa?

Y.B. ADUN Bahau: Bukan, dia ini, dia menjelang tahun 2000 – 2000.

Y.B. Ahli Dewan: 2020.

Y.B. ADUN Bahau: Oh, *sorry*, tahun 2020. *Sorry, sorry, sorry*, dengan izinnya. Dato' Yang Dipertua, memang nampak ni Rancangan Tempatan Daerah Jempol ni, dia sempurna. Lagi pun tadi yang cakap tu, pekerja, tanaman, komersial dan sumber makanan. Strategi pengukuhan aktiviti pertanian dan sumber makanan, dan strategi pengukuhan aktiviti perindustrian, haa, tapi kami nak tahu tu. Sepanjang yang tahun lepas ini, berapa yang dicapainya. Kami nak mohon jelas, penjelasan dari Kerajaan Tempatan. Ini utama kerana jangan dalam *paper* saja, dalam *paper* saja. Saya mengharap ni betul-betul manfaat, dapat manfaat kepada semua rakyat utama di Daerah Jempol.

Dato' Yang Dipertua, strategi pengukuh aktiviti pelancong jugak, pembangunan dan tarikan pelancong, kami pun nak sini bersuarakan bahawa masyarakat Cina tu dengan izinnya, dia nama tu Fo Ghuang Shan, dia ada mencadangkan satu tokong yang besar di Daerah Jempol, Pekan Bahau. Tapi sampai sekarang ini saya sudah tak dilantik pun lebih kurang li, lebih empat tahun. Tapi projek ini, selepas ditolak, sampai sekarang pun tak ada sebarang perkembangan yang baru. Kami harapkan, kami harap dengan projek menarik pelancongan yang, jangan kirakan agama ke atau pelancongan yang lain, semua diutamakan akan memajukan pelancongan sama-sama.

Dato' Yang Dipertua, strategi meningkat kualiti hidup masyarakat memang ada dalam Rancangan Tempatan Daerah Jempol ni. Tahap kemudahan sampaian, ini utama. Tapi yang sejak tahun ini, kami nampak walaupun Bahau nampak tak ada kesesatan, tapi dari Seremban sampai Daerah Jempol, melalui Kuala Pilah masih menghadapi kesesatan jalan raya

Y.B. Ahli Dewan: Kesesakan.

Y.B. ADUN Bahau: Kesesakan jalan raya. Terima kasih untuk kemukakan saya. Tapi saya harap ni, walaupun di rancangan *structure* Negeri Sembilan yang 2045 tu, dia ada satu jalan baru, kami mengharap jalan yang baru ni boleh dapat dijalan dengan licin sekali.

Lagi pun perumahan dan kemudahan, perumahan dan kemudahan macam DUN Rantau yang diucap pagi tadi, perumahan *Type A* amat diperlu di semua kawasan khasnya di Jempol kerana tahun lepas kami pun sudah tau, bila Jabatan Perumahan membuat pendaftaran perumahan, yang memohon *Type A*, harga di bawah 80,000.00 itu, seramai 40,000 orang. Lepas disiasat tu 2,000 lebih berlayak untuk memohon. Tapi IOI hanya 110 unit saja. So, kami harap bukan rumah mampu bayar, bukan hanya B atau C, utama sekali untuk ke, pendapatan yang rendah atau pendapatan yang sederhana tu, mereka berminat atau mampu membeli *Type A*. So, kami berharap, berharap kerajaan metimbang atau mengutamakan *Type A*, *Type A*. Utama di Jempol, tak kira di Bahau, Serting, Palong atau Jeram Padang, kebanyakan penduduk sana pendapatan mereka adalah di kategori rendah dan sederhana. Kemampuan untuk rumah mampu milik *Type A* amat di, amat di, dihendaki oleh semua rakyat termasuk orang Melayu, orang Cina dan orang India.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa dapat tamat.

Y.B. ADUN Bahau: Okay, *last* sekali. Kami pun mengucapkan terima kasih, syabas dengan DO sebagai ni, pemimpin di Daerah Jempol. Tapi saluran-saluran aduan tu, kami pun tahniah bahawa Facebook pun diterima. Tapi Facebook diterima dengan bergambar tu nampak mencekap sekali. Tapi kami haraplah, harap tak dapat, dapat balasan, dapat diselesai dengan simbang. Jangan cakap ni, aduan dari pembangkang dan dilambatkan. Atau aduan dari Barisan Nasional dicepatkan. Harap sama-sama diutamakan. Itulah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, saya mintak Yang Berhormat daripada Bahau tarik baliklah ya. Jangan kita dalam kerajaan ni kita bukan kira aduan daripada pembangkang ke, aduan daripada pihak mana-mana. Aduan daripada rakyat kita segerakan, Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Bahau: Saya belum habiskan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tidak pernah Dato' Dipertua, dalam usaha untuk kita mensejahterakan rakyat, kita memilih siapa Dato' Dipertua. Kalau begitu, Dato' Yang Dipertua, banyak orang yang tak dapat, terutamanya di bandar tuan-tuan, Dato' Dipertua, jadi saya harap jangan menggunakan perkara begitu kerana

Y.B. ADUN Bahau: Saya belum habis.

Y.A.B. ADUN Rantau: kerajaan memberikan bantuan dan menyelesaikan masalah rakyat tidak berasaskan kepada parti ataupun fahaman ideologi politik Dato' Dipertua. Terima kasih.

Y.B. ADUN Bahau: Yang Dipertua, saya belum habis. Saya nak sambungkan. Bahawa saya dah cakap, Majlis Daerah Jempol adalah *improve a lot*, dengan izinnnya, *compare* berbanding dengan tahun lepas, memang ada kes macam ni. Tapi yang sekarang tu, Majlis Daerah dia menyelesaikan masalah-masalah adalah meningkatkan, meningkatkan. Ini amat dibanggakan. Ini amat dibanggakan. Tapi saya di sini bersuara, menasihati bahawa pegawai-pegawai selain yang makan cili, tak, berasa pedas tu, dia jangan ulang lagi. Jangan dipertandingkan oleh parti-parti yang tertentu, khasnya MCA. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua. Saya harap supaya ADUN Bahau bangun semula dan tarik balik ya, perkataan dimainkan siapa terutamanya ada nama parti disebutkan tadi kerana parti tersebut tidak ada di sini, Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Bahau: Saya tarik balik perkataan yang di, yang main tu, tapi saya ulang lagi. Pegawai

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Tarik balik Yang Berhormat, senang.

Y.B. ADUN Bahau: Okay, okay, saya tarik balik. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya nak ulang, tarik balik perkataan pegawai, cili padi, cili pedas, MCA, BN, apa lagi, itu semua tarik balik

potong daripada kita punya *hansard*. Seterusnya, saya persilakan, oh saya ada terima ni, ADUN Johol tarik diri, terima kasih. ADUN Paroi? Silakan. Oh, tarik diri?

Y.B. ADUN Paroi: Saya tarik diri, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Seterusnya, saya mintak pada pihak kerajaan jika ingin menjawab.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, terutamanya saya ucapkan banyak terima kasih kerana kita dalam segmen ucapan penangguhan dan kita telah mendengar tadi disebabkan oleh beberapa perkara terutamanya permohonan daripada ADUN Senawang untuk membahaskan usul penangguhannya berkenaan dengan perkara yang masih lagi didengar oleh mahkamah. Jadi kita, Dewan yang mulia ini di bawah peraturan yang telah pun ada, tidak boleh kita membahaskan sesuatu yang sedang dibicarakan di mahkamah. Dia akan menjadi subjudis kepada proses mahkamah tersebut.

Berkenaan dengan banyak perkara. Pagi tadi, Dato' Yang Dipertua, saya nak perbetul, perjelaskan bukan perbetulkan ya, apa yang saya sebut pagi tadi, semasa saya menjawab soalan lisan berkenaan dengan Dasar Jaringan Keselamatan Sosial daripada Juasseh. Saya ada mengatakan bahawa kita telah pun, kerajaan telah pun mengkaji dan menaikkan paras garis kemiskinan kepada mereka yang layak dipertimbangkan, Dato' Yang Dipertua, untuk mendapat bantuan. Pada 2004 dia cuma 300.00 ringgit tetapi sekarang telah pun dinaikkan.

PGK (Paras Garis Kemiskinan), Dato' Dipertua, di Negeri Sembilan yang telah pun kita buat, kerajaan buat pada tahun 2014 ialah PGK yang baru iaitu untuk miskin tegar adalah sebanyak 580.00 ringgit, Dato' Dipertua, paras pendapatan, sama ada di bandar ataupun di luar bandar. Tetapi kepada paras kemiskinan untuk miskin, kategori miskin, Dato' Dipertua, dia ada dua kategori, satu bandar sebanyak 940.00 ringgit dan yang untuk luar bandar, kampung sebanyak 870.00. Saya kata tadi 900.00 secara puratanyalah senang. Tapi untuk dispesifik kerana saya tak mahu nanti saya dituduh berbohong, pulak nanti saya kena denda. Saya nak bagitahu yang, angka yang betul, Dato' Dipertua. Untuk miskin tegar, paras kemiskinan, garis kemiskinan ialah 580.00, bandar dan luar bandar. Untuk kemiskinan, bandar 980.00 dan di luar bandar 870.00. Itu paras yang biasa ya. Dan

perkapitanya 140 dan 130.00 bagi miskin tegar. Jadi, Dato' Dipertua, saya betulkan balik *statement* saya pagi tadi.

Tentang penanguhan Dato' Dipertua, saya ucap banyak terima kasihlah kepada rakan-rakan yang mengambil bahagian dalam perbincangan. Tadi Bahau ada mengatakan berkenaan dengan sekolah. Memang sekolah, pelajaran memang menjadi keutamaan. Dah menjadi sebagai dasar Kerajaan Negeri Sembilan iaitu menjadikan Negeri Sembilan sebagai Lembah Ilmu dan untuk melahirkan ramai bijak pandai. Dan jugak anak-anak Negeri Sembilan mesti pandai-pandai Dato' Dipertua. Jadi, tidak lain tidak bukan, kita mesti memperkasakan sektor pelajaran dan itu adalah perlu dengan mewujudkan banyak sekolah-sekolah. Sekolah kebangsaan ataupun *primary school* peringkat sekolah rendah dan jugak sekolah menengah. Tidak kiralah dia di sekolah kebangsaan, SJKC, SJKT ataupun sekolah agama.

Berkenaan dengan pembinaan sekolah ni, Dato' Yang Dipertua. Sekolah adalah di bawah ruang lingkup kuatkuasa Kerajaan Persekutuan, di bawah Kementerian Pelajaran. Sekolah kebangsaan, kita bina, kerajaan membina Dato' Dipertua, berasaskan kepada kita punya prosedur dalam Kebenaran Merancang. Jika didapati kawasan pembinaan ataupun kawasan pembangunan itu mempunyai penduduk yang melebihi sekian-sekian banyak ataupun luasnya sekian-sekian besar, Dato' Yang Dipertua, maka perlu mereka wujudkan kawasan rizab untuk sekolah rendah dan sekolah menengah. Itu perlu.

Tetapi bagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini, Dato' Dipertua, dia bergantung kepada permintaan oleh komuniti itu sendiri. Jadi, jika ada, itu sebabnya kita mahu supaya pihak komuniti berinteraktif Dato' yang Dipertua, dan sentiasa saja memantau. Tetapi sama ada ianya diluluskan ataupun tidak oleh Kementerian Pelajaran, itu perkara kedua. Mereka mesti memohon untuk kita, bahagian perancang bandar, sama ada di daerah ataupun di peringkat negeri, untuk kita melihat dan memanjangkannya kepada pihak pemaju.

Tetapi untuk sekolah kebangsaan, Dato' Dipertua, jangan pulak kata kita ni *racist* ke tidak, tapi ini sekolah kebangsaan, sekolah kerajaan ya. Jadi, memang ada peruntukan di dalam Kebenaran Merancang, jika ia membina satu kawasan perumahan yang menjangkau penduduk yang lebih daripada beberapa ribu orang, saya kurang pasti Dato' Yang Dipertua, mesti ada sekolah rendah dan sekolah menengah. Tapi sekolah jenis kebangsaan ini, terpulang kepada komuniti.

Macam di IOI tersebut, komuniti orang India telah pun memohon sejak mula lagi perancangan IOI itu, Dato' Yang Dipertua, untuk diadakan dan

dipindahkan. Sekolah ini bukan sekolah baru Dato' Dipertua, sekolah ini dipindahkan daripada kawasan lain, sekolah mana? Ya? Sekolah di Bahau tu masuk dalam Bahau pergi ke IOI. Jadi, itu memang dah jadi prasyarat kepada Kementerian Pelajaran bahawa untuk memberikan lesen-lesen baru, memang tak ada lagi rasanya, tapi boleh memindahkan sekolah kurang murid. Macam sekolah di Bertam, Dato' Yang Dipertua, di Rembau, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Bertam, Ladang Bertam, dipindahkan kepada sekolah baru di Bandar Baru Sendayan, Dato' Dipertua, kerana mereka beralih dan diluluskan jugak oleh Kementerian Pelajaran.

Jadi, Bahau, kita, bila kita buat merancang itu kita mengambil kira dalam peraturan dan peruntukan Kebenaran Merancang. Tetapi peruntukan, permohonan untuk sekolah jenis kebangsaan ini sama ada sekolah Cina ataupun jenis Tamil, ia masih lagi berasaskan kepada permintaan dan permohonan daripada komuniti itu sendiri dan di bawah kelulusan Kementerian Pelajaran. Bila ada ini, maka Kerajaan Negeri akan segera untuk melihat supaya diberikan peruntukan untuk kawasan rizab untuk sekolah tersebut, Dato' Dipertua. Jadi yang sedang kita buat.

Jadi kita mintak supaya semua pemimpin masyarakat memainkan peranan ya, memainkan peranan masing-masing supaya tidak tertinggal. Nanti dah diluluskan Kebenaran Merancang, dah pun diluluskan, nak mintak kemudian, susah Dato' Dipertua, kerana nak menstruktur semula, *replanning* semula memakan belanja yang besar. Dan kadang-kadang pemaju tidak mahu mendengar kerana ini adalah atas asas orang kata, budi bicara mereka untuk membagi Dato' Dipertua, ya. Macam kita buat, macam sekolah-sekolah, macam di Ladang Ulu Kanchong dipindahkan ke Forest Heights, misalnya Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Ulu Kanchong, pindah ke Forest Heights. Saya sendiri mintak di atas permohonan daripada pihak-pihak tertentu, Lembaga Pengelola Sekolah tersebut memohon daripada pemaju tersebut kerana mereka masih lagi di peringkat untuk memas, memohon kebenaran Kebenaran Merancang. Jadi kita mintak dan dapat tanah tersebut dibagi oleh pihak pemaju. Tetapi sekolah kebangsaan di Forest Heights memang ada sekolah menengah dia yang akan ada pulak nanti sampai ke Tingkatan 6, ya, di, di Forest Heights.

Dato' Dipertua, ini saya perlu terangkan bukan secara automatik ya, bukan secara automatik rizab sekolah jenis kebangsaan ini wujud dalam kawasan pembangunan tetapi dia dibuat atas permohonan. Tetapi rizab ataupun peruntukan untuk sekolah kebangsaan baik sekolah rendah mahupun sekolah menengah, adalah di dalam peruntukan kerajaan, Dato' Yang Dipertua.

Rancangan Tempatan Daerah, Dato' Yang Dipertua, 2015 – 2020, tadi kata 2000 – 2000. Saya fikir macam mana, 2000 – 2000, tak tahu tahun apa. Dato' Dipertua, memang kita lihat. Jempol ni Dato' Yang Dipertua, terutamanya Bahau khususnya merupakan bandar kedua terbesar dalam Negeri Sembilan, selepas Seremban ya. Jadi pembangunan di sana dirancang dengan sebaik yang mungkin. Itu sebabnya pemaju di sana, IOI, Dato' Yang Dipertua, kita telah pun mintak dia semasa mereka memohon Kebenaran Merancang untuk membina satu jalan pintas, *by pass* iaitu untuk mereka *by pass* Mahsan, daripada Rompin ke Mahsan, Dato' Dipertua. Jadi tidak lagi perlu orang yang daripada Rompin nak ke Mahsan ataupun nak pergi ke Bandar Baru Serting melalui Bandar Bahau dan menyebabkan kesesakan yang amat sangat sewaktu puncak, waktu hujung minggu dan lain-lain, Dato' Dipertua. Jadi mereka berbelanja lebih kurang 30 lebih juta, pemaju tersebut, dengan kerjasama mereka kita telah dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas.

Tetapi kesesakan yang dikatakan tadi, daripada Kuala Pilah sampai ke Bahau tu, hujung minggu terutamanya, itu kita telah mintak daripada Kerajaan Persekutuan untuk kita mintak Kerajaan Persekutuan membina laluan swasta Dato' Dipertua, yang telah pun dari segi *prinsip*nya, dari segi dasarnya telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan kerana memang telah pun wujud keperluan yang mendesak. Diadakan satu jalan, laluan pintas untuk mengelakkan dan mengurangkan kesesakan yang teramat sangat yang berlaku setiap hujung minggu terutamanya pada musim-musim perayaan, iaitu jalan Kuala Pilah, Seremban – Kuala Pilah, Kuala Pilah ke Bahau dan seterusnya Dato' Yang Dipertua. Jadi ini sedang dalam kajian, Kerajaan Pusat telah pun dengar khabarnya memanggil beberapa syarikat konsultan untuk melihat jajaran, Dato' Dipertua ya. Dan terpulanglah, dan saya yakin dia akan dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-12 ataupun yang seterusnya Dato' Dipertua, ya.

Pelancongan itu nanti kita tengoklah macam mana nanti ya. Terpulanglah kepada Majlis Daerah Jempol, tetapi kita jugak itu hari atas asas permohonan yang telah pun dibuat dan jugak atas asas kita melihat wujudnya keperluan, permohonan untuk kita memanjangkan, meluaskan pentadbiran terutamanya memungut sampah di kawasan Palong 14, 15 dan 16 ya? 4,5,6 *sorry*, 4,5,6 ya. 4,5,6 tersebut telah pun kita luluskan dengan kita mengambil kira pertambahan kos penyelenggaraan di Majlis Daerah Jempol. Itu kita ambil kira kerana ini dilu, dibuat bukannya di dalam kawasan mereka, tapi mereka terpaksa memanjangkan perun, apa, kerja memungut sampah di kawasan tersebut, Dato' Yang Dipertua.

Yang lain-lain tak ada apa-apa, saya harap supaya masalah rakyat Dato' Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan akan terus pastikan ianya diselesaikan segera. Tetapi saya harap supaya jangan ada pihak-pihak yang cuba untuk meng*hijack*, dengan izin Dato' Yang Dipertua ya, isu-isu ini untuk menjadi *champion*lah, saya harap, terutamanya YB Guna ya, yang nak dibincangkan. Daripada tak ada apa-apa Yang Dipertua, tanah tu satu geran besar saja Dato' Dipertua, di atas nama syarikat tersebut. Tak ada apa-apa. Orang yang duduk di situ cuma menjadi, adakan *agreement* jugak dengan syarikat tersebut, tak ada nama pun dalam tanah sana, *it's a one big* geran, *big Title*. Tanah tersebut telah di, tergedai, terlelong, syarikat dah bankrap, kita nak selesaikan tapi ada orang nak jadi hero, tapi bila polis datang, dia nombor satu lari, orang tua tinggal, Dato' Dipertua. Ini yang kadang-kadang kita kesian. Kita tak mahu supaya orang, ramai yang nak diselesaikan ya, kita nak selesaikan kes ni. Kita bukan nak menganiaya sesiapa Dato' Dipertua. Itu saja sepintas lalulah saya boleh cakap kerana kes ini tidak, saya tidak mahu menjadi subjudis kepada prosiding yang sedang berlaku di peringkat Mahkamah Rayuan. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebentar lagi saya akan menangguhkan persidangan Dewan, tapi ada perkara yang saya nak kongsi bersama dengan ahli-ahli Yang Berhormat.

Persidangan Dewan pada kali ini kita tak tahu sama ada ianya persidangan yang terakhir atau tidak. Sekiranya persidangan kali ini sebagai persidangan terakhir bagi penggal ini, saya jugak mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih terutama kepada Yang Amat Berhormat, ahli Yang Berhormat yang telah memberi mandat dan kepercayaan kepada saya untuk mengemudi Dewan pada penggal ini. Sebenarnya bukan sesuatu yang mudah jadi Yang Dipertua ni. Walaupun kerjanya nampak hanya tiga kali setahun, tapi proses kerjanya berjalan sepanjang masa, dari satu persidangan ke satu persidangan. Jumlah mesyuarat mungkin tak dapat saya nyatakan di sini, jumlah perjumpaan pun jugak tak dapat saya nyatakan di sini. Ada masanya bermesyuarat tengah malam, terpaksa berjumpa dengan semua ahli Dewan yang berkepen, yang perlu kita selesaikan. Dan alhamdulillah, ianya berjalan dengan baik.

Saya bersyukur dan memanjangkan syukur ke hadrat Allah s.w.t., sepanjang saya jadi Yang Dipertua, saya sentiasa mendapat kerjasama yang baik terutama dari Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri yang tak jemu-jemu

membantu terutamanya berkaitan dengan undang-undang, Pegawai Kewangan Negeri, ketua-ketua jabatan, media massa, sudah tentunya tak lupa kepada urus setia di Unit Dewan Undangan Negeri yang sentiasa bekerjasama bagi menjalankan, memastikan urusan persidangan kita berjalan dengan baik dan lancar.

Saya jugak nak ambil kesempatan nak ucapkan tahniah kepada ahli-ahli Yang Berhormat kerana kebelakangan ini saya dapati apabila membuat pengundian ahli Yang Berhormat semua mengambil bahagian sama ada bersetuju, sama ada tidak bersetuju ataupun berkecuali. Dia memberi satu kepuasan kepada saya sebab orang ada tetapi ambil bahagian. Haa dulu orangnya ada, tapi tidak ambil bahagian, haa itu yang kadang-kadang buat saya naik geram.

Hari ini, sekiranya persidangan ni menjadikan persidangan terakhir, saya mengambil kesempatan ini nak memohon maaf jika ada sepanjang saya menerajui persidangan Dewan ini terdapat salah silap mahupun berkecil hati di atas keputusan yang, tindakan serta ketegasan saya dalam mengam, mengendalikan persidangan. Semuanya saya lakukan adalah demi untuk menjaga kemuliaan Dewan kita. Dewan adalah tempat kita bersidang, saya faham kadang-kadang ada ahli Dewan yang beremosi, cuma Yang Berhormat lupa, Yang Dipertua tak boleh beremosi.

Saya jugak ucap terima kasih pihak JKR kerana telah *upgrade* kita punya sistem *mic* dan jugak *PA system*. Terima kasih kepada Kerajaan Negeri, kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan dan Pengarah JKR. Yang Berhormat duduk hanya sehari di sini, saya datang ke Dewan melihat *speaker* ni saja puluhan kali, kerana apa, kerana nak memastikan ianya berjalan dengan baik dan lancar. Saya ada satu butang di sini yang saya belum sempat gunakan lagi. Iaitu satu butang yang saya mintak, kalau saya tak benarkan siapa-siapa berucap, saya boleh tekan, semua kena senyap. Jadi, satu butang baru yang dimintak khas sebab kadang-kadang bila perbincangan ahli Yang Berhormat bertekak sesama sendiri, lupa yang saya ada di depan. Jadi itulah butang tu. Tapi alhamdulillah, hari ini kita tak gunakan dan ianya berjalan dengan baik.

Saya nak ucap berbanyak-banyak terima kasih kepada semua. Inshaa Allah kita akan berjumpa lagi, kalau ada. Kalau tidak, saya mohon maaf daripada hati saya kalau ada berlaku apa-apa kesilapan yang terguris di hati tuan-tuan terutama ahli-ahli Yang Berhormat. Tidak terlintas di hati kita sebenarnya bagi semua ya, bagi pihak kerajaan mahupun pihak pembangkang, kita berjuang untuk memastikan rakyat diberikan, yang memberikan mandat untuk kita *serve* ya, memberi khidmat

kepada masyarakat. Dengan kata-kata itu saya sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum w.b.t. Dewan ditangguhkan.

[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 4:20 petang]

HANSARD DUNNS